

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 11	Rabu	25 Mac 2015
----------------	-------------	--------------------

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 26)
Menjunjung Kasih Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong - <i>Datuk Seri Haji Noh bin Omar (Tanjong Karang)</i>	(Halaman 27)

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT PERTAMA
Rabu, 25 Mac 2015
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Polis pada hari ini. Saya jemput soalan nombor Dato' Ahmad Fauzi Zahari.

1. Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa] minta Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air menyatakan adakah kementerian bercadang untuk menurunkan tarif elektrik memandangkan harga bahan bakar telah turun mendadak di pasaran.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air [Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Setiawangsa bersekali dengan soalan-soalan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kedah, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Batu Sapi, Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Pasir Puteh, bersekali dengan soalan-soalan dari Ahli Yang Berhormat Mersing dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan yang masing-masing dijadualkan pada 16 Mac, 25 Mac, 30 Mac, 1 April, 7 April dan 9 April 2015 kerana semua soalan adalah berkaitan dengan perkara-perkara sama yang dibangkitkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penetapan kadar tarif elektrik tidak hanya bergantung kepada harga satu bahan bakar di pasaran semata-mata. Sebaliknya kadar tarif elektrik turut dipengaruhi oleh dua faktor lain. Faktor pertama ialah campuran bahan bakar yang digunakan seperti gas asli berpaip, arang batu dan *liquefied natural gas* (LNG) dengan izin. Manakala faktor yang kedua ialah kos-kos yang terlibat dalam penjanaan elektrik.

Dalam hal ini campuran bahan bakar dan kos penjanaan telah diguna pakai dalam menetapkan kadar tarif elektrik di Semenanjung berdasarkan pendekatan kawal selia, berdasarkan insentif atau Incentive Based Regulation (IBR), dengan izin. Di bawah pendekatan

IBR, terdapat mekanisme Imbalance Cost Pass-Through (ICPT) dengan izin, di mana sebarang pengurangan ataupun peningkatan kos bahan api dan lain-lain kos penjanaaan bekalan elektrik akan dilepaskan kepada pengguna melalui semakan tarif setiap enam bulan.

Kerajaan sedia maklum bahawa harga minyak mentah dunia telah berlaku penurunan bermula pertengahan bulan Jun 2014. Namun begitu, penurunan ini tidak memberi kesan yang ketara kepada tarif elektrik kerana bahan bakar minyak hanya menyumbang 1% daripada keseluruhan campuran bahan bakar. Manakala gas asli berpaip dan LNG yang merupakan bahan bakar utama bagi penjanaaan elektrik menyumbang lebih kurang 54% daripada keseluruhan campuran bahan bakar dan daripada 54% tersebut, 70% adalah gas asli berpaip. Dalam hal ini gas asli berpaip di Semenanjung telah ditetapkan pada harga subsidi RM15.20 mmBTU yang jauh lebih rendah daripada harga pasaran.

Susulan itu, kerajaan terus memantau dengan rapi harga arang batu yang merupakan bahan bakar kedua tertinggi yang menyumbang sebanyak lebih kurang 40% daripada campuran bahan bakar bagi penjanaaan elektrik. Semakan awal tahun 2014, harga arang batu yang digunakan untuk menjana elektrik adalah lebih rendah, di mana bagi tempoh Julai hingga Disember 2014 harga purata arang batu di pasaran ialah USD73.36 per tan berbanding dengan tanda aras *base line price*, dengan izin iaitu sebanyak USD87.50 per tan.

Pada masa yang sama kos penjanaaan elektrik telah berjaya dikurangkan oleh kerana prestasi loji-loji jana kuasa arang batu yang telah meningkat sekali gus mengurangkan pergantungan kepada bahan bakar yang lain yang lebih tinggi harganya. Susulan daripada senario yang saya nyatakan tadi terdapat penjimatan ICPT sebanyak RM726.99 juta. Oleh itu, kerajaan telah memutuskan untuk melepaskan penjimatan tersebut kepada pengguna di Semenanjung. Ini diterjemahkan dalam bentuk rebet bil elektrik sebanyak RM2.25 satu kilowatt jam bagi tempoh 1 Mac 2015 hingga 30 Jun 2015.

Keputusan ini akan dan telah melibatkan semua pengguna domestik dalam lingkungan penggunaan melebihi 300 kilowatt jam sebulan dan semua pengguna komersial dan industri. Penurunan ini dapat dimanfaatkan oleh pengguna melalui bil elektrik yang lebih rendah berdasarkan penggunaan elektrik semasa. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme ICPT masih belum diimplementasikan di negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Namun demikian, selaras dengan penurunan minyak mentah dunia, terdapat penjimatan dalam perbelanjaan bagi bahan api. Untuk mengurangkan beban rakyat, pihak kerajaan telah bersetuju agar purata kadar tarif RM34.52 satu kilowatt jam diturunkan sebanyak RM1.20 ke kilowatt jam bagi negeri Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi tempoh 1 Mac sehingga 30 Jun 2015.

■1010

Dalam hubungan ini, pengurangan bil elektrik menerusi semakan ICPT di semenanjung dan pengurangan purata kadar tarif elektrik di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan telah membuktikan ketelusan kerajaan dalam memastikan bekalan elektrik dapat dinikmati oleh semua

rakyat berdasarkan kos sebenar. Komitmen ini membuktikan kerajaan amat prihatin untuk mengurangkan beban dan kos sara hidup rakyat. Terima kasih.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2014 kerajaan telah bersetuju membayar RM1.6 bilion kos pengeluaran tenaga bagi mengekang kenaikan tarif yang sepatutnya dinaikkan pada bulan Jun tetapi pada bulan Februari 2014. Pada 2015 disebabkan harga barang bahan api turun maka kerajaan telah menurunkan kadar tarif elektrik ini. Akan tetapi kedua-dua keputusan dibuat untuk mengekang harga tarif naik pada 2014. Tarif itu hanya boleh dikekang sehingga Jun 2015. Begitu juga apabila penurunan diumumkan oleh kerajaan pada bulan Februari 2015 penurunan itu hanya sehingga Jun 2015.

Soalan saya ialah sekiranya sehingga akhir bulan Jun ini kos bahan api di pasaran masih kekal dengan harga yang sama dan tidak mengalami sebarang peningkatan adalah TNB akan terus mengekalkan tarif sedia ada dan adakah kementerian dapat memberi jaminan dalam Dewan ini bahawa harga tarif tidak akan naik sepanjang tahun 2015 ini.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Setiawangsa. Seperti mana Yang Berhormat telah tekankan tadi, kerajaan telah berusaha begitu gigih untuk memastikan kenaikan tarif itu dielakkan di mana yang boleh, tertakluk kepada faktor-faktor kos input dan bahan api seperti mana yang saya sentuhkan tadi.

Seperti mana kenaikan ataupun penurunan tarif yang sedang kita nikmati sekarang ini RM2.25 adalah hanya sekadar untuk Mac sampai Jun. Kerajaan telah memutuskan supaya tidak ada kenaikan tarif untuk sepanjang tahun ini. Dia tidak kata ada penurunan tetapi tidak ada kenaikan. Jadi, tertakluk kepada kedudukan kos input ataupun bahan api. Pada saat ini seperti mana yang saya katakan tadi *crude oil does not directly impact* dengan izin kepada kos kita kerana *crude* sebenarnya dari segi diesel sekadar 1% tetapi gas itu kita subsidi pada saat ini dalam harga yang telah saya katakan tadi. Jadi tidak ada impak hanya penjimatan daripada kerajaan dari segi subsidi.

Jadi kita akan terus meneliti. Pada saat ini kos USD55 satu *barrel*. Dari segi bahan api arang batu pula ia begitu *steady* dalam harga yang saya telah sentuhkan tadi dan dalam kita punya fokus bahawa barangkali tidak banyak penurunan tambahan dari segi arang batu tetapi dari segi minyak di peringkat dunia itu macam *steady* dalam keadaan USD55. Jadi dari segi gas *pattern* nya adalah dalam kadar begitu walaupun dijangka kemungkinan ada penurunan. Kita punya jaminan bahawa tidak ada kenaikan seperti mana yang diputuskan tiada kenaikan tarif diputuskan oleh kerajaan dan kita teliti perkembangan selepas semakan bulan Jun, apa lagi *saving* yang boleh disampaikan kepada pihak pengguna.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Saya ingin minta penjelasan daripada pihak kementerian berkenaan dengan kecekapan penggunaan meter digital yang digunakan di rumah-rumah pengguna elektrik di seluruh negara. Jadi, sejauh mana pemantauan terhadap kolaborasi meter

digital yang kita tahu sekurang-kurangnya enam bulan sekali atau setahun sekali *dicheck* balik sebab dia mungkin boleh menyebabkan bacaan meter itu tidak tepat, menyebabkan beban bertambah kepada pengguna. Sejauh mana isu kolaborasi tentang meter digital ini diambil perhatian oleh TNB dari sudut pemantauan penyelenggaraan. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili: Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang. Dari segi penggunaan meter khususnya *smart meter* ini keseluruhannya sebagaimana dengan konsep *smart grid* dalam proses *pilot* kita telah memulakan 1,000 unit di Lembah Pantai, di kawasan Kuala Lumpur dan Melaka. Dari segi meter-meter yang sedia ada, yang juga sentiasa dalam gred ataupun standard yang berasaskan kepada penggunaan di peringkat antarabangsa semua meter ini adalah dari segi pengeluaran dipantau dengan standard daripada SIRIM dan pihak Suruhanjaya Tenaga apabila *complaint* itu dikemukakan mereka mengambil *sampling* daripada semasa ke semasa daripada mereka yang mengadu dan juga daripada mereka dari segi *general sampling*.

Jadi harus tidak ada timbul soal dari segi meter yang tidak tepat dan sebagainya. Memang ada juga aduan-aduan yang mengatakan tiba-tiba dengan penukaran meter yang lebih canggih dan nampaknya *reading* ataupun bil itu meningkat. Akan tetapi apabila kita teliti termasuk apa yang disampaikan oleh Ahli-ahli Parlimen dan kita pergi meneliti perkara sebenar, *check report* nya sebelum ini belum ada yang begitu ketara bahawa penggunaan meter yang baru itu telah meningkatkan bil dalam sesuatu pengguna tersebut.

Sememangnya barangkali meter dahulu itu tidak berapa efisien dan tidak mencerminkan bacaan yang sebenar tetapi kalau meter itu ada *fault* dan ia pula tidak mencerminkan penggunaan sebenar. Setakat ini aduan-aduan itu majoriti tidak berbasas. Namun kita sentiasa terbuka untuk meneliti perkara ini.

Penggunaan terkini ialah menuju kepada *smart meter* dan ini dalam proses 1,000 sudah dalam *pilot* di mana *smart meter* ini sama seperti *smart grid*, pihak pengguna boleh monitor sendiri penggunaannya. Dia boleh mengurangkan penggunaan pada masa kos itu tinggi dan sebagainya seperti sebelah malam di mana bukan *peak period* dan sebagainya. Dia boleh tetapkan berapa bajet dalam satu tahun dan dengan itu boleh *control* berapa banyak penggunaannya. Jadi kita sedang mengarah di situ. Kajian sedang berjalan dan keputusan kajian itu nanti akan menjadi landasan untuk memperluaskan penggunaan *smart meter* yang baru. Terima kasih.

2. **Dr. Ong Kian Ming [Serdang]** minta Perdana Menteri menyatakan di bawah Program Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST), berapakah anggaran nilai kontrak perkhidmatan bas untuk setiap satu "*network*" masing-masing di lima kawasan "*Pilot Project*" dan sama ada SPAD akan melantik "*network operator*" secara rundingan terus ataupun tender terbuka.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Nancy binti Shukri]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat yang bertanya. Saya nampak Yang Berhormat tanya soalan ada dua bahagian untuk dijawab di sini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang melaksanakan inisiatif transformasi untuk perkhidmatan bas henti-henti bagi memastikan kualiti perkhidmatan yang baik tanpa mengkompromikan kemampuan atau dengan izin *sustainability* sistem industri ini. Dua polisi utama yang dirangka adalah pelaksanaan rangkaian bas henti-henti berdasarkan penawaran ataupun *supply base* dan dengan izin, *growth cost delivery model*. Ia dirangka sebagai penyelesaian jangka panjang bagi mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh perkhidmatan bas henti-henti. Rangkaian bas henti-henti berdasarkan penawaran ini akan mengatasi masalah kekurangan liputan dan kesalinghubungan ataupun *connectivity*, dengan izin di bandar mahupun luar bandar.

Bagi melaksanakan rangkaian ini *growth cost delivery model* diperkenalkan. Pengusaha atau operator akan dapat menawarkan perkhidmatan dalam rangkaian tanpa perlu gusar tentang kemapanan operasi mereka. Melalui skim ini kerajaan melalui Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) akan bertanggungjawab terhadap kos operasi bagi rangkaian bas ini manakala operator hanya perlu memastikan perkhidmatan disediakan dalam kawasan rangkaian mengikut kekerapan dan terma-terma yang ditetapkan dalam kontrak.

■1020

Untuk soalan bagi seksyen yang kedua mengenai *network operator* yang dipilih, untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, proses pelantikan *network operator* adalah berdasarkan kepada prosedur pemilihan seragam yang melibatkan perbincangan bersama semua operator bas henti-henti sedia ada di kawasan terbabit. Terdapat tiga prosedur yang digunakan Yang Berhormat.

Pertama ialah SPAD akan mengeluarkan jemputan sebagai operator rangkaian ataupun *network operator* kepada operator sedia ada di sesuatu kawasan mengikut kriteria berikut:

- (i) operator tunggal di kawasan berkenaan;
- (ii) operator dominan iaitu operator yang menyediakan perkhidmatan majoriti di sesuatu kawasan yang meliputi 75% atau lebih laluan di kawasan tersebut; dan
- (iii) persetujuan sebulat suara oleh kesemua bas yang sedia ada di kawasan tersebut untuk melantik salah satu operator di kalangan mereka.

Untuk prosedur yang kedua Yang Berhormat, sekiranya tiada persetujuan melalui prosedur satu, setiap operator sedia ada dijemput untuk membida dalam tender tertutup.

Prosedur ketiga pula ialah sekiranya masih tidak dapat melantik operator rangkaian yang sesuai, maka jemputan untuk membida akan dibuka kepada semua operator di Malaysia. Itu sahaja. Terima Kasih.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri. Saya mengucapkan tahniahlah kepada pihak Kementerian dan juga SPAD atas inisiatif yang baik ini kerana ini akan mengatasi masalah *non profitable and underserved route* dengan izin.

Saya ada dua soalan. Soalan yang pertama ialah saya hendak merujuk kepada kes Seremban, SBST di Seremban.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Serdang, soalan tambahan satu sahaja.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Okey, okey. Saya tahu. Satu soalan sahaja. Satu campur satu lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ia juga tidak boleh disatukan.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Soalan saya ialah merujuk kepada SBST yang dilaksanakan di Seremban. Sebagaimana yang saya tahu, kontrak telah diberikan kepada satu syarikat sahaja iaitu satu *network operator*, Skyliner. Jadi saya hendak minta penjelasan daripada pihak Kementerian, kenapa satu sahaja *network operator* dipilih dan sebagaimana yang saya tahu, satu *network operator* ini akan subkontrak *route-route* bas kepada operator yang lain. Saya rasa ini tidak begitu baik kerana subkontrak yang diberikan kepada operator lain mungkin akan menyebabkan operator lain itu mendapat kerugian ataupun keuntungan yang kurang berbanding dengan *network operator* tunggal iaitu Skyliner.

Saya harap Kementerian boleh melaksanakan SBST ini di kawasan Selangor juga kerana kawasan Selangor ini ada banyak tempat yang kurang diberi perkhidmatan oleh SPAD.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Serdang.

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Saya rasa Kementerian perlu tahu bahawa Selangor ini memang ada banyak penduduk di kawasan seperti di Bandar Baru Bangi, Serdang Perdana, Serdang Raya di bawah kawasan saya yang masih belum lagi diberi perkhidmatan oleh Rapid KL. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat, soalan juga tidak boleh berhelah untuk berucap.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak mendapat penjelasan, tadi Yang Berhormat Serdang berkata Skyliner di Seremban ataupun Cityliner?

Dr. Ong Kian Ming [Serdang]: Maaf, Cityliner. Cityliner.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Cityliner. Ya, itu sebenarnya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, pada 23 Januari yang lepas, SPAD telah memeterai perjanjian dengan Cityliner dan MARA Liner Sdn Bhd untuk memperkenalkan konsep baru perkhidmatan bas henti-henti

yang berasaskan konsep *network planning* bagi Seremban dan juga selain itu saya rasa Kangar pun ada.

Seperti yang saya nyatakan tadi, kita ada satu *network operator* berdasarkan pada prosedur yang ada tadi. Mengikut persoalan yang ditanya oleh Yang Berhormat tadi, untuk prosesnya ialah di mana kita ada satu *network operator* di mana mereka telah bersetuju dengan operator-operator yang sedia ada di kawasan setempat itu, maka mereka akan mengambil yang mencapai 75% tadi. Jadi, itu yang menjadi *network operator* dan yang lain itu menjadi sub nya. Memang itu telah dipersetujui di antara mereka semua. Jadi itulah caranya beroperasi di mana-mana pun, bukan sahaja untuk Seremban, malah di seluruh lima kawasan yang dicapai.

Jadi untuk kawasan Selangor tadi, Yang Berhormat Serdang tanya tadi, sebenarnya Selangor ini termasuk di bawah Greater Kuala Lumpur dalam satu program yang kalau tidak silap saya di bawah NKRA, memang sudah adapun dimasukkan dalam satu rancangan di bawah SPAD juga di mana Selangor kerana ia masuk di bawah kawasan *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* yang telah pun mempunyai perancangan pembangunannya yang tersendiri di bawah inisiatif NKRA Greater Kuala Lumpur oleh PEMANDU.

Untuk makluman semua juga, perancangan besar SPAD ini memang ia, *insya-Allah*, dalam jangka panjang akan meliputi, pertama, kita akan meliputi semua *capital cities*, dengan izin, selepas itu akan pergi ke kawasan-kawasan yang kecil.

Saya juga hendak berterima kasih Yang Berhormat Serdang kerana Yang Berhormat Serdang tadi *you acknowledge*, dengan izin, di mana SPAD iaitu kerajaan cuba membantu terutama sekali kawasan-kawasan yang tidak menguntungkan di mana kita memainkan peranan sosial kita di sana. Jadi terima kasih Yang Berhormat Serdang. Kalau perlu secara *detail* lagi, kita boleh bincang di luar. Terima kasih.

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan]: Terima kasih Yang di-Pertua. Memandangkan Kuching merupakan salah satu bandar yang akan menggunakan perkhidmatan SBST. Soalan tambahan saya, adakah kawasan Samarahan termasuk di bawah SBST ini? Bilakah ia akan bermula dan adakah prosedur yang sama akan digunakan? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, tiga soalan digabungkan juga.

Puan Hajah Nancy binti Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dia ringkas sahaja. Terima kasih Yang Berhormat Kota Samarahan. Terima kasih kerana ini juga bagus untuk makluman orang dari Sarawak terutama sekali Kuching kerana ia meliputi di antara lima kawasan *pilot project*, dengan izin. Betul, Samarahan ini berdekatan dengan Kuching, ia termasuk di bawah perancangan yang akan dilaksanakan.

Untuk bila programnya dimulakan, saya difahamkan bahawa ianya dijangkakan disasarkan untuk dilaksanakan di Kuching selewat-lewatnya pada suku keempat tahun ini, sebelum penghujung tahun. Difahamkan juga bahawa fasa pemilihan operator rangkaian di

Kuching telah pun selesai dan pada masa ini ia masih memasuki fasa untuk memuktamadkan kontrak. Jadi prosedurnya pun sama juga seperti yang saya nyatakan tadi. Prosedur dia sama tetapi daripada segi nilainya akan berbeza kerana ia bergantung pada kawasan. Terima Kasih Yang di-Pertua. Terima Kasih Yang Berhormat Kota Samarahan.

3. Dato' Haji Mohd Zaim bin Abu Hasan [Parit] minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan apakah mekanisme yang digunakan bagi menurunkan harga barang yang didapati tidak diturunkan walaupun kerajaan telah menurunkan harga minyak dengan begitu ketara sekali.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Parit.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjawab soalan ini bersekali dengan dua soalan lain yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tenom pada 6 April dan Yang Berhormat Tebrau pada 7 April kerana ia menyentuh isu dan juga perkara yang sama iaitu perubahan harga barangan keperluan asas berikutan perubahan yang berlaku pada harga minyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya peningkatan kos harga barang bukan hanya berpunca daripada kenaikan harga minyak semata-mata tetapi terdapat banyak faktor lain seperti ketidaktentuan cuaca, bencana alam, manipulasi orang tengah, peningkatan kos sewa beli, soal tarif, kadar upah, kadar pertukaran wang asing dan persekitaran ekonomi global yang di luar daripada kawalan juga telah memberi kesan terhadap permasalahan kos sara hidup yang terpaksa dihadapi oleh rakyat terutamanya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah.

■1030

Selain itu, harga barangan di pasaran juga ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran, iaitu *demand and supply*, dengan izin. Oleh yang demikian, kerajaan telah bertindak menubuhkan Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup pada tahun 2014 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiri dan dianggotai 14 orang Menteri untuk menangani isu-isu kos sara hidup dan harga barangan ini secara bersepadu serta berterusan.

Selain daripada itu, kementerian juga telah mengambil inisiatif mengadakan sesi *engagement* antara kementerian bersama pengilang, pembekal, pemborong, peruncit dan juga persatuan yang diadakan pada 10 Februari 2015 yang lalu, dan dalam sesi *engagement* yang diadakan ini telah membuatkan hasil yang positif di mana pihak-pihak yang terlibat telah

bersetuju untuk menurunkan harga barangan, selaras dengan harga kos operasinya yang telah berkurangan berikutan penurunan harga minyak di pasaran. Perjumpaan ini adalah amat penting dan sejajar dengan matlamat kerajaan untuk memastikan pihak-pihak peniaga yang terlibat, sama-sama memikul tanggungjawab membantu kerajaan meringankan beban rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, pada setiap kali tiba musim perayaan juga, pihak kementerian akan melancarkan skim kawalan harga musim perayaan yang merupakan satu kaedah untuk menyekat kenaikan harga yang tidak munasabah semasa permintaan begitu tinggi di musim-musim perayaan, dan pada tahun ini Skim Kawalan Harga Musim Perayaan telah kita laksanakan semasa Tahun Baru Cina baru-baru ini iaitu bermula dari 14 Februari hingga 25 Februari yang lalu, dan skim ini akan terus kita laksanakan untuk perayaan-perayaan lain seperti Hari Gawai, Pesta Keamatan, Hari Raya Puasa, Deepavali, Krismas yang akan datang. Dan semasa skim ini berkuat kuasa, peniaga dikehendaki menjual barang harga terkawal tidak melebihi harga maksimum yang telah ditentukan oleh kerajaan.

Jika gagal berbuat demikian, boleh diambil tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011, bagi perayaan utama negara, pada masa yang akan datang bagi menjaga kepentingan rakyat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak kerajaan juga telah menganjurkan Kempen Penurunan Harga semenjak 2008 lagi hingga kini. Kempen Penurunan Harga iaitu KPH ini merupakan salah satu inisiatif kerajaan dengan kerjasama industri peruncitan bagi menawarkan barang kegunaan harian terutamanya barang keperluan pada harga yang berpatutan dan dalam kempen ini, penyertaan kempen ini komitmen secara sukarela dan peratusan penurunan harga antara 10% hingga 70% dalam tempoh minimum penurunan harga iaitu selama 30 hari. Program ini pada 1 Mac 2015 yang lalu. Kempen Penurunan Harga 2015 telah berjaya kita laksanakan secara serentak dan besar-besaran di seluruh negara dengan penglibatan sebanyak 16 buah syarikat.

Kementerian amat menghargai komitmen syarikat-syarikat yang terlibat dalam kempen ini, dan tempoh kempen ini adalah antara satu hingga empat bulan, Tuan Yang di-Pertua, bermula dari tempoh pelaksanaan 1 Mac 2015, dan dalam kempen ini sebanyak 1036 buah cawangan pasar raya dan juga pasar mini di seluruh negara termasuklah Sabah dan Sarawak telah mengambil bahagian dan penawaran serta diskaun ini sehingga 70% bagi 82,582 buah produk. Menjadi harapan kerajaan supaya kempen ini dapat meringankan beban rakyat terutama mereka yang berpendapatan rendah. Kementerian juga menyeru agar syarikat-syarikat lain, selain daripada 16 buah syarikat yang telah pun bersama dengan kita, dan juga termasuk restoran, peniaga, pihak-pihak yang terlibat agar dapat menawarkan harga barangan secara berpatutan dan berterusan bersama-sama dengan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah di atas tadi, kementerian juga melaksanakan Anugerah Kedai Harga Patut. Jadi banyak program yang telah kita laksanakan

dan semua operasi ini yang kita jalankan, program yang kita jalankan dan akhirnya Tuan Yang di-Pertua, mestilah selalu kita menyebut mengenai dengan pemantauan dan juga pemeriksaan. Jadi ini adalah penting untuk kita memastikan apa yang telah kita laksanakan tercapai. Jadi sebab itu pemeriksaan dan pemantauan yang rapi, menyeluruh bagi semua barangan ini, kita adakan Ops Harga 2014, untuk makluman Dewan iaitu sehingga 21 Disember, sebanyak 2,084,898 pemeriksaan yang telah kita lakukan. Itu sepanjang tahun 2014...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Menteri, panjang lagi?

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Ada sikit lagi. Bagi segi tindakan undang-undang yang kita ambil sebanyak 5,900 kerana apa juga program yang kita laksanakan, yang penghujungnya ialah penguatkuasaan. Jadi sebab itu saya nak laporkan mengenai dengan penguatkuasaan yang telah kita laksanakan. Tindakan undang-undang lebih daripada 5,934, dan nilai rampasan yang kita buat lebih daripada 1,213,000 dan kompaun yang kita laksanakan lebih daripada 323. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Parit.

Dato' Haji Mohd. Zaim bin Abu Hasan [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan.

Dikatakan faktor yang menggagalkan kempen menurunkan harga barangan ialah satu, kerana walaupun Menteri dah mengatakan penguatkuasaan dibuat tapi ada pandangan berpendapatan kegagalan pasukan penguat kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang yang sedia ada. Jadi menyebabkan mereka berani walaupun ada arahan dan amaran tapi mereka berani kerana kelemahan penguat kuasa.

Yang kedua, kedegilan para peniaga yang melanggar arahan kerajaan supaya jangan menaikkan harga barang terutama sekarang ini menjelang GST 1 April, peniaga-peniaga telah mula menaikkan harga barang dengan alasan mereka kena bayar lebih nanti. Jadi apa ulasan Menteri dalam perkara itu. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Parit, soalan tambahan. Seperti yang saya sebut tadi dalam apa juga gerakan yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan, penghujungnya ialah pemantauan dan penguatkuasaan. Jadi sebab itu kita telah menggerakkan penguatkuasaan ini di seluruh negara untuk memastikan apa juga program yang kita laksanakan tercapai, dan mendapat kerjasama daripada semua pihak. Untuk itu Yang Berhormat, saya pun dah sebut, saya daripada awal tadi bahawa kita telah mengadakan Skim Kawalan Musim Perayaan dan kita juga ada tindakan-tindakan.

Contohnya sekiranya berlaku- ada tangkapan, ada penalti ataupun ada denda yang telah kita kuatkuasakan. Jadi kita minta kerjasama daripada pengguna terutama untuk membuat laporan kerana seperti yang saya sebut, keseluruhan pegawai penguat kuasa yang kita ada, kita

yakin tidak mencukupi daripada jumlah penguatkuasaan pegawai-pegawai. Sebab itu kita mohon supaya pengguna terutama, bekerjasama dengan kita untuk menyampaikan laporan-laporan sekiranya terdapat peniaga-peniaga ini meletakkan harga ataupun menjual barangan dengan harga yang tidak sepatutnya ataupun di luar daripada harga yang telah ditetapkan untuk membuat laporan, supaya pemeriksaan dan tangkapan boleh kita laksanakan.

Dalam kesalahan ini, penalti-penalti kita dah bagi tahu kepada peniaga-peniaga. Denda dan sebagainya, tetapi kita sedia maklum bahawa masih lagi terdapat peniaga-peniaga ini menjalankan kegiatan-kegiatan yang tidak mematuhi peraturan dan juga perundangan.

■1040

Jadi kita harap, orang ramai terutama pengguna dapat membantu kita dan juga Yang Berhormat supaya menyampaikan maklumat-maklumat untuk kita mengambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selalunya apabila minyak naik, barang dia akan naik. Macam baru ini, macam minyak daripada RM1.70 sehingga RM1.95, harga barang akan naik sampai 20 sen hingga 50 sen. Persoalan saya, apabila minyak turun, barang tidak turun. Jadi apabila hujah dalam kalangan peniaga ini, dia sebut, dia kata "*Macam mana hendak turun, kerana kami dapat barang sebelum ini mahal, macam mana pula kami hendak turun harga barang ketika harga minyak turun*". Jadi bolehkah mekanisme yang dilakukan oleh pihak kementerian, antaranya ialah pemberian rebat balik terhadap barang yang mereka dapat sebelumnya mahal dan dijual dengan harga yang ditetapkan, supaya mereka dapat rebat, untuk memastikan pengguna adil dan juga peniaga juga adil. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat daripada Bukit Gantang. Seperti yang saya sebutkan tadi, mengenai dengan kenaikan harga, dia bukan dalam satu faktor sahaja iaitu mengenai dengan kenaikan harga minyak, tetapi dia bergantung pada faktor-faktor lain seperti yang saya sebut pada awal tadi. Apa yang pentingnya ialah kadang-kadang permintaan melebihi daripada penawaran, *demand and supply*. Itu salah satu faktor yang cukup penting kerana keperluan melebihi daripada bekalan.

Selain daripada itu, kita sentiasa mengadakan sesi *engagement* ini dengan syarikat-syarikat ataupun pasar raya-pasar raya untuk memastikan supaya walaupun harga minyak turun, kita hendak supaya mereka memberi kerjasama dari awal tadi saya sebut, bersama-sama dengan kerajaan, hasil daripada penurunan harga minyak dan mungkin melibatkan kos yang

berkurangan untuk bersama-sama kita dengan kerajaan bagi memastikan supaya penurunan harga barangan. Sebab itu lebih daripada 82,000 harga produk-produk ini telah pun diturunkan sehingga ada ke paras 70%.

Jadi saya yakin, melalui kempen ini dan berterusan, kita tidak perlu lagi hendak *rebate* dan sebagainya. *Insyallah*, kementerian akan sentiasa menjalankan kempen-kempen ini untuk mendapatkan kerjasama untuk memastikan barangan harian ini sentiasa di bawah paras kemampuan pengguna untuk membelinya. Terima kasih.

4. Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan kaedah pemantauan (*monitoring*) pelaksanaan sistem penyaluran modal dan sistem kutipan bayaran balik pinjaman program TEKUN Nasional bagi mengelak berlakunya penyelewengan dan salah laku yang mungkin dilakukan oleh kakitangan TEKUN Nasional.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Nibong Tebal yang sentiasa berminat dengan TEKUN dan mungkin kita sini tidak tahu, saya pun baru tahu rupanya Yang Berhormat ini salah seorang pengasas penubuhan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) semasa dia di UPM dulu. Betul atau tidak? [*Bertanya kepada Yang Berhormat Nibong Tebal*]. Hah! Mengganggu. [*Ketawa*]

Jadi, sebagai menjawab soalan Yang Berhormat Nibong Tebal, di masa ini sistem pemantauan untuk penyaluran modal di bawah TEKUN Nasional bermula di pejabat kawasan iaitu pegawai kawasan akan menyiasat permohonan, ringkasnya begitulah. Kemudian setelah disiasat, laporan dibawa ke pejabat TEKUN kawasan, pengurus TEKUN kawasan pula akan menyemak serta mengesahkan laporan yang dibuat oleh pegawai itu.

Setelah itu peringkat yang ketiganya pula, pegawai pembiayaan atau *loan officer* di ibu pejabat akan menyemak dan boleh disebut sebagai *double checking* lah, so *double check* akan laporan yang dibuat di kawasan itu. Setelah dia berpuas hati, baru diangkat kepada jawatankuasa mesyuarat kelulusan pinjaman. Ini ia punya *steps* sebagai langkah-langkah pemantauan iaitu berkaitan dengan penyaluran pembiayaan. Setelah diluluskan pula, ia akan dipantau oleh pejabat TEKUN negeri yang akan memastikan bahawa pinjaman ini diberi kepada pengusaha-pengusaha yang betul-betul ataupun *genuine entrepreneurs*. Itu dia mekanisme ataupun struktur pemantauan untuk penyaluran pinjaman.

Untuk menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat, ialah daripada segi bayar balik pinjaman TEKUN. Ia boleh dibuat beberapa kaedah seperti berikut:

- (i) bayaran di pejabat TEKUN;
- (ii) kutipan oleh pegawai TEKUN di premis usahawan sendiri; dan

- (iii) bayaran secara cek, bayaran melalui kaunter bank di BSN dan Bank Rakyat ataupun bayaran melalui Pos Malaysia.

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Nibong Tebal.

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Kita tahu yang kerajaan memperuntukkan berbilion-bilion ringgit untuk program ini dan kesannya cukup baik untuk memajukan dan mempertingkatkan sosioekonomi peniaga-peniaga kecil dan pengusaha-pengusaha kecil. Akan tetapi malangnya, baru-baru ini kita dimaklumkan ada penyelewengan yang berlaku di peringkat tertinggi iaitu CEO TEKUN sendiri telah direman oleh SPRM dan dituduh untuk menyeleweng dan menyalah guna kuasa.

Dalam hal ini maknanya, sistem pemantauan itu tidak berkesan langsung dan penyelewengan boleh berlaku di dua peringkat. Pertama, dalam proses membuat kelulusan, proses penyaluran modal dan keduanya ialah masa kutipan balik, terutama sekali kutipan balik tunggakan-tunggakan yang begitu banyak.

Jadi dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanyakan kepada Menteri, apakah perancangan pihak kerajaan untuk memastikan supaya sistem penyaluran modal dan juga kutipan bayaran balik ini, SOP dapat dikemas kini, dapat diperbaiki untuk penambahbaikan proses pemantauan ini? Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Nibong Tebal. Apa pun yang dikatakan - saya ingin memberikan perangkaan bahawa kes-kes pecah amanah yang melibatkan TEKUN ini begitu kecil sekali, *less than 1%* iaitu sejak ia mula memberi pinjaman pada tahun 2006 sehingga 2014, jumlah kumulatifnya RM3.2 juta daripada pinjaman yang diberikan sebanyak RM3.3 bilion, lebih kurang 1%.

Akan tetapi kutipan ataupun bayar balik dapat diterima daripada tindakan yang diambil kepada kes-kes ini sehinggalah pada masa ini, tinggal hanya RM2.5 juta sahaja. So RM2.5 juta daripada RM3.3 bilion *is* kalau tidak silap tadi perkiraannya, *0.07%, not even 0.1%*. Jadi mengikut *standard* perbankan, saya diberitahu, ia adalah satu *percentage*, peratusan yang begitu kecil sekali. *You cannot expect to be perfect. Anywhere, banking system, loan institution, there is no such thing as perfect, but* apa yang perlu ialah kita hendak melihat berapa peratus. Itu yang menunjukkan prestasi sama ada buruk atau tidak.

■1050

Dari segi kejayaan sebagaimana Yang Berhormat sebut tadi yang diakui oleh Yang Berhormat sendiri, ia sangat berjaya apabila kita melihat kepada jumlah mereka yang mendapat bantuan iaitu seramai hampir 400,000 atau 396,000 peminjam usahawan mikro kredit. *This is big numbers. You cannot deny this.* Satu kejayaan besar daripada pihak TEKUN membantu

usahawan kecil. Dan itu bilangan peminjam. *Total disbursement* ataupun pinjaman yang diberikan ialah sebanyak RM3.3 bilion. *It is not small sum of money. So, we must give credit to TEKUN as well as to government on this effort helping a small entrepreneurs.*

Berhubung kait dengan apa yang berlaku, dia punya statusnya sebenarnya dia dalam peringkat siasatan. *It is not even being charged. Our CEO is not charged yet. It is only investigation* di pihak SPRM. *We never know, investigation, whether it is going to lead to charges being made against him* ataupun tidak ada *charge*. So kita tidak boleh buat andaian setakat ini untuk mengatakan dia melakukan atau tidak melakukan. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dulu saya berterima kasihlah kepada pihak kementerian kerana memberi peruntukan untuk pinjaman peniaga-peniaga kecil di bandar dan di luar bandar di bawah TEKUN.

Apa yang saya hendak utarakan di sini Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan, kalau boleh berilah peruntukan yang mencukupi kepada TEKUN kawasan seperti kawasan saya Sibuti dan Miri supaya peniaga-peniaga kecil ini dapat dibantu seterusnya kerana di kawasan saya kebanyakan yang meminjam ini membayar balik dengan cara yang baik. Mohon Yang Berhormat Menteri memberi jawapan supaya dapat didengar oleh rakyat di kawasan saya dengan penuh teliti. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Sibuti. Kita boleh buat satu program di Parlimen Sibuti kerana bawa TEKUN di sana untuk kita menerangkan pinjaman-pinjaman yang boleh diberikan *and I can assure you, there is no limit at the moment* untuk kawasan Sibuti ataupun *anywhere*. Bergantung kepada respons daripada pemohon-pemohon. Sekiranya pemohon merupakan usahawan-usahawan yang *genuine* yang betul-betul hendak berniaga, *I think we will consider. The amount is something to be decided depends on the respond from the usahawan*. Terima kasih.

5. Dato' Seri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan status pelaksanaan *National Football Development Plan* (NFDP) dan apakah KPI yang disusun untuk pelaksanaannya dalam tempoh 5-10 tahun akan datang.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif-inisiatif Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara ataupun PPBN yang dilancarkan pada 10 April 2014 oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sedang pesat dijalankan di seluruh negara. Antara inisiatif-inisiatif utama yang sedang berjalan ialah:

- (i) penubuhan pusat-pusat kecemerlangan di setiap daerah;
- (ii) pemilihan pelatih-pelatih berumur tujuh hingga 17 tahun ke pusat-pusat kecemerlangan PPBN;

- (iii) pelantikan, pentauliahan serta pendidikan jurulatih-jurulatih peringkat remaja; dan
- (iv) penganjuran pertandingan di setiap peringkat umur tujuh hingga 17 tahun.

Setakat Februari 2015, sejumlah 30 Akademi Tunas bagi peringkat umur tujuh hingga 12 tahun dan 50 Pusat Latihan Daerah bagi peringkat umur 13 hingga 17 tahun telah berjaya diwujudkan. Menjelang Jun 2015, Akademi Tunas akan ditambah kepada 45 dan jumlah Pusat Latihan Daerah ditambah ke 60 pusat bagi menepati sasaran tahun 2015.

Jumlah terkini pelatih-pelatih di bawah PPBN di seluruh negara yang berlatih di Akademi Tunas adalah seramai 5,100 orang dan yang berlatih di Pusat Latihan Daerah adalah seramai 7,500 pelatih. Jumlah pelatih di Sekolah Sukan Negeri pula seramai 1,900 pelatih manakala 600 pelatih berada di empat sekolah-sekolah sukan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pelatih-pelatih yang disebutkan di atas adalah di bawah kendalian enam orang penyelarar, 14 orang ketua jurulatih remaja negeri, 180 orang jurulatih separuh masa Akademi Tunas, 300 orang jurulatih separuh masa Pusat Latihan Daerah, 84 orang jurulatih di sekolah-sekolah sukan negeri dan 24 orang jurulatih di Sekolah-sekolah Sukan Malaysia. Kesemua jurulatih ini berada di bawah pemantauan Pengarah Projek Teknikal, Encik Lim Teong Kim yang merupakan bekas jurulatih remaja *Bayern Munich*.

Tahun 2015 akan menyaksikan penganjuran pertandingan-pertandingan di bawah PPBN seperti Karnival Akademi Tunas untuk peringkat umur tujuh hingga sembilan tahun, Liga Akademi Tunas Zon dan Kebangsaan untuk peringkat umur 10 hingga 20 tahun serta Liga PPBN Kebangsaan, Liga Pusat Latihan Daerah Zon, Liga KPM dan Liga Perempuan yang dikhususkan kepada peringkat umur 13 hingga 17 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai KPI yang disentuh oleh Ahli Yang Berhormat. KPI tahunan untuk PPBN untuk lima tahun dari 2015 hingga 2020 adalah peningkatan jumlah pusat latihan dan jumlah pelatih seperti berikut:

Tahun	Bil. Pusat (buah)	Bil. Pelatih (orang)
2015	124	19,250
2016	150	23,525
2017	180	28,520
2018	220	35,000
2019	240	42,000
2020	320	51,000

Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Terima kasih kepada jawapan Yang Berhormat Menteri. Saya pertama sekali hendak mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan

terutamanya Kementerian Belia dan Sukan kerana mewujudkan Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara ini.

Cuma pada hemat saya, lonjakan ataupun kemerosotan bola sepak ini bukan berlaku secara *silo* kepada negara tertentu sahaja. Kadang-kadang ia berlaku – kalau dilihat secara holistik, ia berlaku di peringkat rantauan. Sebab itulah ketika negara kita gemilang pada awal 70-an dan 80-an, sewaktu itu juga negara seperti Thailand, *Myanmar* merupakan gergasi dan juga negara-negara yang digeruni dalam sukan bola sepak di peringkat Asia. Demikian juga bila berlaku lonjakan, contohnya bila berlaku lonjakan di Korea, ia berlaku juga lonjakan di peringkat rantauan iaitu Jepun dan juga Korea Utara. Demikian juga kalau kita lihat di Afrika, ia berlaku di peringkat rantauan. Ia tidak berlaku secara *silo*. Berlaku di Ivory Coast, Ghana, Cameroon, Nigeria, semuanya berlaku pada satu rantau.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, soalan.

Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]: Kalau pergi di Amerika Tengah, demikian juga, Costa Rica, Honduras.

Jadi soalan saya, pembangunan yang disifatkan sebagai *national football* ataupun *National Football Development Plan* ini, apakah ia tidak ada rangka untuk dilihat, dilakukan secara rantauan di peringkat Asia Tenggara? Dalam erti kata bila mana kita menjadi Pengerusi ASEAN ini, mungkin selain daripada kita wujudkan *ASEAN business community*, mungkin kita boleh menjadikan ASEAN ini juga sebagai salah satu daripada *ASEAN Football Community*. Sekali gus ia juga menjadikan hasrat untuk melihat negara ASEAN untuk menjadi tuan rumah Piala Dunia 2034 sebagaimana yang disebut-sebut satu realiti.

Terima kasih.

Datuk Saravanan a/l Murugan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas soalan tambahan. Apabila Ahli Yang Berhormat menyentuh awal 70-an, mungkin Malaysia telah berada di satu tahap yang lebih tinggi dan mulia di mana kita lebih baik, setaraf ataupun lebih baik daripada Korea dan negara-negara lain. Akan tetapi kemerosotan ini kerana pelbagai masalah dalaman dan kita hari ini dapat satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara yang kita yakin kita akan mengatasi masalah ini.

■1100

Apabila kita menyentuh sedikit sebanyak mengenai rantau ASEAN, pelan pembangunan negara kita ini harus meyakinkan kepada rantau ini.

Fokus utama PBBM pada fasa pertama sehingga tahun 2020 seperti mana saya sebut tadi ialah untuk mewujudkan ekosistem pembangunan bola sepak tempatan yang utuh dan berdaya saing. Setelah struktur ini berjaya di negara kita dengan mencapai kejayaan-kejayaan di peringkat *regional*, tiada sebab PBBN tidak boleh dijadikan model kepada negara-negara ASEAN. Terima kasih.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. *[Disampuk]* Adakah- eh bising sangat ini. Oleh sebab itulah standard bola sepak merosot. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa negara seperti Jepun ataupun Korea, mereka tidak menumpukan perhatian kepada masalah rantau, mereka boleh meningkat. Dengan pelaksanaan PPBN dan inisiatif-inisiatif yang Yang Berhormat Menteri sebutkan itu, bolehkah Yang Berhormat menerangkan kepada Dewan ini, adakah itu Persatuan Bola sepak Malaysia ini boleh berfungsi dengan baik?

Datuk Saravanan A/L Murugan: Satu soalan yang cukup kritikal sama ada pasukan bola sepak boleh berfungsi dengan baik atau tidak?

Hari ini kita lihat setakat ini masih belum ada keputusan rasmi daripada mana-mana negara. Akan tetapi kita telah memulakan satu inisiatif dengan menubuhkan satu badan khas ataupun dikenali sebagai *national development, football development* yang memberi keyakinan dengan program-program yang kita telah merangka, merancang, jangka masa pendek dan panjang lima hingga sepuluh tahun. Saya yakin sedikit sebanyak kita dapat mengatasi masalah ini, menjadikan persatuan-persatuan ini lebih baik, khususnya bola sepak.

6. Tuan Nasrudin Bin Hassan [Temerloh] minta Menteri Pendidikan menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penyertaan pelajar sekolah menengah agama rakyat, sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan untuk mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mulakan jawapan saya dengan serangkap pantun.

Hari ini hari Rabu;

Tanggungjawab terus menyerbu;

Meski langit mendung kelabu;

Semangat harus tetap menggebu.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan untuk meningkatkan penyertaan murid sekolah menengah agama rakyat, sekolah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan untuk mengambil Sijil Tinggi Agama Malaysia.

Di antara langkah-langkah ialah Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz serta Kurikulum Sijil Tinggi Agama Malaysia telah mula dilaksanakan di sekolah berkenaan bermula sesi persekolahan tahun 2015 setelah ia diluluskan sebagai Kurikulum Kebangsaan pada tahun 2013.

Kementerian Pendidikan Malaysia sedang menyemak dan membuat verifikasi guru yang mengajar mata pelajaran Sijil Tinggi Agama Malaysia adalah dalam kalangan mereka

mempunyai opsyen Pengajian Islam dan Bahasa Arab serta mempunyai kemahiran pengajar mata pelajaran berkenaan.

Selain daripada itu, Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah meluluskan cadangan penempatan guru penutur jati bahasa Arab bermula tahun 2016 di SABK yang telah melaksanakan Sijil Tinggi Agama Malaysia. Ia bertujuan untuk meningkatkan prestasi penguasaan bahasa Arab di kalangan murid Sijil Tinggi Agama Malaysia.

Seterusnya, Kementerian Pendidikan Malaysia sedia meluluskan permohonan sekolah yang ingin membuka kelas Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz dan STAM jika memenuhi kriteria dan juga syarat penubuhan kelas.

Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menawarkan khidmat kursus bahasa Arab di Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Pendidikan Islam Bangi pada tahun 2014 kepada lepasan STAM yang ingin melanjutkan pengajian mereka ke Universiti Al-Azhar, Mesir. Terkini, Bahagian Kewangan Perbendaharaan juga telah meluluskan geran per kapita mata pelajaran sebanyak RM3.00 untuk satu mata pelajaran, 13 mata pelajaran dalam STAM yang mana geran ini digunakan untuk memberi alat bantu mengajar dan juga proses PDP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Nasrudin Bin Hassan [Temerloh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, saya ucapkan terima kasih kepada pihak Kementerian Pendidikan di atas inisiatif-inisiatif yang telah diambil untuk meningkatkan penyertaan para pelajar. Terutamanya di sekolah agama dalam negara kita, khususnya untuk memahamkan mereka dalam persoalan-persoalan agama supaya dapat melahirkan generasi muda yang berakhlak dan juga soleh.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Malaysia pada 28 Januari yang lalu, hanya terdapat 7.7% para pelajar di sekolah agama rakyat. Jumlah ini terlalu kecil berbanding dengan sekolah menengah agama negeri yang telah mencecah 57.9% dan calon persendirian ada 11.7%.

Jadi persoalannya, kenapa jumlah ini terlalu jauh? Apakah berlaku peminggiran dan juga terlepas pandang pihak kerajaan terhadap sekolah agama rakyat dari sudut kemajuan kurikulum, pembangunan, pembiayaan, persekitaran dan juga seumpamanya? Demikian juga berkait dengan kurikulum, Kurikulum Ma'had Bu'uth Al-Azhar yang sebelum ini sebagaimana yang telah dipersetujui terdapat 13 subjek yang ditawarkan kepada pelajar.

Jadi, adakah pihak kementerian mempunyai satu langkah untuk mengkaji dan berbincang dengan pihak Universiti Al-Azhar supaya kurikulum ini dikemas kini dan juga dipertingkatkan? Supaya sekurang-kurangnya subjek itu dilihat kontemporari dan memenuhi cabaran semasa. Oleh sebab saya lihat dalam subjek yang ada ini, subjek mantik, tauhid dan seumpamanya. Akan tetapi kalau boleh dikembangkan kepada subjek seperti subjek

perbandingan antara mazhab, agama, ideologi, yang boleh memenuhi tuntutan dan keperluan semasa yang saya lihat semakin hari, semakin rencam pada hari ini. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Temerloh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Perbandingan antara sekolah agama negeri dan sekolah menengah agama. Mungkin di antara faktor-faktor ialah kemudahan guru dan juga kelengkapan prasarana yang ada perbezaan ini meyakinkan lebih ramai lagi pelajar-pelajar mengikuti aliran ataupun sekolah menengah agama ini.

Walau bagaimanapun, kita akan terus memastikan, menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan atau pun memakai guna sistem yang sedia ada untuk melanjutkan pelajaran mereka untuk mencapai Sijil Tinggi Agama Malaysia ini.

Pada aspek ataupun soalan yang kedua yang dikemukakan oleh Yang Berhormat, tentang sama ada kurikulum ini sama ada dapat disemak semula atau tidak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana yang telah saya jawab sebentar tadi, usaha untuk menyelaraskan kurikulum yang sebelum ini tidak seragam, maka Kementerian Pendidikan Malaysia telah menjenamakannya. Seperti mana yang saya kata tadi dan telah mendapat kelulusan sebagai Kurikulum Kebangsaan pada tahun 2013. Kurikulum ini berasaskan kepada Mazhab Syafie aliran Ahli Sunnah Wal Jamaah. *[Disampuk]* Ini merupakan di antara cara-cara bagaimana kita di Kementerian Pendidikan Malaysia ingin memartabatkan lagi Sijil Tinggi Agama Malaysia ini. Terima kasih Yang Berhormat.

■1110

Tuan Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapatkan penjelasan apakah kriteria yang diperlukan untuk membuka kelas bagi Kurikulum Bersepadu Dini dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz serta apakah yang menyebabkan halangan yang menjadikan kelewatan untuk sekolah-sekolah agama negeri dan juga sekolah-sekolah agama rakyat menyertai SABK yang dianjurkan oleh kementerian. Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dua soalan sebenarnya kedua-dua ini bersangkutan paut. Saya akan cuba jawab. Aspek kriteria dan syarat pembukaan kelas amat mudah. Pertama, sekurang-kurangnya 15 orang pelajar. Kedua, kelulusan akan diberi sekiranya mereka ada tiga orang guru mengajar bidang usuluddin, bidang syariah dan bahasa Arab, agak ringkas.

Bab yang kedua soalan tambahan yang dikemukakan Yang Berhormat sebentar tadi ialah kita menggalakkan sekiranya ada permohonan ini dilakukan, saya di Kementerian Pendidikan Malaysia dan juga sahabat-sahabat kita di Kementerian Pendidikan akan membantu menyelaraskan dan memudahkan proses permohonan ini sehingga dapat diluluskan. Akan tetapi saya cadangkan kepada mereka supaya uruskan urusan ini, harus dikemukakan segera kepada

PPD dan JPN supaya kelulusan dapat diberi untuk mereka melaksanakan tanggungjawab-tanggungjawab ini. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam] minta Perdana Menteri menyatakan projek-projek perumahan yang sedang dan akan dibina Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), bilangan unit dan harga yang ditawarkan serta sejauh manakah projek PR1MA ini mampu membantu orang ramai berpendapatan antara RM2,500 hingga RM10,000 mampu bagi memiliki rumah PR1MA.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, "*sekarang bukan musim tengkujuh, saya jawab soalan nombor tujuh*". Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tanjong Malim dan Yang Berhormat Sabak Bernam secara bersama memandangkan ia berkaitan perkara yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Terima kasih. Secara keseluruhannya setakat ini anggota Perbadanan PR1MA telah meluluskan sebanyak 119,933 unit yang merangkumi 95 buah projek di seluruh negara. Jumlah unit pembangunan dan projek ini sentiasa berubah dan meningkat dari semasa ke semasa berdasarkan kekerapan mesyuarat anggota Perbadanan PR1MA yang giat diadakan.

Daripada 95 buah projek tersebut, 32 buah projek telah memperoleh kelulusan kebenaran merancang yang merangkumi 28,393 unit rumah untuk dibina di seluruh Malaysia. Kesemua projek ini berada dalam pelbagai peringkat pembangunan. Pada masa kini PR1MA telah memulakan pembinaan bagi 11,308 unit rumahnya di seluruh negara. *Insyallah* sekiranya lebih banyak perintah pembangunan diluluskan, maka lebih banyak projek rumah PR1MA yang akan memulakan kerja-kerja pembangunannya.

Antara projek yang sedang dalam pembangunan termasuklah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Kedah, Johor, Perak dan Negeri Sembilan. Manakala projek PR1MA di Putrajaya sebanyak 560 unit rumah telah diserahkan kunci secara rasmi oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 7 Mac 2015 yang lalu. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, golongan sasaran bagi perumahan PR1MA termasuklah golongan muda yang berumur 21 tahun dan ke atas.

Rumah PR1MA secara khususnya disasarkan kepada golongan berpendapatan sederhana yang mempunyai pendapatan isi rumah di antara RM2,500 sehingga RM10,000 sebulan. Rumah mampu milik yang disediakan oleh PR1MA adalah dalam lingkungan harga antara RM100,000 sehingga RM400,000 bergantung kepada jenis dan juga lokasi. Rundingan dan perancangan diadakan dari semasa ke semasa untuk memastikan harga rumah tidak melebihi harga maksimum yang ditetapkan dengan mengambil kira kemampuan golongan berpendapatan sederhana.

Memandangkan Projek Perumahan PR1MA adalah berasaskan tahap kemampuan dan harga yang ditawarkan juga adalah sekurang-kurangnya 20% lebih rendah daripada harga pasaran bagi projek di kawasan dan lokasi yang sama. Selain itu juga PR1MA menjalinkan kerjasama strategik dengan pihak bank yang bersetuju untuk menawarkan pakej perumahan PR1MA dengan kemudahan pinjaman sehingga 110% bagi rumah-rumah PR1MA. PR1MA juga telah merangka Skim *Rent to Own* atau RTO untuk membantu golongan yang menghadapi masalah aliran tunai. Skim RTO ini telah diumumkan semasa pembentangan bajet yang lepas dan perincian mengenai Skim RTO ini akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak lama lagi.

Semoga dengan inisiatif kewangan, tawaran harga yang menarik dan lokasi yang strategik ini akan menarik minat golongan sasaran termasuklah golongan muda untuk memiliki rumah sendiri melalui Projek Perumahan PR1MA. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd Fasih bin Mohd. Fakeh [Sabak Bernam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah memberikan jawapan sebentar tadi dan juga terima kasih kepada kerajaan yang telah membuat program bahawa pemilikan rumah ini adalah program yang teratas. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua kita menghadapi masalah bahawa mereka yang layak untuk mendapat pinjaman ataupun PR1MA ini iaitu mendapat kesukaran dalam bentuk pinjaman kerajaan dan juga pinjaman kewangan daripada sektor perbankan.

Adakah PR1MA akan melaksanakan strategi lautan biru dan bekerjasama dengan pihak bank dan juga MBSB dengan memastikan faedah-faedah pinjaman yang rendah dan juga saya hendak bertanya, adakah pemilikan program PR1MA ini dibuat secara telus dan juga berintegriti tinggi kerana kita bimbang sekiranya berlaku masalah integriti atau pemilihan yang tidak telus, ini akan menimbulkan masalah.

Saya hendak bertanya juga sejauh manakah pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan atau GST ini akan menjejaskan harga rumah di bawah projek PR1MA ini dan seterusnya memberikan kesan kepada projek PR1MA yang akan datang. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa melalui rundingan dengan beberapa pihak bank, mereka akan memberi pinjaman di tahap 110%. Ini bermakna pemohon tidak perlu lagi mengeluarkan apa-apa wang cukai ataupun bayaran guaman. Semuanya ditanggung di bawah pinjaman 110%. Itu yang pertama.

Makna kata kalau dia memohon dapat rumah PR1MA dan memohon melalui bank-bank yang telah pun bekerjasama dengan PR1MA iaitu sekarang ini terdapat tiga buah bank iaitu Maybank Berhad, CIMB Berhad dan juga MBSB atau Malaysia Building Society Berhad. Ketiga-tiga bank ini telah pun bersetuju untuk memberi pinjaman sehingga 110%. Manakala yang dapat rumah PR1MA, dia masuk begitu sahaja dengan rumah yang seperti yang telah disebut, rumah untuk mereka yang berpendapatan sederhana.

Bagi mereka yang tidak dapat pinjaman bank, seperti yang saya sebutkan tadi bahawa kerajaan telah memperkenalkan Skim *Rent to Own* yang telah diumumkan dalam bajet baru-baru ini dan Yang Amat Berhormat akan lancarkan perinciannya secara *detail* bahawa *Rent to Own* ini ialah daripada katakanlah bayarannya RM600 sebulan dan seterusnya. Jadi perinciannya akan dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Akan tetapi sementara waktu, sekarang ini kita melalui proses biasa iaitu menggalakkan mereka membuat pinjaman melalui bank-bank yang telah pun bekerjasama dengan PR1MA. Jadi PR1MA ini saya hendak beritahu sekali lagi di Dewan yang mulia ini bahawa menggalakkan orang muda, orang bujang 21 tahun ke atas, berpendapatan sederhana dan kita bagi rumah 20% lebih murah daripada harga pasaran dan ia merupakan aset jangka panjang. Dalam masa 10 tahun sudah pasti berdasarkan kepada kenaikan harga rumah sekarang ini, harga ini akan mencapai tahap RM1 juta.

Jadi ini adalah aset masa depan bagi orang-orang muda dan juga rakyat Malaysia. Satu perumahan ataupun pendekatan yang luar biasa dibuat oleh kerajaan untuk membantu golongan muda mempunyai harta di masa akan datang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1120

Yang Berhormat Menteri, memandangkan kekurangan tanah dan harga yang begitu tinggi kos di bandar raya atau di pinggir bandar, saya ingin tanya bagaimana dengan PR1MA, adakah akan mempertimbangkan tentang cadangan iaitu mengambil alih dan memajukan kawasan-kawasan rumah kos rendah di bandar? Ini kerana ia bukan hanya dapat menawarkan lebih unit untuk permintaan daripada golongan berpendapatan sederhana dan atas.

Saya ingin tanya juga, boleh dapat membantu menaiktarafkan kehidupan penduduk-penduduk di kawasan rumah kos rendah. Adakah PR1MA sedia mempertimbangkan cadangan yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Parlimen? Terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya PR1MA setuju. Jadi ini bererti rumah-rumah kos rendah dalam kawasan bandar sekarang ini, mereka boleh berunding dengan PR1MA dan PR1MA akan membuat perumahan PR1MA. Ini kerana mereka yang duduk di kawasan kos rendah sekarang ini setelah begitu lama, sudah pasti mereka sudah membina kehidupan dan mampu untuk memiliki rumah PR1MA. Akan tetapi PR1MA sekarang ini menghadapi masalah kerana kita tidak ada tanah dalam kawasan bandar, kita terpaksa pergi ke pinggir bandar. Akan tetapi kita tahu bahawa masa hadapan nanti, pinggir bandar itu akan menjadi bandar yang utama. Ini kerana memang perubahan begitu, ia akan bergerak terus, dia *moving forward*. Jadi yang di pinggir akan menjadi bandar utama, yang bandar utama kemungkinan ia akan jadi apa-apa sahaja di masa akan datang nanti.

Jadi, rumah kos rendah di bandar sekarang ini boleh berbincang dengan PR1MA untuk ditingkatkan ke tahap perumahan PR1MA. Jadi inilah kemudahan yang diberikan oleh PR1MA pada dasarnya, tetapi mereka kena ikutlah syarat-syarat yang akan dikenakan oleh PR1MA nanti. Ini kerana kita hendak maklumkan bahawa apabila kita tetapkan supaya rumah kita rendah daripada 20% daripada harga pasaran itu dalam bentuk bahawa rumah kita tidak akan naik.

Saya terlupa menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sabak Bernam tadi, bahawa adakah rumah ini akan naik apabila ada GST? GST bukan naik harga, jadi tidak ada sebab mengapa rumah PR1MA hendak dinaikkan, lebih-lebih lagi kos bahan-bahan untuk membina rumah itu tidak termasuk dalam senarai kenaikan harga dan sebagainya. Jadi rumah PR1MA tidak ada naik harga dan kita hendak beritahu bahawa 20% diskaun itu akan berjalan terus. Jadi terima kasih, itulah Kerajaan Barisan Nasional.

8. Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, usaha kerajaan untuk mengawal dan membanteras ancaman kumpulan pengganas IS.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya hendak memaklumkan bahawa langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian dan pihak Polis Diraja Malaysia untuk menangani keganasan. Dalam rangka jawapan yang telah saya rangka pada pagi tadi teramat panjang. Jadi saya boleh beri ia secara *summary* jawapan itu, oleh sebab memandangkan masa pada hari ini. Kita letak di bawah empat kepala iaitu *heading caption*.

Pertama, *intelligence* ataupun risikan. Di bawah risikan ini, pihak polis bekerjasama dengan pihak polis di seluruh ASEAN dan juga polis Interpol. Kita juga bekerjasama dan *exchange intelligence report* dengan pihak ASEANAPOL, Interpol dan mana-mana agensi risikan di seluruh dunia. Jadi, dengan ini kita boleh buat *teambuilding*, juga *capacity building* kita dari sudut *intelligence collection*.

Kedua ialah *arrangement* kita sendiri, dalaman iaitu bahawa pihak polis membuat latihan-latihan tertentu dan melantik *groups* tertentu untuk *strategic deployment* untuk menangani masalah kalau berlakunya keganasan di dalam negara. Kalau barang siapa yang ditangkap oleh polis dan dimasukkan ke dalam penjara, pihak penjara juga telah dilatih dalam beberapa sudut. Sudut kaunseling, sudut *rehabilitation* dan latihan-latihan yang tertentu berhubung dengan pengetahuan mereka, khususnya untuk mengembalikan fikiran mereka yang tidak betul kepada pemikiran yang sebetulnya dari sudut agama dan sebagainya.

Ketiga, menerusi langkah undang-undang. Sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum bahawa kita akan membentangkan Rang Undang-undang POTA iaitu *Prevention of Terrorism Act* dan juga Undang-undang Langkah-langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara. Di samping itu, kita juga akan membina beberapa undang-undang termasuk *Penal Code*, *CPC*,

Evidence Act dan SOSMA itu sendiri akan kita pindahkan untuk mengisi kehendak-kehendak, *Act Consequential Amendment* kepada kehendak-kehendak undang-undang POTA dan juga Undang-undang Keganasan Di Luar Negara dari sudut bukti dan *procedure* dalam kita menangani masalah ini. Daripada itu, kita berharap bahawa undang-undang ini boleh dibentangkan di Dewan ini dan mendapat sokongan daripada Yang Berhormat sekalin.

Terakhir ialah sudut kesedaran. Dari sudut kesedaran ini amat penting sekali sebabnya keganasan ini berbangkitnya daripada persoalan ideologi. Ideologi ini nampaknya sebagaimana semua pihak yang arif dalam sudut keagamaan mengatakan bahawa ada penyelewengan keagamaan dan pendapat, pendirian pihak IS khususnya ini. Kalau Yang Berhormat dengar ucapan daripada Raja Jordan pagi tadi, Yang Berhormat, dengar apa kata dia. Dengarlah, jangan dengar saya. Daripada itu, kita kena bekerjasama dengan NGO-NGO. Ini telah dibuat oleh pihak KDN dan polis untuk bekerjasama dengan NGO-NGO yang strategik untuk membantu kita memberi penjelasan dan penerangan kepada pihak-pihak tertentu.

Saya juga merancang Tuan Yang di-Pertua, bahawa akan mengadakan satu perbincangan melibatkan semua pihak berkuat kuasa agama negeri seluruh negara. Perbincangan ini termasuk bersama dengan pihak Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan dan mana-mana agensi-agensi yang lain yang dianggap relevan untuk kita berbincang dan memberi kesedaran kepada semua masyarakat, bukan sahaja di peringkat akar umbi tetapi juga di peringkat sekolah dan universiti supaya kita hendak menjelaskan. Sebagaimana Yang Berhormat tadi ada sebut, untuk membezakan pendapat-pendapat ini dan memperkenalkan kepada mereka apa pendapat yang sebenarnya patut kita anuti dan dari sudut apakah Islam yang sebenarnya. Jadi Yang Berhormat, tindakan kita adalah secara holistik untuk menangani masalah keganasan di negara ini. Terima kasih.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pasti kementerian ada rancangan komprehensif untuk menangani keganasan IS ini dan yang memikul tanggungjawab ini PDRM. Kejayaan rancangan-rancangan tersebut bergantung pada pertama sikap PDRM. Kedua, keupayaan PDRM; dan ketiga, risikan. Daripada segi sikap, saya lihat apabila kita menghadapi ancaman keganasan IS ini, tetapi PDRM sibuk dengan siasatan terhadap mahasiswa, terhadap ahli akademik, terhadap Ahli Parlimen Pakatan termasuk Yang Berhormat Lembah Pantai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya... [*Dewan riuh*]

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Bukankah ini satu tindakan yang tidak wajar? Saya juga lihat kepada apa yang dihadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: ...Oleh BFM komentar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Soalan Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: ...Soalan susulan ini. Aisyah Tajuddin, sementara beliau diancam dengan rogol, diancam dengan bunuh, tetapi PDRM sibuk dengan siasatan terhadap beliau sendiri dan tidak memberi jaminan supaya nyawa beliau selamat.

Ketiga, apabila kita lihat kepada Ketua Polis Negara...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ini Yang Berhormat. Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: ...Membuat komen berkenaan dengan ancaman IS ini. Jadi, perisikan ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]: Ini soalan perisikan. Akhirnya soalan risikan. Saya rasa ini yang paling penting. Adakah kementerian mempunyai maklumat berkenaan dengan profil anggota-anggota IS yang diberkas yang ada di Malaysia ini? Profil anggota IS di Malaysia. Apakah profil-profil mereka? Soalan saya. Sekian.

■1130

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih lah. Yang Berhormat, saya sebenarnya rasa kadang-kadang kecewa. Ahli-ahli Parlimen kalau satu penggal itu saya faham kalau tak faham peraturan. Akan tetapi, kalau dah sampai dua penggal, tak faham peraturan, saya rasa sedih sedikit. [*Dewan riuh*]

Saya boleh dengar macam merapu kiri kanan itu tak apa. Jadi, saya bagi nasihat sahaja. Soalan peraturan dia, soalan tambahan satu sahaja Yang Berhormat. Yang Berhormat, satu, dua, tiga. Jadi yang terakhir itu sebenar soalan dia, yang lain itu semua merapu sahaja. Tak payah jawablah yang itu.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Akan tetapi yang saya jawab soalan profil ini. Yang Berhormat, inilah apa yang dikatakan *intelligence reporting* ini. Akan tetapi, soalnya Yang Berhormat, perkara-perkara yang ada pada kita dan juga kepada pihak polis tidak boleh didedahkan kepada umum. Ia akan menjejaskan keselamatan negara ini dan kemampuan pihak polis itu sendiri bertindak kepada pihak-pihak ini.

Oleh sebab inilah perkara yang kadang-kadang Yang Berhormat hendak tahu, saya hendak tahu tetapi saya tak boleh dedah. Yang Berhormat hendak tahu takut Yang Berhormat dedah pula, *Facebook*, *Twitter* lah esok. Jadi dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat, polis mempunyai maklumat-maklumat yang tertentu. Itulah saya sebut *emphasize* dahulu tadi.

Intelligence collection itu sebagai ciri-ciri yang utama untuk menangani masalah ini. Kita belajar daripada semua masalah ini Yang Berhormat.

Jadi dengan itu, kita telah mengaturkan jaringan kita dengan semua pihak *intelligence* di seluruh dunia termasuk Interpol dan negara-negara lain macam Amerika dan sebagai dan *exchange* dengan pihak-pihak risikan di Amerika. Bahkan kita mempunyai senarai-senarai yang dikatakan *the threats to international peace and security caused by Terrorist Act* yang dikatakan oleh *United Nations Security Council* itu pun kita ambil kira Yang Berhormat. Jadi, apa sahaja senarai yang ada pada kita ini, mana yang ada pada kita, kita boleh serahkan pada pihak imigresen dan pihak imigresen pula akan memasukkan dalam sistem mereka apabila orang ini memasuki ke negara ini, kita akan mengetahui siapa yang kita nak benarkan masuk dan siapa kita larangkan memasuki.

Insyah-Allah, apabila sudah siapnya *Advance Passenger Screening System (APSS)* itu nanti dilaksanakan oleh pihak imigresen, kita belum sampai ke Malaysia kita dah tahu, bila dia *book* tiket di mana-mana sahaja, kita akan tahu dia ini ada mempunyai rekod-rekod yang tertentu sama ada daripada Amerika, Eropah atau daripada ASEAN itu sendiri, Yang Berhormat. *Insyah-Allah* kita mengetahui Yang Berhormat. Sokong sahaja undang-undang yang kita bawa nanti. Terima kasih.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Dah habis masa Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat, tamat sudah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.33 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Kewangan menjawab di nombor 23 seperti yang tertera dalam susunan giliran Menteri-menteri menjawab ke atas Perbahasan Titah Diraja, dan selepas itu Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis, 26 Mac 2015.”

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Ketiga Parlimen Ketiga belas”. **[24 Mac 2015]**

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18. Saya telah mengemukakan satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18 untuk usul ini disegerakan tetapi ia telah ditolak. Jadi, saya nak...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Tak payah Yang Berhormat baca kalau dah ditolak. Tertakluk kepada peraturan.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Bukan. Saya nak minta alasan yang lebih tepat.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Segambut...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Ini usul adalah mengenai GST. GST telah menerima reaksi yang negatif daripada semua rakyat termasuk...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: ...Termasuk bekas Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir. Jadi saya hendak... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Segambut, Yang Berhormat Segambut. Cukuplah, Duduklah. Kalau kita minta peraturan, kita kena ikut peraturan ya. Okey, duduk Yang Berhormat Segambut.

Ya, saya jemput Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk menjawab.

11.35 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan [Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah]: *Bismillahi Rahmani Rahim, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberikan pandangan dan mengutarakan isu-isu yang berkaitan dengan kementerian ini semasa Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang lalu.

Sepanjang perbahasan, seramai 22 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara yang menyentuh bidang tugas kementerian ini. Setelah diteliti dan diperincikan isu-isu tersebut boleh dikelaskan kepada sembilan isu yang akan saya jelaskan pada pagi ini. Tuan Yang di-Pertua, isu pertama yang akan saya jawab ialah isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang mengenai dengan penjualan produk 1Malaysia Kedai Rakyat (1MKR) oleh pasar raya dan kedai-kedai selain Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M).

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pada dasarnya kerajaan tidak melarang mana-mana pihak untuk menjual produk 1MKR yang dibeli daripada KR1M di premis mereka. Ini kerana tindakan tersebut secara tidak langsung dapat membantu kerajaan menyebar luaskan pasaran produk 1MKR ke seluruh negara tanpa perlu menunggu kerajaan membangunkan KR1M di kawasan berkenaan. Walau bagaimanapun, kementerian akan sentiasa memantau perkara ini supaya produk 1MKR yang dijual di KR1M akan sentiasa mencukupi bekalannya demi kemudahan penduduk setempat khususnya di kawasan Kapit yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Kementerian mengalu-alukan sebarang aduan berkaitan perkhidmatan dan jualan barangan KR1M untuk penambahbaikan dan peningkatan prestasi perkhidmatan KR1M.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua ialah mengenai usaha pihak berkuasa tempatan untuk menempatkan semula pasar minggu Changkat Jering ke suatu lokasi baru yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gantang. Semakan pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia mendapati bahawa pada 9 Ogos 2014, pihak koperasi dan Majlis Perbandaran Taiping telah bersetuju untuk memindahkan kesemua peniaga di pasar minggu Changkat Jering ke tapak

perniagaan baru yang dikenali sebagai Laman Changkat Jering dengan kos sewaan yang dikenakan kepada koperasi sebanyak RM4,000 sebulan.

Laman Changkat Jering mempunyai 200 lot tapak perniagaan dan pihak koperasi telah dilantik untuk menguruskan premis perniagaan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri Tribunal Koperasi pada 21 Januari 2015 tidak memutuskan supaya peniaga kekal berniaga di tapak asal sebaliknya memutuskan supaya koperasi membentang dan mendapatkan kelulusan mesyuarat agung untuk melaksanakan aktiviti pemindahan peniaga-peniaga ke Laman Changkat Jering terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, isu ketiga yang ingin saya jawab yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tebrau mengenai kutipan...

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: ...Mengenai kutipan royalti oleh badan pelesenan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gantang bangun.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad [Bukit Gantang]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Berkenaan dengan peniaga yang berniaga di pasar malam di Changkat Jering itu. Kita minta supaya tempat itu dikekalkan. Ini kerana asalnya pemindahan ke tapak baru itu ialah kerana tapak perniagaan asal itu terkena kepada untuk laluan Lebuhraya Banting ke Changkat Jering.

Sekarang pihak PLUS dimaklumkan projek itu tidak terlibat dengan tapak itu. Apa salahnya tempat itu dikekalkan kerana nilai *heritage* dengan izin, di tempat asal itu sendiri.

■1140

Jadi kita harapkan supaya pihak Menteri, pihak kementerian dapat memberikan sokongan supaya tapak itu dikekalkan. Dalam masa yang sama, untuk tapak laman Changkat Jering itu dibuka bersama kerana nilai *heritage* itu saya rasa agak ada nostalgia kerana pasar minggu yang paling lama, dari tahun 1922 lagi. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Gantang atas soalan tambahan. Seperti yang saya sebutkan tadi, dari segi Tribunal Koperasi yang kita bersidang pada 21 Januari, memutuskan supaya peniaga kekal berniaga di tapak asal seperti Yang Berhormat sebut tadi. Cuma, selain daripada itu, kita juga meminta supaya koperasi ini mengadakan mesyuarat agung untuk melaksanakan aktiviti pemindahan sekiranya dirasakan perlu oleh koperasi tersebut, tetapi dari segi tribunal, kita telah bersetuju supaya peniaga kekal berniaga di tempat asal.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menjawab isu Yang Berhormat dari Tebrau mengenai dengan kutipan royalti oleh badan pelesenan yang diisytiharkan oleh pengawal hak

cipta Perbadanan Harta Intelek Malaysia ataupun MyIPO. Isu yang dibangkitkan oleh Persatuan Pengusaha Pusat Hiburan Negeri Johor adalah merujuk kepada penggunaan karya muzik penggiat-penggiat seni yang diberi hak eksklusif iaitu hak persembahan awam dan hak penyampaian kepada orang awam dalam isu kutipan royalti. Sehingga kini, hanya terdapat empat pertubuhan yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 telah diisytiharkan sebagai badan pelesenan oleh pengawal hak cipta Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) yang mengawal selia Akta Hak Cipta 1987.

Kementerian ingin memberi pengesahan bahawa pada masa ini MyIPO tidak menerima sebarang permohonan baru sebagaimana yang didakwa iaitu sebanyak lima permohonan yang dikatakan masih menunggu kelulusan daripada pihak MyIPO. Sekiranya terdapat mana-mana organisasi yang menjalankan kutipan royalti selain daripada empat buah badan pelesenan sedia ada yang saya sebutkan tadi, Yang Berhormat bolehlah membuat laporan kepada pihak kementerian. Kementerian akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana persatuan ataupun organisasi yang tidak diisytiharkan sebagai badan pelesenan bagi membuat kutipan royalti dan sekiranya dibuktikan kesalahan tersebut, denda sehingga RM500,000 boleh dikenakan.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan kenyataan mengenai janji Ketua Setiausaha Kementerian untuk menyelesaikan isu yang dikemukakan oleh 11 buah persatuan yang mewakili perhotelan, peruncit, kompleks perniagaan dan badan penyiaran melalui satu memorandum kepada Yang Berhormat Menteri KPDNK dalam tempoh dua bulan, ia menunjukkan komitmen dan perhatian serius pihak kementerian untuk membantu menyelesaikan isu berbangkit.

Satu jawatankuasa PEMANDU isu badan kutipan royalti telah ditubuhkan dan memulakan mesyuarat pertama pada 1 Oktober 2014. Walau bagaimanapun, komitmen yang diberikan oleh kementerian tidak diambil perhatian serius oleh semua organisasi persatuan terlibat termasuk badan pelesenan sendiri. Pihak kementerian bertindak sebagai pemudah cara memandangkan Akta Hak Cipta 1987 telah menggariskan panduan penyelesaian bayaran royalti melalui Tribunal Hak Cipta.

Kerjasama dan komitmen dari kedua-dua pihak terlibat amat diperlukan untuk mendapatkan satu rumusan positif kepada pertikaian isu berbangkit yang akhirnya akan menjadi satu *standard operation procedure* yang perlu dipatuhi oleh kedua-dua belah pihak. Hasrat kementerian walau bagaimanapun tidak berjaya memandangkan terdapat pihak yang cuba menafikan peruntukan undang-undang sedia ada yang telah mengisytiharkan empat buah badan pelesenan, sebaliknya mencadangkan supaya dibubarkan pengisytiharan badan pelesenan yang mewakili pelaku. Permintaan ini tidak boleh diterima atas prinsip keluhuran perlembagaan. Sebaliknya, mana-mana badan pelesenan yang didapati gagal berfungsi sebagai badan pelesenan akan dibatalkan pengisytiharan mengikut lunas-lunas perundangan.

Pihak persatuan juga tidak komited untuk berunding bersama dua buah badan pelesenan iaitu RPM Berhad dan juga PRISM Berhad dalam membincangkan isu yang dibangkitkan. Kementerian mendapati terdapat cadangan daripada pihak persatuan untuk menafikan hak penggiat-penggiat seni dengan mencadangkan supaya kutipan royalti kepada badan pelesenan yang mewakili pelaku tidak perlu dibayar bagi tahun 2014.

Rumusan daripada Jawatankuasa PEMANDU ini menetapkan mana-mana ahli persatuan yang tidak berpuas hati dengan kadar tarif yang ditetapkan boleh mengadakan rundingan secara terus dengan badan pelesenan tersebut atau merujuk kepada Tribunal Hak Cipta untuk semakan kadar tarif badan pelesenan. Manakala kedua-dua badan pelesenan tersebut mempunyai budi bicara untuk mengambil tindakan undang-undang kepada mana-mana ahli persatuan yang tidak membayar royalti.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai dengan aktiviti gores dan menang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Paya Besar dan juga Yang Berhormat Kuantan. Perkara yang menjadi persoalan ialah sama ada terdapat perundangan yang khusus bagi mengekang aktiviti gores dan menang.

Untuk makluman, sememangnya tiada perundangan yang menyatakan secara khusus perkataan 'gores dan menang'. Namun begitu, terdapat peruntukan undang-undang yang boleh digunakan dalam menangani penipuan aktiviti gores dan menang iaitu Akta Perlindungan Pengguna 1999 [Akta 599] dan Akta Perihal Dagangan 2011 [Akta 730]. Secara amnya, seksyen 14 Akta Perlindungan Pengguna 1999 boleh digunakan untuk mengambil tindakan bagi kesalahan yang melibatkan aktiviti gores dan menang.

Seksyen 14 menyatakan bahawa seseorang itu telah melakukan kesalahan di bawah Akta 599 sekiranya dia menawarkan pemberian hadiah atau benda percuma dengan niat untuk tidak mengadakan pemberian, hadiah atau benda percuma tersebut atau dengan niat untuk tidak mengadakan pemberian, hadiah atau benda percuma sebagaimana yang ditawarkan.

Keduanya, dalam menawarkan apa-apa pemberian, hadiah atau benda percuma lain dengan pembelian apa-apa barang atau perkhidmatan, ia mengenakan bayaran yang lebih tinggi daripada harga biasa bagi barang atau perkhidmatan yang akan dibeli itu atau mengurangkan kuantiti atau kualiti barang atau perkhidmatan yang akan diberikan itu. Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, sekiranya terbukti bahawa orang itu melanggar peruntukan seksyen 14, maka dia boleh dihukum di bawah Akta Perlindungan Pengguna 1999.

Berhubung isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mengenai dengan skim pelaburan kayu gaharu...

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuantan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Berkenaan dengan seksyen 14 ini di mana Yang Berhormat mengatakan tadi bahawa kalau ada niat menawarkan hadiah ataupun sesuatu benda dengan niat untuk tidak memberi hadiah tersebut maka boleh dianggap sebagai seseorang itu melakukan kesalahan. Masalahnya Yang Berhormat, kita tidak boleh hendak buktikan niat sebab apabila dia jumpa dengan pelanggan itu, dia jumpa dengan seseorang itu dan dia suruh gores, kemudian dia kata anda dapat hadiah tetapi hadiahnya tidak ada di sini, kena pergi ke pejabat. Jadi apabila pergi ke pejabat, dia kata hadiah ini dapat tetapi beli benda ini dulu. Dia ada *hidden* agenda itu yang tidak ditulis. Dia kata dia tidak ada niat tak nak bagi.

Jadi susah kita hendak buktikan itu kerana hal ini sudah pun kita berbincang dengan Pengarah Hal Ehwal Pengguna di Pahang, kita dah bincang dengan pengarah, pihak pejabat saya dah bincang dan pengarah pun tidak boleh hendak *pin down* dengan izin. Hendak *pin down* aktiviti ini sebagai satu kesalahan dalam akta yang disebut tadi. Pohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Kuantan atas pencelahan. Memang daripada awal tadi saya sebut, memang tidak ada perundangan yang menyatakan secara khusus mengenai dengan gores dan menang ini. Jadi sebab itu selalu dalam persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai dengan gores dan menang, boleh dikatakan setiap kali sesi perbahasan di dalam Parlimen ini, persoalan mengenai gores dan menang ini sentiasa dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang melibatkan keseluruhan pengguna di seluruh negara.

■1150

Jadi, sebab itu, kita selalu memperingati pengguna bahawa berhati-hati. Walaupun kita ada seksyen ini, tetapi seperti Yang Berhormat katakan tadi kita hendak buktikan niat dan sebagainya, jadi mengambil masa, dan kadang-kadang kita susah untuk bawa, yang menjalankan gores dan menang ini ke muka pengadilan.

Jadi yang penting bagi kita ialah supaya masyarakat jangan begitu mudah untuk menerima bahawa, gores dan menang ini akan mendapat begitu senang hadiah dan sebagainya. Jadi, itu modus operandi yang dibuat. Yang Berhormat sebut tadi memang itulah caranya penipu-penipu gores dan menang ini buat daripada awal. Gores sahaja, sudah dapat satu. Dibawa pergi ke pejabat. Di mana-mana, di Kedah sama, semua modus operandinya sama seperti Yang Berhormat sebutkan tadi. Jadi sebab itu kita hendak supaya rakyat memahami bahawa bukan mudah- dengan gores dan menang itu dapat kenderaan, dapat kereta, dapat ini. Jadi lepas itu adalah satu-satu lagi yang perlu dibiayai oleh pengguna ini. Jadi, sebab itu benda ini harus diberi perhatian supaya masyarakat ataupun pengguna jangan tertipu.

Maklumat yang saya dapat ini Yang Berhormat iaitu pemutihan niat ini ialah bergantung kepada keterangan dan juga bantuan daripada mangsa, kita panggil, bila sudah ada aduan kita panggil mangsa dan juga bantuan dan kerjasama mangsa amat penting untuk kita membuktikan kesalahan gores dan menang. Jadi, kita hendak kerjasamalah daripada mangsa yang terlibat dalam gores dan menang ini untuk membantu kita.

Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan]: Kalau boleh saya tanya dan saya sarankan, sebab dalam dia punya *leaflet* gores dan menang itu dia tidak tulis kena beli sesuatu untuk dapat hadiah. Boleh tidak kita letakkan mereka atau pun caj mereka sebagai menipu? Ini kerana dalam itu dia tidak tulis mesti beli baru dapat hadiah. Dia kata anda layak terima hadiah, kan. Jadi, boleh tidak kita lihat kepada akta, kita pinda akta atau pun kita ada satu tindakan daripada pihak kementerian sendiri sebab kalau hendak cakap kepada pengguna memanglah kita sentiasa memberitahu.

Selalunya mangsa ini ialah orang-orang tua, orang-orang yang- dia pandai hendak cari orang-orang ini, dan dalam keadaan sunyi, tidak ada orang lain dan sebagainya. Jadi, selalunya orang-orang yang menjadi mangsa ini, mereka yang menjadi mangsa ini ialah mereka yang *vulnerable*, dengan izin. Jadi, boleh tidak kita perkemaskan atau perketatkan akta atau tindakan-tindakan yang boleh diambil sebab pada saya mereka menipu. Mereka memang menipu pelanggan, pengguna tetapi kita susah hendak kenakan tindakan ke atas mereka. Boleh tidak mencari jalan, macam mana kalau daripada segi kertas itu sendiri tidak ada cakap apa kelayakan dia dan mereka *liable* kalau mereka tidak buat macam itu?

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Saya bersetuju seperti apa yang disarankan oleh Yang Berhormat. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat kementerian, kita sekarang ini...

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat ada soalan, Yang Berhormat Menteri. Rasah...

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Sekejap sahaja ini. Kita sedang mengkaji semula undang-undang. Yang Berhormat kata tadi, pinda akta yang sedia ada dan kita sedang mengkaji undang-undang berhubung dengan gores dan menang untuk kita menambah baik dia punya *loophole* yang ada. Seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, *in shaa-Allah*, sekarang kementerian sedang mengkaji untuk kita pinda akta-akta ini. Terima kasih. Ya, sila.

Tuan Teo Kok Seong [Rasah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, cuma minta sedikit *feedback* daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya untuk Seremban sahaja, kawasan Seremban dan juga kawasan Rasah, untuk tahun 2013 dan 2014, jumlah duit yang telah pun ditipu oleh sindiket gores dan menang lebih kurang RM4.5 juta. Kebanyakan mangsa yang saya perhatikan warga emas, di mana kebanyakan daripada mereka, simpanan wang mereka ditipu habis.

Saya memang amat setuju dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, kerjasama daripada mangsa dan juga pihak kementerian atau pun pihak PDRM adalah amat penting. Akan tetapi apa yang saya perhatikan, selepas memberi kerjasama yang sepenuhnya, akhirnya *outcome* dia, sindiket gores dan menang atau pun mereka yang terlibat itu cuma didenda RM100 sahaja.

Jadi, ia seolah-olah undang-undang kita menggalakkan orang-orang muda ini menjalankan sindiket gores dan menang sebab mereka langsung tidak akan menghadapi apa-apa hukuman yang berat, tidak perlu di penjara, cuma RM100. Mereka langsung tidak payah upah *lawyer* untuk *defend* mereka. Jadi saya rasa dalam perkara ini pihak kementerian mungkin boleh mengambil inisiatif di mana undang-undang perlu dipinda.

Kedua, sebenarnya saya sendiri telah pun mengeluarkan *leaflet* atau pun *bunting* digantung di dalam *hypermarket* atau pun *supermarket* di seluruh Negeri Sembilan. Jadi saya rasa dalam perkara ini, mungkin pihak kementerian yang mempunyai sumber yang lebih banyak boleh mengambil usaha yang lebih gigih dalam menangani perkara ini kerana ramai daripada mereka khususnya warga tua simpanan mereka ditipu habis. Terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Boleh tambah, tambah. Nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sebenarnya macam di kawasan saya, ada banyak kes, dan pejabat saya memang tahu, balai polis juga tahu, di mana letaknya syarikat-syarikat *scratch and win* ini, di kawasan saya.

Selalunya mereka juga di operasi oleh pihak gengster. Selalunya bila kami cuba cakap dengan mereka, ada yang macam beri muka kepada saya, dan mereka setuju okey kalau mereka sudah tipu RM30,000 mereka harus ambil balik kos. Jadi, hanya pulangkan RM15,000. Mangsa itu terpaksa ambil balik RM15,000. Saya rasa sindiket macam ini pihak kementerian, pihak polis mereka tahu. Jadi, bila pihak kementerian akan mengkaji semula undang-undang tersebut. Saya rasa mesti ada- mungkin fasal yang mana kerajaan mungkin *bankruptkan* syarikat itu dan sebagainya, tutup syarikat itu supaya untuk mengelakkan lebih ramai orang buka syarikat yang sama, di tempat-tempat bandar juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, semua menuju kepada *amendment to the ...*

Dato' Paduka Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Seremban dan juga Seputeh. Seperti yang saya sebut awal tadi, memang kita nampak memang ada *loophole* di sana sini sebab itu kita sekarang ini, kita sedang menambah baik akta-akta untuk kita buat pindaan, supaya apa Yang Berhormat sebut dapat kita atasi selepas ini.

Kita hadapi juga Yang Berhormat ialah masalah bila aduan kita terima. Kadang-kadang memang selalu aduan diterima tetapi mangsa ini tidak dapat memberi kerjasama yang begitu baik. Jadi dia hendak buat *report*. Selepas itu bila kita hendak ketengahkan perkara ini, hendak

bawa dia, kadang-kadang mungkin kerana dia tertipu dia rasa malu dan sebagainya. Ini salah satu- bila dia rasa begitu, jadi kita tidak dapat kerjasama yang baik daripada mangsa-mangsa ini.

Jadi, mungkin Yang Berhormat sebut tadi denda RM100, dan mungkin dalam pindaan-pindaan ini, kita akan tengok apa yang boleh kita laksanakan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan mengenai dengan Gaharu Kemboja. Pihak kementerian melalui Suruhanjaya Syarikat telah memantau skim kepentingan yang dikawal selia di bawah undang-undang yang ditadbirkan iaitu bawah Akta Syarikat 1965. Aduan berkaitan skim pelaburan seumpama itu telah diterima oleh SSM daripada salah seorang ejen pelaburan tersebut pada 18 Disember 2014 yang mendakwa tidak mendapat pulangan seperti yang dijanjikan.

Tindakan segera telah diambil oleh pihak SSM dengan menyemak dokumen perjanjian yang dikemukakan oleh pengadu. Hasil daripada semakan tersebut, SSM mendapati isu yang diadukan adalah melibatkan isu jual beli dengan sebuah syarikat asing dan tidak berdaftar dengan SSM, dan bukannya isu berkaitan pelaburan dalam skim kepentingan perhubungan itu, dengan skim kepentingan.

Sehubungan dengan itu, tiada tindakan lanjut diambil oleh SSM, dan keputusan tersebut juga telah dimaklumkan kepada pengadu pada 18 Februari 2015 yang lalu.

■1200

Walau bagaimanapun, pengadu telah dinasihatkan supaya mengambil tindakan secara sivil terhadap syarikat yang diadukan sebelum ini.

Seterusnya sebagai langkah pencegahan, supaya orang ramai tidak tertipu, SSM sentiasa melaksanakan program-program kesedaran secara berterusan seperti mengiklankan pengiklanan di televisyen berhubung keperluan mendaftarkan skim kepentingan dan keperluan untuk memastikan skim kepentingan yang disertai ialah skim yang berdaftar. SSM juga menyenaraikan maklumat skim-skim yang telah didaftar ke dalam laman sesawang SSM bagi membolehkan orang ramai untuk menyemak sama ada sesuatu skim telah didaftarkan atau tidak sebelum melabur di dalam skim-skim tersebut.

Berkenaan dengan *Nanning scam* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tanjong, tiada aduan yang diterima setakat ini untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kelima ialah Yang Berhormat Kangar mengenai dengan penyeludupan diesel di sempadan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, penyeludupan diesel ke negara-negara jiran akan terus berlaku selagi terdapat perbezaan harga yang ketara di antara Malaysia dan negara jiran. Sebagai contoh, harga diesel pada awal bulan Mac 2015 di Thailand ialah RM3.12 seliter, di Singapura RM3.64 seliter, di Indonesia RM2.98 seliter dan di Filipina RM3.34 seliter berbanding hanya RM1.95 di Malaysia. Jadi menjawab persoalan sama ada apungan minyak secara terkawal boleh mengurangkan berlakunya penyeludupan diesel, umumnya mengetahui bahawa fokus utama pengapungan harga minyak bukanlah bagi

menangani isu penyeludupan, sebaliknya bertujuan untuk kita hendak merasionalisasikan pemberian subsidi kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh isu *stock out* RON97 yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lanang, ia disebabkan oleh permintaan yang di luar jangkaan syarikat-syarikat minyak. Untuk makluman, sebahagian besar daripada RON97 tidak ditapis di dalam negara, sebaliknya diimport melalui Singapura dan syarikat minyak memerlukan masa yang lebih lama untuk mendapatkan bekalan tambahan RON97.

Selain itu, permintaan yang tinggi ekoran penurunan dan perbezaan harga jualan yang kecil. Antara RON95 dan RON97 iaitu sebanyak 20 sen hingga 30 sen seliter di samping persepsi pengguna yang menganggap RON97 lebih berprestasi tinggi berbanding RON95. Akan tetapi apabila harga sudah agak lebih kurang, persepsi pengguna sudah lain. Ini menyebabkan ramai pengguna beralih kepada RON97 hingga berlaku *stock out*.

Bagi menangani isu ini, kementerian telah mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan syarikat-syarikat minyak untuk menambah bekalan RON97 di samping meningkatkan kapasiti pengeluaran RON97 di loji penapisan. Pada masa yang sama, kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas stesen-stesen minyak yang dengan sengaja mewujudkan *stock out* dan bermula Januari hingga Februari 2015, sebanyak 33 kertas siasatan telah dibuka berhubung dengan kesalahan ini di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang keenam, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kanowit mengenai program penyeragaman harga. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian telah melaksanakan program penyeragaman harga bertujuan memastikan barangan keperluan asas sentiasa mencukupi dan dijual pada harga kawalan pada setiap masa tanpa mengira jarak dan lokasi. Ini merupakan salah satu usaha untuk memastikan kesejahteraan rakyat di seluruh negara termasuk penduduk di kawasan pedalaman dan juga di luar bandar adalah terpelihara dengan menikmati harga barangan yang sama seperti di Semenanjung.

Program ini dilaksanakan dengan cara menanggung kos pengangkutan yang tinggi yang disebabkan oleh kesukaran membawa barangan dalam jarak yang jauh atau bentuk muka bumi yang menyukarkan serta ketiadaan sistem perhubungan yang baik. Program penyeragaman harga ini merangkumi tiga projek iaitu projek pengedaran barang perlu (BP) iaitu gula, minyak masak iaitu paket 1 kilo, tepung gandum, kegunaan am, beras ST15 yang 10 kg. Projek *Liquefied Petroleum Gas* iaitu LPG untuk gas memasak dan projek *community drumming* iaitu CD untuk diesel dan petrol.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kanowit bangun Yang Berhormat.

Datuk Aaron Ago anak Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memang dari awalnya kita memang sokong program

penyeragaman harga barang terutamanya di kawasan pedalaman. Akan tetapi malangnya Menteri, saya telah menyuarkan masalah ini beberapa tahun dan memberi cadangan supaya ia tidak dibuat lagi.

Sebab dalam ucapan saya pun saya telah terangkan apa yang telah terjadi di kawasan adalah subsidi *transport* yang sepatutnya sampai kepada *target group*, tidak sampai. Jadi, mereka telah menyuarkan perkara ini kepada saya dan saya pun telah membuat beberapa kajian dan memang benar *transporter licensee* buat adalah tidak mengikut apa yang sepatutnya dilaksanakan.

Dalam hal ini kalau saya ambil contoh Menteri, untuk *petrol drumming*, untuk membawa satu dram minyak petrol ke kawasan pedalaman yang begitu jauh di kawasan saya yang masih menggunakan perahu dalam RM406 satu dram. Akan tetapi subsidi itu tidak sampai kepada mereka yang sepatutnya dapat. *Only the transporter* yang dapat. Untuk barang keperluan macam itu juga, dianggarkan oleh kementerian bahawa satu *long boat* yang bawa barang itu diberi subsidi RM2,000 ataupun RM2,500 tetapi pekedai runcit di kawasan pedalaman saya cuma diberi RM180. Jadi di manakah RM2,000 lebih itu? Oleh sebab itu barang-barang keperluan di kawasan pedalaman itu masih dijual dengan harga yang tinggi. Perkara ini telah pun saya sebutkan beberapa kali dalam Dewan ini dan saya telah cadangkan *stop this programme because does not benefit the target group*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebagai tambahan Yang Berhormat Menteri, di kawasan saya Kampung Terusan Sugut, harga minyak *drumming* 30 sen lebih mahal daripada harga yang ditetapkan oleh kementerian, harga subsidi. Boleh siasat Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Kanowit dan Tuan Yang di-Pertua. Memang cadangan daripada Yang Berhormat Kanowit supaya *stop programme transporter* ini kita telah adakan perbincangan dengan Kementerian Kewangan kerana ini adalah dasar yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Jadi, saya difahamkan soalan Yang Berhormat ini juga akan dijawab oleh Kementerian Kewangan mengenai dengan sama ada hendak *stop transporter*, kadang-kadang hendak berlaku itu dan ini. Kementerian Kewangan akan memberi penjelasan mengenai dengan program *transporter* ini, cadangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan kita ambil perhatian seperti Tuan Yang di-Pertua sebut tadi perbezaan harga yang berlaku di kawasan pedalaman.

Tuan Yang di-Pertua, program penyeragaman ini seperti Yang Berhormat sebut tadi dan pelaksanaan program ini bergantung kepada kriteria seperti lokasi kawasan populasi dan juga peraturan perbezaan harga kawalan kerajaan dengan harga yang dijual. Memang betul. Kalau sebelum ini harga gas masak LPG, kalau 14kg di Pa Dalih ataupun Bario, Miri dapat dikurangkan. Kalau dahulu sebut harga ini RM180 setong kepada RM26.60 dan petrol RON dan sebagainya.

■1210

Jadi sebab itu program *transporter* ini kita adakan untuk mengurangkan harga-harga barangan yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang ketujuh ialah mengenai dengan isu bekalan dan juga harga gas LPG. Yang Berhormat daripada Lanang dan juga Yang Berhormat dari Kuantan, kementerian mengambil maklum dan memandang serius akan masalah bekalan produk LPG di beberapa lokasi terutamanya di kawasan-kawasan pedalaman. Sehubungan itu, beberapa sesi perbincangan bersama syarikat-syarikat pembekal produk LPG telah diadakan bagi memahami dengan lebih lanjut berkaitan permasalahan yang dihadapi oleh pengguna dan juga syarikat pembekal. Antara masalah yang telah dikenal pasti ialah harga jualan produk LPG yang lebih tinggi dari harga yang ditetapkan iaitu RM26.60 untuk silinder 14 kilogram. Selain masalah kekurangan bekalan terutamanya di kawasan yang terletak jauh dari loji pembotolan produk LPG di Pelabuhan Klang, seperti negeri-negeri Pantai Timur, utara serta Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat, harga jualan produk LPG di kedai runcit masih lagi dikekalkan pada harga RM26.60. Walau bagaimanapun, harga ini tidaklah termasuk kos pengendalian dan kos penghantaran yang dicajkan secara berasingan. Sebagai contoh Yang Berhormat dengan caj pengendalian sebanyak mungkin RM4.40. Makna kata harga produk LPG yang perlu dibayar oleh pengguna ialah RM31.00 tetapi harga yang ditetapkan oleh kerajaan masih RM26.60 dan harga penghantaran pengendalian, angkat kadang-kadang naik rumah *flat* tingkat tujuh, tingkat lima dan sebagainya. Jadi sebab itu dia masuk pengangkutan dan jadilah harga RM31.

Selain daripada itu, kementerian ini mengambil pendekatan dengan melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan bagi memantau penjualan produk LPG di seluruh Malaysia agar pengedar dan penjual ini sentiasa patuh kepada arahan-arahan pengawal kementerian. Penguatkuasaan juga dilakukan bagi membanteras kes kecurian gas oleh pengedar-pengedar untuk dijual kepada pihak industri yang tidak layak menerima subsidi dengan harga yang lebih murah.

Isu harga barang Tuan Yang di-Pertua seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian iaitu Yang Berhormat Sipitang, Yang Berhormat Lenggong, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Jerlun, Yang Berhormat Sibul, Yang Berhormat Tanah Merah, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Lipis, Yang Berhormat Bagan Serai, Yang Berhormat Kapar, Yang Berhormat Bintulu dan juga Yang Berhormat Lanang. Saya ucapkan terima kasih banyak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat membangkitkan mengenai dengan isu harga barang yang banyak diperkatakan sekarang.

Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, sistem ekonomi Malaysia adalah sistem ekonomi yang berteraskan pasaran bebas di mana kuasa pasaran ataupun *market force* memainkan peranan penting dalam menentukan harga. Selain itu, harga barangan di pasaran

juga ditentukan oleh faktor permintaan dan penawaran macam saya sebut tadi *demand and supply*.

Faktor cuaca, *economy global*, persaingan, kadar tukaran wang asing, tarif, kadar upah dan sebagainya. Oleh yang demikian boleh dikatakan penentuan harga barangan dan perkhidmatan berdasarkan kepada faktor-faktor yang berbeza di antara satu sama lain. Namun kerajaan masih mempunyai kuasa kawalan dalam aspek tertentu antaranya memastikan bekalan barang-barang keperluan mencukupi dengan harga yang berpatutan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian mengambil maklum akan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kawalan harga ini telah lama menjadi mekanisme utama kerajaan untuk menjaga monopoli dan manipulasi harga di Malaysia. Pembangunan ekonomi sekarang yang pesat dan kompleks ini dan juga sifat peniaga dan pengguna sebenarnya telah menjadikan kawalan ini semakin sukar.

Saya hendak tanya kementerian apakah ada mekanisme ataupun apakah ada cadangan-cadangan baru dan kaedah-kaedah baru yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan untuk memastikan harga ini lebih adil, lebih tepat dan lebih berpatutan. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Awal tadi saya pun sebut mengenai dengan pendekatan yang kita ambil sebab faktor kenaikan harga barang ini banyak faktor yang saya sebut satu persatu tadi. Kalau kata barang itu kurang, keperluan lebih itu pun akan dinaikkan harga oleh peniaga-peniaga. Lepas itu cuaca dan sebagainya.

Jadi sebab itu kita sentiasa mengadakan kerjasama perbincangan dengan pihak syarikat-syarikat ataupun pasar raya-pasar raya ini untuk membantu kerajaan bagi memastikan supaya dalam suasana hari ini dengan keadaan minyak turun dan sebagainya supaya kita dapat sama-sama *win-win situation* ataupun peniaga-peniaga ini juga dapat keuntungan. Orang ramai juga mendapat satu harga yang munasabah hasil daripada pengurangan dan penurunan harga minyak dan sebagainya. Jadi sebab itu kempen-kempen ini sentiasa kita adakan untuk memastikan supaya barangan harian ini sentiasa dinikmati oleh pengguna dalam harga yang munasabah.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: [Bangun]

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dua orang yang bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Sila Yang Berhormat Langkawi dahulu saya nampak.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya dapati bahawa kerajaan hendak mengawal harga barang ini telah dibuat pelbagai perkara dan cara tetapi saya hendak bertanya kepada kementerian pengawalan harga barang hanya dibuat ketika hendak raya. Lepas itu pengawalan harga barang itu tidak diambil perhatian lagi oleh kerajaan apabila habis perayaan. Itu yang pertama.

Kedua, saya lihat bahawa harga barang kawalan ini hanya ada beberapa jenis sahaja sedangkan penggunaan rakyat untuk barang-barang keperluan harian mungkin sampai ke-100 ataupun 200 jenis barang. Apakah tidak mungkin bagi kementerian untuk menetapkan pengawalan harga barang ini lebih? Maksudnya tengok apa rakyat hendak kata 200 barang dan 200 barang ini ditetapkan harga untuk sepanjang tahun. Dengan demikian itu akan dapat mengurangkan bebanan kepada rakyat seperti mana yang terjadi sekarang ini. Saya hendak minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Setiawangsa.

Dato' Ahmad Fauzi Zahari [Setiawangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya semenjak akhir-akhir ini disebabkan kita akan mengimplementasikan GST pada 1 April tinggal beberapa hari lagi ada keinginan sesetengah pihak untuk menaikkan harga. Saya hendak tanya itu satu perkara.

Kedua ialah sama ada 1,000 atau 1,000 lebih tenaga kerja yang perlu diemploy oleh kementerian ini telah dilakukan bagi memastikan tiada mereka yang mengambil kesempatan disebabkan GST ini.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Tentang kenaikan harga. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, kenaikan harga barang ini satu yang *real*. Dua hari yang lepas saya menemani isteri beli beberapa barang di kiosk dan antara yang dibeli itu 10 biji telur dan saya menunggu dalam kereta sahaja. Bila isteri datang balik kepada saya dia beritahu "*Bang, harga telur ini 10 biji RM6.80*". Jadi saya kata kalau sebiji? Sebiji 68 sen. Saya kata telur macam mana besar? Macam telur... Saya hendak sebut tidak sedap. Jadi maknanya 68 sen.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, kenaikan harga barangan ini juga malam kelmarin saya teman beliau. Malam tadi balik lambat. Singgah pergi sebuah kedai di Mydin beli sardin hendak makan

roti pagi-pagi. Sardin kecil itu yang dahulu harga RM2 lebih sekarang ini RM5 lebih satu tin. Jadi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah ini *real* bagi rakyat. Jadi barangkali seperti yang disebut oleh teman Yang Berhormat daripada Barisan Nasional tadi menyebut hendak kawal sudah lama kawal. Akan tetapi saya fikir Yang Berhormat daripada Barisan Nasional ini tidak payah *complaint* sangat memang hendak dapat duit banyak, kan menerusi GST.

Ini belum GST. Jadi umumnya barang-barang ini sebelum GST sudah naik sudah. Sudah dinaikkan dahulu.

■1220

Jadi, apakah selain daripada mekanisme biasa, apa barangkali yang luar biasa? Oleh sebab dia begini. Kalau saya belajar dalam pelbagai teori dari segi antara perbuatan kita dengan kesan. Kalau kita ulang benda yang sama yang biasa, maka kesannya biasa. Kalau kita hendak satu kesan luar biasa, maka tindakannya kena luar biasa. Jadi, apa tindakan luar biasa barangkali yang boleh difikirkan oleh kerajaan, khususnya oleh kementerian ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat daripada Langkawi, Yang Berhormat daripada Setiawangsa dan juga Yang Berhormat Batu Pahat. Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, pergi *shopping* bersama dengan isteri. Patut Yang Berhormat lain pun kena ikut jugalah.

Cuma yang penting sekali Yang Berhormat, seperti mana Yang Berhormat Langkawi mencadangkan supaya jumlah barangan itu ditambah. Memang kita di kementerian sedang memikirkan supaya barang-barang kawalan ini untuk kita tambah jenis barang supaya agak menyeluruh, supaya barangan ini diletak di bawah barangan harga kawalan. Jadi, itu sedang kita kaji dan ada perbincangan di peringkat kementerian.

Mengenai dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Setiawangsa mengenai dengan persediaan menghadapi GST pada 1 April, mengenai pengambilan tenaga dan sebagainya. *Alhamdulillah* kita sudah ada penambahan dari segi pegawai-pegawai penguat kuasa dan kita telah bersedia untuk menghadapi permulaan GST pada 1 April ini walaupun kita tahu banyak aduan. Apa juga permulaan yang akan bermula, banyak cabaran yang akan kita hadapi. Jadi, kita bersedia dan *insya-Allah* kita cuba mengatasi masalah-masalah yang dihadapi apabila GST ini dilaksanakan. Pegawai penguat kuasa itu telah pun ditambah dan persediaan-persediaan yang lain juga seperti bilik gerakan dan sebagainya, tempat menerima aduan-aduan daripada orang ramai juga telah pun siap sedia untuk menghadapi GST pada 1 April nanti.

Yang Berhormat Batu Pahat, saya setuju kalau sekiranya harga barang itu tidak munasabah. Contoh, kalau telur sepatutnya lebih kurang dalam RM3 – RM3.50. Naik sehingga RM6.80 dan sardin RM2 naik sampai kepada RM5. Ini adalah mungkin harga yang tidak munasabah. Kita perlu mendapat kerjasama daripada Yang Berhormat untuk membuat aduan

kepada kita dan untuk kita membuat pemeriksaan di tempat-tempat tersebut. Ini kerana saya sendiri rasa ini adalah satu harga yang tidak munasabah kalau harga sebegitu rupa. Kalau dia naik 10% - 20% itu lain. Ini boleh dikatakan *double*. Jadi, kita perlu mendapat kerjasama daripada Yang Berhormat untuk kita membuat pemeriksaan.

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani Bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Sedikit. Pagi tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menegaskan bahawa kempen penurunan harga sejak tahun 2008 telah pun bermula dan beberapa syarikat terlibat. Sebanyak 16 buah syarikat terlibat dan melebihi 82,000 barangan yang telah dikenal pasti untuk diturunkan harga. Apakah Kementerian juga kena fikir, sebab banyak elemen dan faktor yang menyebabkan harga barang itu naik. Salah satunya ialah apakah langkah keberanian Kementerian untuk melebar luaskan lagi AP monopoli yang dibuka kepada banyak pihak.

Ini supaya barang keperluan boleh bersaing dan penurunan harga barang dapat dicapai dengan memberikan lebih banyak kepada syarikat-syarikat tertentu yang boleh bersaing dalam soal penurunan harga. Apabila *market* itu *very speed*, jadi dia akan automatik barang itu turun. Apakah Kementerian ada memikirkan langkah itu sebagai satu cara untuk menurunkan harga barang? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat. Sahabat saya Yang Berhormat ini memang suara dia deras. Cuma untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang kita sedia maklum bahawa Malaysia kita mengamalkan pasaran bebas. Jadi, bila pasaran bebas, makna kata campur tangan kerajaan ini hanya dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja. Jadi, sebab itu kita adakan program kerjasama dan sebagainya kerana Malaysia mengamalkan pasaran bebas. Bila pasaran bebas ini cuma campur tangan kerajaan dalam keadaan-keadaan tertentu seperti musim-musim perayaan dan sebagainya.

Jadi, kita sepanjang keseluruhan satu tahun itu kita tidak. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memantau. Ini kerana kita hendak menetapkan supaya harga-harga barang ini dan sekiranya berlaku, kita ada akta yang boleh membantu kita untuk kita tangani masalah ini.

Tuan Mohd. Rafizi Bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, mencelah Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pandan bangun.

Tuan Mohd. Rafizi Bin Ramli [Pandan]: Pandan, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya faham dan hargai bahawa sistem ekonomi kita ini adalah yang berdasarkan pasaran bebas. Jadi, kerajaan tidak begitu cepat untuk campur tangan. Akan tetapi tidakkah juga baik pada pandangan Yang Berhormat Timbalan

Menteri, sekiranya kerajaan berhati-hati melaksanakan dasar ataupun cukai yang akhirnya meningkatkan kos kepada industri ataupun peniaga. Sebab itu saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah alasan kerajaan mengenakan cukai jualan ke atas petrol dan diesel yang dijual kepada industri dan peniaga? Seinggakan harga minyak kepada peniaga dan industri ini tidak turun, menyebabkan kos mereka juga kekal mahal sehingga menyebabkan harga barang tidak turun.

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Langkawi sekali lagi?

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi]: Sebentar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada mengatakan tentang kerajaan kita mengamalkan ekonomi bebas. Saya akui bahawa dalam negara Malaysia ini kita memberi kebebasan kepada mana-mana peniaga dan sebagainya untuk berniaga dengan *supply and demand. Willing buyer, willing seller*. Akan tetapi dalam keadaan ekonomi kita yang sekarang ini menekan kenaikan harga barang, rata-rata semua rakyat bercakap tentang kenaikan harga barang. Yang penting bagi rakyat ialah tentang harga barang bagi makanan harian dan juga kegunaan harian.

Jadi, apakah tidak boleh kerajaan walaupun dalam keadaan ekonomi bebas, menggunakan apa cara sekalipun untuk memastikan seperti mana yang saya nyatakan tadi iaitu menetapkan harga jualan bagi barang-barang melebihi daripada apa yang kita ada sekarang. Seperti tepung, gula, beras dan sebagainya yang ada tetapi dilebarkan kepada mungkin 100 jenis lagi barang yang diperlukan oleh rakyat tiap-tiap hari.

Tuan Haji Zainudin Bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelebu pun bangun.

Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah: Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Haji Zainudin Bin Haji Ismail [Jelebu]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapati seolah-olah keseluruhan harga barang ini bagai menjadi tanggungjawab kepada kementerian untuk mengawal. Yang saya faham, hanya barang-barang yang disenaraikan di bawah barang kawalan. Ini yang dikawal oleh kerajaan mengikut musim, mengikut keadaan dan sebagainya. Akan tetapi rakyat umum memahami seolah-olah semua barang dalam negara ini tanggungjawab kementerian untuk mengawal. Kalau naik kementerian salah, kalau naik kementerian patut bertanggungjawab untuk menurunkan. Ini gambaran secara umum rakyat faham.

Akan tetapi apakah ini kedudukan yang sebenar ataupun hanya barang-barang yang disenaraikan sahaja itu yang dikawal. Yang lain itu pasaran bebas soal penawaran dan permintaan yang menentukan harga sesuatu barangan itu. Termasuk pengambilan keuntungan yang berlebihan oleh peniaga yang mungkin disengajakan dengan niat dan tujuan tertentu

apalagi dalam keadaan GST dan dilihat GST itu yang tidak baik. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan, apakah keadaan sebenar tanggungjawab pengawalan harga ini? Apakah seluruh barang ataupun barang tertentu dan lain itu ditinggalkan kepada pasaran untuk menentukannya? Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah Bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Memang benar seperti apa Yang Berhormat sebut tadi. Cuma kementerian kita mengawal barang-barang kawalan.

■1230

Sebab itu bila musim-musim perayaan, ada jenis-jenis barang yang telah kita tetapkan untuk kita kawal kerana pada musim perayaan permintaan melebihi daripada biasa. Jadi musim-musim perayaan ini perlu kita mengawal dan menetapkan harga yang sepatutnya diambil oleh peniaga-peniaga.

Jadi seperti Yang Berhormat sebut tadi kerana Malaysia, kita mengamalkan pasaran bebas. Sebab itu bagi segi kawalan harga yang berpanjangan adalah tidak sesuai. Cuma barang-barang kawalan. Jadi, kalau perlu bergantung kepada *demand and supply* dan kadangkang bermusim dan sebagainya. Jadi inilah keadaan yang ada di dalam negara kita tetapi pendekatan yang diambil oleh kementerian sentiasa kita untuk memastikan harga barang ini dikawal dalam keadaan yang mampu dibeli oleh pengguna ataupun masyarakat.

Yang Berhormat bagi segi Langkawi, tambahan kepada barang-barang jumlah tadi. Samalah Yang Berhormat. Kita akan tambah dan kita akan pastikan supaya jumlah barang-barang kawalan. Kalau sekarang ini ada 20, kalau keperluan yang lain kita akan tambah. Perbincangan telah pun kita adakan dan Yang Berhormat daripada Pandan mengenai dengan alasan kerajaan dikenakan cukai. Yang ini di bawah bidang kuasa MOF. Jadi mungkin MOF akan bagi jawapan mengenai dengan apa yang dibangkitkan.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Yang Berhormat Menteri, satu saja lagi Yang Berhormat Menteri yang fasal kuasa kementerian tadi ya. Boleh Yang Berhormat Menteri? Setakat ini Yang Berhormat Menteri menjelaskan bahawa kerajaan hanya mempunyai kuasa kepada barang-barang kawalan tertentu. Saya minta izin Dewan untuk merujuk kepada Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011. Bahagian 15, mekanisme menentukan keuntungan tinggi yang tidak munasabah. Tahukah Yang Berhormat Menteri bahawa Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk menetapkan mekanisme, untuk menentukan keuntungan yang tidak munasabah yang diambil oleh peniaga dan kalau keuntungan itu tidak munasabah, mengambil tindakan mengikut Akta di bawah Akta 2011 ini.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, selama ini rakan-rakan Jemaah Menteri sendiri ada menyebut tentang peniaga Cina yang mengambil keuntungan yang berlebihan dan tidak mahu menurunkan harga. Kenapa, kalau betul lah ada peniaga-peniaga seperti itu di Malaysia ini, kenapa kementerian dan Yang Berhormat Menteri sendiri tidak

menggunakan kuasa di bawah Perkara 15 akta ini untuk mengambil tindakan kepada mana-mana pihak yang kononnya mengambil keuntungan berlebihan itu. Berapa banyak yang telah diambil tindakan oleh Yang Berhormat Menteri setakat ini.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md' Hanipah: Yang Berhormat, tambahan daripada Yang Berhormat Pandan mengenai dengan kuasa Yang Berhormat Menteri. Memang kita tahu kuasa Yang Berhormat Menteri untuk menentukan harga barang-barang sekiranya kita rasa perlu untuk kita tetapkan harga dan mengenai dengan antipencatutan sekiranya harga yang tidak munasabah, sebab itu kita perlu macam saya sebut tadi pada Yang Berhormat daripada Batu Pahat. Sekiranya harga yang didapati tidak munasabah, melebihi daripada biasa, 100%, dua kali ganda, tiga kali ganda. Jadi sebab itu kita perlu ada aduan-aduan sebegini supaya memudahkan kita untuk membuat pemeriksaan dan juga tindakan kepada pengusaha-pengusaha ataupun syarikat-syarikat ini.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Jadi...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Bila kuasa Yang Berhormat Menteri, memang ada kuasa Yang Berhormat Menteri untuk kita laksanakan sekiranya kita rasa perlu barang itu untuk kita letakkan di bawah kawalan. Jadi tindakan-tindakan seterusnya akan kita ambil. Itu bergantung.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Jadi maksudnya Yang Berhormat Menteri mengesahkan bahawa sepanjang akta ini dan kuasa itu ada kepada Yang Berhormat Menteri, tidak pernah sekalipun kementerian menggunakan kuasa ini untuk mengambil tindakan terhadap mana-mana peniaga yang dituduh mengambil keuntungan berlebihan. Kalau dekat bawah Yang Berhormat Menteri, orang kompelin contohnya restoran jual air RM2.50 untuk milo terlalu mahal. Itu tanya Yang Berhormat Pasir Salak pun, Yang Berhormat Pasir Salak setuju.

Tidakkah ada pasukan yang khusus di pihak kementerian yang memantau semua ini tanpa menunggu daripada laporan daripada orang ramai. Bukankah lebih mudah kalau kementerian sendiri memantau dan ambil tindakan kerana apa penjelasan Yang Berhormat Menteri, 4 tahun ada kuasa ini tetapi tidak sekalipun digunakan terhadap mana-mana pihak yang dituduh mengambil keuntungan berlebihan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang ini.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Yang Berhormat Pandan, kita ada penguatkuasaan, pegawai penguat kuasa. Jadi sebab itu kita gunakan pegawai penguat kuasa ini untuk menguatkuasakan tindakan-tindakan yang saya sebut. Contoh kalau dalam sepanjang 2014, Ops Harga dan sebagainya, banyak tindakan yang kita ambil. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah pemeriksaan premis dalam Ops, kita tidak perlu ini tetapi pegawai penguatkuasaan yang turun ke bawah.

Sepanjang tahun 2014, lebih daripada 2 juta pemeriksaan kita buat. Jadi sebab itu dan ya, keseluruhan kes yang kita ambil lebih daripada 5 ribu. Rampasan yang kita buat sepanjang tahun 2014, lebih daripada RM1,200,000. Keseluruhan kompaun, lebih daripada RM300 ribu. Ini bermakna kata, kita gunakan penguat kuasa untuk mengambil tindakan untuk apa yang Yang Berhormat sebutkan tadi.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Saya rasa Yang Berhormat Menteri...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Cukuplah dengan pegawai penguat kuasa kita yang ada.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]: Penguatkuasaan itu adalah bagi peruntukan dan kuasa lain di dalam akta...

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya, kita guna.

Tuan Mohd. Rafizi bin Ramli [Pandan]:iaitu tidak pameran harga barang yang tidak betul. Saya tanya khusus mengenai kuasa Yang Berhormat Menteri menurunkan harga barang atas alasan keuntungan itu tidak munasabah. Yang itu saya rasa kementerian sehingga sekarang tidak jawab dengan baik kenapa tidak gunakan kuasa itu. Sebab kalau betul sudah ada 1 juta operasi, sudah tentu harga barang turun sekarang. Kenapa harga barang tidak turun?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, panjang lagi Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ada sikit lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Yang Berhormat Menteri, boleh sikit Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Sebenarnya kita hendak jelas sikit mengenai dengan kuasa Yang Berhormat Menteri. Mekanisme telah ditentukan melalui peraturan-peraturan kawalan harga. Menentukan margin keuntungan bersih. Margin keuntungan bersih 2014 yang dikuat kuasa pada 1 Jan 2015. KPDNKK boleh ambil hanya ialah aduan-aduan. Jadi kita boleh ambil tindakan tanpa aduan pun melalui apa yang Yang Berhormat sebut tadi tetapi kita gunakan penguat kuasa kita untuk turun ke bawah, lebih boleh membantu kita di seluruh negara. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ada sikit saja lagi mengenai dengan...

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Jelebu Yang Berhormat.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Ya, ya Yang Berhormat Jelebu.

Tuan Haji Zainudin bin Haji Ismail [Jelebu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkaitan dengan Akta Antipencatutan itu, akta untuk kementerian atau kerajaan mengawal dan mengambil tindakan terhadap peniaga-peniaga yang mengambil keuntungan yang berlebihan itu ada. Cuma saya minta penjelasan kepada kementerian, saya lihat apakah kementerian mempunyai masalah untuk mengimplementasikan

Undang-undang Antipencatutan ini kerana dari segi pembuktian atau penentuan tahap dan taraf mana sesuatu itu dikatakan sudah mengambil keuntungan yang berlebihan. Ini suatu yang saya ingat begitu membimbangkan kerana beribu item.

Jadi, apakah kementerian mempunyai setiap barang itu sudah ada dia punya had tertentu, margin keuntungan tertentu yang ditetapkan. Asal lebih ini dianggap sudah melanggar undang-undang dan peruntukan ini. Sebab itu saya lihat Undang-undang Antipencatutan ini begitu sukar untuk dikuatkuasakan dan dikenakan kepada peniaga-peniaga yang dikatakan mengambil keuntungan yang berlebihan itu. Kalau ambil keuntungan lebih, lebih pada tahap mana baru dikategorikan atau boleh disabitkan dengan Akta Antipencatutan tadi. Apakah kementerian mempunyai masalah dari segi tindakan untuk mengenakan mana-mana peniaga di bawah Undang-undang Antipencatutan ini. Terima kasih.

Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md. Hanipah: Terima kasih Yang Berhormat dari Jelebu.

■ 1240

Mengenai kuat kuasa Akta Anti Pencatutan ini, kita ada mekanisme yang sedia ada di kementerian. Jadi sebab itu kita nak spesifikasi harga yang kata melebihi yang munasabah. Kita ada ukuran-ukuran yang tertentu untuk menyatakan bahawa ini adalah harga yang tidak munasabah macam yang saya sebut tadi daripada Yang Berhormat Batu Pahat. Jadi kita ada mekanisme kita dan sebab itu pegawai-pegawai penguat kuasa ini akan mengambil tindakan melalui akta ini dengan mekanisme yang ada di kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Yang Berhormat dari Padang Serai dan juga dari Kapar, dalam perbahasan, mereka menyentuh mengenai dengan kuasa monopoli dalam mana-mana peringkat dalam rantai pemasaran. Untuk makluman, manipulasi harga boleh terjadi di atas banyak faktor dan tidak hanya terhad kepada perusahaan yang dimonopoli oleh sesuatu pasaran merujuk kepada Akta Persaingan 2010 dan Pesuruhjaya Persaingan (MYCC) boleh mengambil tindakan ke atas mana-mana pihak jika pihak-pihak ini didapati terlibat di dalam perlakuan anti persaingan.

Contohnya, perkataan harga, perkongsian pasaran ataupun penyalahgunaan kedudukan dominan. Perlu ditekankan bahawa MYCC adalah sangat tegas di dalam menangani isu-isu anti persaingan yang dikuatkuasakan di bawah Akta Persaingan 2010. Sebagai contohnya, MYCC telah mengambil tindakan ke atas 26 pengeluar ais di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya dan Persatuan Bakeri dan Manisan Sibu yang terlibat dalam perlakuan penetapan harga. MYCC turut serius dalam menangani isu menyalahgunakan kedudukan dominan ini.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh cadangan daripada Yang Berhormat Lipis supaya kementerian bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengadakan *lab* khusus bagi melihat jaringan perbekalan barangan pertanian. Kementerian berpandangan bahawa ini adalah satu cadangan yang baik. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kementerian ini bersama

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah pun mempunyai kerjasama bagi menangani peningkatan harga barangan khususnya barangan daripada hasil pertanian melalui pendekatan *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 13 koperasi pasar tani dan 9 koperasi pasar minggu telah terlibat dalam program kerjasama ini.

Yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani mengenai dengan isu bayaran balik pinjaman Bank Rakyat oleh saudagar karpet, Deepak Jaikishan. Isu ini telah pun diperjelaskan beberapa kali di dalam Dewan yang mulia ini oleh Kementerian Kewangan dan juga kementerian ini. Jadi, saya tidak berhasrat untuk memperincikan penjelasan mengenai dengan Bank Rakyat ini.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil sekali lagi kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan pada kali ini dan saya percaya pandangan dan cadangan Ahli-ahli Yang Berhormat dapat membantu memperkukuhkan lagi polisi dan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada kementerian ini untuk dilaksanakan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Sumber Manusia.

12.44 tgh.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada 20 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh 17 isu yang berkaitan dengan Kementerian Sumber Manusia.

Pertama, mengenai gaji minimum. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kuala Langat, Yang Berhormat Sungai Siput, Yang Berhormat Tanjung Karang dan Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan isu mengenai pelaksanaan gaji minimum. Dalam memastikan pelaksanaan gaji minimum dapat mencapai objektif yang telah ditetapkan, pihak Kementerian Sumber Manusia sentiasa komited menjalankan aktiviti-aktiviti penguatkuasaan secara berterusan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jumlah aktiviti-aktiviti penguatkuasaan gaji minimum adalah seperti berikut;

- (i) Pemeriksaan berkanun. Setakat 31 Januari 2015, jumlah pemeriksaan berkanun yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Tenaga Kerja atau JTK adalah sebanyak 42,297 dan daripada jumlah tersebut, didapati 587 merupakan 1% tidak melaksanakan gaji minimum dan tindakan notis pematuhan telah dilakukan.

- (ii) Mengenai tuntutan kes buruh. Sebanyak 1201 kes berkaitan gaji minimum telah difailkan dan daripada jumlah tersebut sebanyak 276 iaitu merupakan 23% telah selesai dibicarakan di mahkamah buruh dan bakinya merupakan 925 kes iaitu 77% masih dalam tindakan para pegawai.
- (iii) Jumlah aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Setakat 31 Januari 2015 adalah sebanyak 1,796 dan daripada jumlah ini, sebanyak 1,071 merupakan 90% telah selesai disiasat dan baki 176 merupakan 10% masih dalam tindakan Jabatan Tenaga Kerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan bangun, Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, apakah punca-punca ataupun penyebab kegagalan pihak majikan untuk membayar gaji minimum ini kepada semua pekerja mereka? Apakah kerana *volume* perniagaan dia menurun, mengurangkan ataupun sebab-sebab lain sebab kita harus sedar bahawa negara kita ini menuju negara maju dalam 2020, bermakna lima tahun lagi. Negara maju ini antara lain kandungan dia negara berpendapatan tinggi sedangkan kita masih meletak label gaji minimum.

Jadi apakah perancangan yang boleh dilakukan oleh kerajaan dan kementerian ke arah menuju negara maju ini dan tahap gaji minimum itu. Apakah negara maju ini juga gaji minimum itu sasaran dia masih di situ, RM900. RM900 ini Yang Berhormat Menteri, memang ini gaji buruh asing dan sebab itu di negara kita ini, apabila soal kerja buruh, orang Malaysia, orang tempatan tidak mahu mengambil pekerjaan ini sebab gaji dia terlalu rendah. Jadi apa usaha yang difikirkan oleh kementerian ke arah untuk membawa arus perdana, mengarusperdanakan gaji-gaji kita ini ke arah negara maju yang telah digembar-gemburkan iaitu negara berpendapatan tinggi. Bermakna, setiap pekerjaan walaupun kerja buruh contohnya di Australia atau di negara Eropah, walaupun dia pekerja buruh tetapi dia punya pendapatan kalau tukang paip contohnya, kalau kita telefon dia untuk baiki paip rumah kita, dia akan buka bil untuk perjalanan dia lebih kurang AUD120 belum buat, baru kita panggil. Dia tukang paip. Kalau di sini, tukang paip tidak tahu berapa, contoh dia. Lepas itu, lepas dia buat paip, dia akan buat bil, dia akan caj kita. Jadi apakah negara kita ini juga ada persediaan ke arah itu. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang mungkin semua sedia maklum, gaji minimum baru dilaksanakan, mula dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2014 dan mengikut Akta Gaji Minimum atau Perintah Gaji Minimum tahun 2012, gaji minimum yang telah ditetapkan adalah RM800 untuk Sabah, Sarawak dan Labuan dan RM900 untuk Semenanjung.

■1250

ia telah dilaksanakan dengan sepenuhnya pada 1 Januari 2014. Belum dua tahun lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, gaji minimum untuk pekerja-pekerja yang menggaji 6,000 orang pekerja telah dilaksanakan hanya pada 1 Januari 2013. Manakala untuk majikan yang menggaji pekerja 60 orang atau lebih mulai 1 Januari 2013. Manakala untuk majikan-majikan yang menggaji kurang daripada lima orang adalah mulai 1 Januari, tetapi telah ditetapkan bahawa ia hanya dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2014.

Mengikut Perintah Gaji Minimum, kajian atau *review* hendaklah dibuat dua kali dalam setahun. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya melalui Majlis Perundingan Gaji Negara telah pun dan sedang mengadakan perbincangan bukan sahaja pihak majikan bahkan dengan pihak pekerja. Pihak yang mewakili para pekerja ini duduk di dalam satu jawatankuasa yang dibentuk, di bawah Perintah Gaji Minimum ini untuk *after a lot of deliberation* untuk kembali ke Kabinet iaitu untuk menentukan berapakah peningkatan gaji yang kita harus berikan kepada para pekerja iaitu dengan persetujuan kedua-dua pihak, pihak majikan dan pihak pekerja. Ini adalah di bawah satu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Perintah Gaji Minimum iaitu di bawah Majlis Perundingan Gaji Negara. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Langat bangun Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pandang ke sana, saya ingat tidak nampak. Terima kasih kerana keprihatinan. Yang Berhormat Menteri, melihat daripada tindakan yang diambil oleh pihak kementerian itu sudah menampakkan kejayaan di peringkat dua tahun permulaan dibuat Perintah Gaji Minimum ini. Namun yang jelas ialah di luar sana ada macam sebagai contoh pengawal keselamatan sekolah yang diberitahu 60,000 orang masih lagi menerima gaji RM450 hingga RM720. Jadi begitu juga dengan pekerja-pekerja yang bersabit dengan perkhidmatan seperti Giant dan sebagainya itu, gaji mereka juga adalah melampaui gaji minimum sehingga gaji tidak mencecah RM650, di Kelantan, di Terengganu seperti mana yang telah dimaklumkan kepada saya.

Jadi isunya ialah apakah boleh kementerian mewacanakan atau mengiklankan dalam media elektronik ataupun media massa tentang hak pekerja itu yang boleh rakyat tahu bahawa mereka mempunyai peluang untuk mendapatkan dan layak mendapat gaji minimum, satu. Dengan iklan sedemikian saya percaya kemudahan informasi itu rakyat dapat mengetahui tentang hak mereka. Itu satu.

Keduanya ialah apabila kita menyatakan tentang perintah gaji minimum, ia ada garis panduan gaji minimum. Saya lihat garis panduan gaji minimum ini banyak digunakan oleh syarikat untuk mengelak daripada terjerumus membayar gaji minimum. Kes di mahkamah banyak memegang garis panduan gaji minimum sebagai perkara yang boleh digunakan untuk

melayakkan mereka daripada membayar gaji minimum. Maka saya cadangkan supaya garis panduan gaji minimum ini dikeluarkan terus dan tidak ada garis panduan gaji minimum, cuma diletakkan sebagai panduan gaji minimum, itu sahaja. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berbuat sedemikian, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya tentang usul atau cadangan agar kita mengadakan publisiti yang meluas, kita akan ambil tindakan. Keduanya terima kasih kerana Yang Berhormat tadi telah bersama-sama dengan kita iaitu menyatakan bahawa – nampaknya gaji minimum ini telah mendapat kejayaan.

Saya berani menyatakan yang ia telah mendapat kejayaan kerana daripada pemeriksaan berkanun, *statutory inspection* yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja iaitu melibatkan 42,297 pemeriksaan, hanya 587 majikan iaitu hanya 1% yang tidak patuh kepada apa yang terkandung di bawah gaji minimum ini. Pemeriksaan ini oleh kerana kita baru seperti mana yang saya telah sebutkan awal-awal tadi, ia baru dilaksanakan sepenuhnya pada 1 Januari 2014. Maka terlalu awal Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, terlalu awal untuk kita menyatakan bahawa pelaksanaan gaji minimum ini telah menuju jalan yang buntu.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingatkan di sini..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun Yang Berhormat.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Nanti dulu, *I finish my sentence first.*

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Gaji minimum.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Sekejap-sekejap, *I just finish my sentence.* Tentang garis panduan ini. Garis panduan untuk Dewan yang mulia ini adalah satu garis panduan dan tidak mempunyai *legal bytes*. Dalam perkara ini Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, garis panduan yang telah dibuat oleh kementerian melalui MPGN adalah garis panduan untuk memastikan pelancaran pelaksanaan dasar gaji minimum.

Tentang sama ada ia dicadangkan oleh saudara saya, rakan karib saya tadi lebih baik kita hapuskan, tarik balik garis panduan ini. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak setuju dengan cadangan itu, kerana kalau kita tidak mempunyai garis panduan walaupun ia tidak mempunyai *legal bytes*, saya percaya apa yang terkandung dalam pelaksanaan gaji minimum ini tidak akan mendapat kejayaan.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pertamanya saya belum dengar lagi – walaupun hanya 500 lebih majikan dan lebih kurang 1%, tetapi kenapa setelah diberi kelonggaran ini, gaji minimum tidak dapat lagi dilaksanakan? Kenapa majikan tidak bagi ini? Majikan tidak dapat duit cukupkah? Atau majikan mahu untung lebih sangat. Itu yang pertama.

Keduanya, kalau kita lihat gaji minimum RM900 ini, RM900 ini kalau dia makan sehari RM20, maknanya sebulan RM600. Maknanya dia *balance* RM300 ataupun kurang daripada RM300 setelah potongan-potongan wajib. Kita lihat kalau RM300 dia hendak bayar bil, bayar kenderaan, dia hendak bayar kecemasan, hendak bagi kepada ibu bapa memang sudah tidak cukup. Jadi kalau RM900 gaji minimum, saya rasa dengan keadaan negara hendak pergi negara maju lagi lima tahun, RM900 ini adalah angka yang kecil dan sepatutnya dinaikkan lagi ke satu tahap sekurang-kurangnya RM1000 supaya mereka dapat mengikuti perkembangan yang ada di negara ini, terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi sebenarnya dalam pemerhatian kita. Kita tahu dengan *cost of living* yang tinggi kita telah mengambil kira tentang perkara itu. Maka tadi saya telah menjelaskan bahawa Majlis Perundingan Gaji Negara di bawah perintahnya telah dan sedang mengkaji semula atau *review* gaji minimum tersebut.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, bila kajian itu boleh dibawa di Dewan Rakyat? Sebab kita menuju negara maju tinggal lima tahun. Jangan rakyat belasah kita pula.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Please*, jangan mencelah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Jangan perhatikan saja, jangan tengok. Bila agak-agak kita mahu ketentuannya. Sebab RM900 ini memang sudah tidak sesuaihlah, betul.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey, terima kasih. Sebenarnya untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, kajian tersebut telah pun disediakan dan hanya menunggu kelulusan Kabinet, hanya menunggu kelulusan Kabinet. So, walau bagaimanapun ia belum diluluskan oleh Kabinet, *Cabinet paper* telah disediakan, saya tidak berani menyatakan di sini bahawa inilah *figure*, angka yang telah ditetapkan. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini juga memang dalam kajian itu telah dibangkit dalam mana gaji minimum untuk Sabah dan Sarawak hendaklah sama, tetapi keputusan jawatankuasa teknikal ini telah memutuskan bahawa gaji minimum Sabah dan Sarawak tidak dapat disamakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, boleh sambung petang Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Berbalik kepada soalan Yang Berhormat Kuala Langat tadi iaitu tentang *security guard* di sekolah-sekolah. Memang perkara ini telah dibangkit, saya percaya dua tiga kali di Dewan yang mulia ini, tetapi *security guard* di sekolah Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini adalah di bawah Kementerian Pendidikan. Dalam perkara ini Kementerian Pendidikan sebenarnya saya telah difahamkan sedang menyediakan kertas kerja di bawah *Supplementary Bill* di mana ia harus diluluskan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Menteri, boleh tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, perbincangan kita ditangguhkan petang ini ya. Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga jam 2.30 petang.

[Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said) *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, dijemput Menteri Sumber Manusia untuk menyambung. Tadi sudah 15 minit kan?

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Baru 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

2.32 ptg.

Menteri Sumber Manusia [Dato' Sri Richard Riot anak Jaem]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyambung penggulungan perbincangan Titah Diraja yang menyentuh isu-isu yang bersangkutan paut dengan Kementerian Sumber Manusia. Yang Berhormat Pasir Gudang membangkitkan isu bayaran sagu hati Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) di KEMAS yang dibayar gajinya RM400. Gaji pokok untuk pekerja di sektor swasta sahaja yang dimaksudkan dalam tafsiran pekerja di bawah Akta Kerja 1955, Ordinan Buruh (Sabah Bab. 67) dan Ordinan Buruh (Sarawak Bab. 76).

Sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, pekerja di sektor awam, sektor pekhidmat domestik dan sukarelawan adalah tidak tertakluk di bawah liputan Perintah Gaji Minimum 2012. Bayaran sagu hati PPMS adalah juga di bawah bidang kuasa KEMAS, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Mengenai bayaran elaun sara hidup yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Gudang yang meminta *cost of living allowance* atau COLA dibayar kepada pekerja swasta. Cadangan pemberian elaun kos sara hidup atau COLA bagi sektor pekerja swasta adalah tertakluk kepada budi bicara majikan masing-masing dan kerajaan tidak mempunyai kuasa daripada segi undang-undang untuk mewajibkan majikan membayar COLA atau elaun-elaun seumpamanya kepada pekerja-pekerja mereka.

Mengenai penyertaan wanita dalam pasaran pekerjaan Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Sulong ingin tahu, langkah-langkah kerajaan dalam usaha menggalakkan penyertaan wanita dalam tenaga buruh. Pada masa kini, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia telah membuat pindaan terhadap Akta Kerja 1955 berkaitan dengan Peraturan-

peraturan Kerja (Pekerja Separuh Masa) 2010 yang bertujuan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat khususnya wanita menyertai pasaran buruh. Peraturan kerja yang telah berkuat kuasa ini adalah bertujuan:

- (i) memberi alternatif kepada sistem bekerja separuh masa;
- (ii) menggalakkan penyertaan tenaga kerja terpendam, *latent workforce* seperti suri rumah dan pesara;
- (iii) menggalakkan fleksibiliti dalam pasaran buruh;
- (iv) waktu bekerja yang mesra kerja iaitu *flexible working house* terutamanya kepada wanita; dan
- (v) menjana peluang pekerjaan yang lebih meluas.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, kementerian menerusi Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) telah melaksanakan program *Housewives Enhancement And Reactivate Talent Scheme* atau HEARTS mulai tahun 2013. Program ini merupakan salah satu program yang dilaksanakan di bawah inisiatif 1Malaysia *Support for Housewives*. Bagi menyokong usaha kerajaan dalam menggalakkan penglibatan suri rumah secara berterusan dalam aktiviti ekonomi negara. Seterusnya mengenai *union busting*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang membangkitkan isu pekerja industri yang menubuhkan persatuan bagi memperjuangkan hak pekerja diambil tindakan dan ada yang dibuang kerja oleh majikan. Perkara yang sama Tuan Yang di-Pertua tetapi dikaitkan dengan MASEU dan NUFAM juga dikaitkan oleh Yang Berhormat Hulu Langat. Ada di Dewan ini, terima kasih. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hak untuk berkesatuan jelas dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 10(1)(c), Akta Kesatuan Sekerja 1959, seksyen 8 dan seksyen 10; Akta Perhubungan Perusahaan 1967, seksyen 4 dan 5; Akta Kerja 1955, seksyen 8 dan di bawah *International Labor Organization Convention (No. 98) Right to Organize and Collective Bargaining Convention*.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan statistik jabatan iaitu Jabatan Tenaga Kerja, sehingga 13 Mac tahun ini sebanyak 12 kes berkaitan di bawah seksyen 8. Selepas itu Akta Perhubungan Perusahaan 67 telah dikendalikan oleh Jabatan Perhubungan Perusahaan. Jabatan telah berjaya menyelesaikan 80% kes di mana lapan kes iaitu 80 kes telah berjaya diselesaikan melalui rundingan damai dan 20% kes telah diselesaikan melalui keputusan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang iaitu mengenai kelewatan pengendalian kes Mahkamah Perusahaan, *industrial relation cases*. Yang Berhormat Tanjong Karang telah membangkitkan mengenai kelewatan pengendalian kes Mahkamah Perusahaan, dimaklumkan bahawa Mahkamah Perusahaan menyasarkan tempoh penyelesaian untuk kes-kes 16 bulan dari tempoh kes didaftarkan di Mahkamah Perusahaan. Sehingga 28 Februari tahun ini, sebanyak 1,962 kes yang masih tertangguh di Mahkamah Perusahaan dan pecahannya adalah

seperti berikut, menunggu bicara 1,614; menunggu keputusan 221; menunggu hujahan 113; semakan kehakiman 14 maka jumlahnya 1,962.

Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi hasrat dan tekad Mahkamah Perusahaan agar setiap kes pertikaian yang dirujuk dapat diselesaikan secepat mungkin supaya keadilan sosial dapat diberikan kepada semua pihak yang terlibat sama ada pekerja mahupun majikan tanpa melengahkan.

Tuan Yang di-Pertua...

■1440

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat bangun.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Mendengar daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri, kedapatan bahawa kes *union busting* ini kenampakan ada *reaction* ataupun ada tindak balas daripada kementerian, tindakan diambil atas beberapa sebab. Akan tetapi, saya melihat daripada senario yang berlaku, *union busting*, pembuangan kerja dan sebagainya, mahkamah mengambil masa terlalu lama kes itu didengar oleh hakim- yang memberi satu persoalan kepada ialah, sebelum ini kita tidak ada *period* ataupun waktu 24 bulan Yang Berhormat Menteri. Itu di bawah seksyen 30 Akta Perusahaan 1967 tetapi bila sudah dipinda pada tahun 2007 oleh Yang Berhormat Alor Gajah, Menteri Sumber Manusia, ia disingkatkan kepada 24 bulan.

Jadi majikan-majikan ini akan menggunakan 24 bulan untuk mengunci, untuk menekan pekerja dengan membuang begitu sahaja tanpa ada kerisauan untuk bayaran pampasan lebih. Oleh sebab itu, saya mengambil pendekatan begini, bolehkah kementerian mengkaji semula seksyen 30 ini untuk diberikan fokus, sama ada perlukah 24 bulan itu, dalam sikap relevannya pada waktu ini, ataupun kita kembali pada yang lama iaitu bergantung kepada jauh lama mana kes itu didengar dan ia diberi pertimbangan yang bijak untuk diberikan pampasan. Apakah pandangan Yang Berhormat Menteri? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, dalam kita menjalankan tugas untuk memastikan bahawa pekerja dan sebagainya tidak didiskriminasikan, maka itulah Mahkamah Perusahaan hendak memastikan bahawa apa jua kes yang telah dihadapi ke Mahkamah Perusahaan, hendaklah diteliti, dan keputusan kita, kita tidak boleh menyebelahi mana-mana pihak. Itu ketentuan kita. Terjawab Yang Berhormat Kuala Langat?... Okey, terima kasih.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit tentang pekerja *Malaysia Airlines*. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat yang telah sangat prihatin dengan pekerja-pekerja MAS, kerajaan juga amat prihatin terhadap nasib mereka yang bakal diberhentikan dalam proses pemulihan dan penstrukturan semula MAS.

Justeru, kerajaan telah menubuhkan jawatankuasa isu-isu perburuhan MAS yang dianggotai oleh Kementerian Sumber Manusia, Khazanah Nasional Berhad, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Perbadanan Nasional Berhad dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit sebagai medium ataupun pasukan bertindak bagi membantu menangani isu-isu perburuhan yang mungkin berbangkit daripada proses pemulihan dan penstrukturan semula MAS.

Tuan Yang di-Pertua, ia masih dalam perbincangan. Oleh yang demikian, terlalu awal untuk saya menjawab perkara-perkara yang dibangkitkan di Dewan ini...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Datuk Richard Riot anak Jaem: Yang Berhormat Kuala Langat, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kuala Langat.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Untuk maklumat Yang Berhormat Menteri, isu pembuangan kerja penerbangan MAS ini telah pun dimaklumkan oleh kakitangan melalui Persatuan MAS-U dan rakan-rakan krew dalam NUFAM. Kita dimaklumkan oleh Khazanah melalui surat pekeliling mereka, mengatakan bahawa kumpulan yang akan dibuang yang terbanyak ialah bahagian *engineering*. Itu yang dimaklumkan melalui surat pekeliling. Jadi apakah perkara itu benar?

Kalau sekiranya benar, saya memohon kementerian supaya monitor peralihan ini supaya tidak berlaku penganiayaan kepada setiap pekerja yang bekerja puluhan tahun, disebabkan oleh pengurusan yang tidak efisien, mereka terheret sekali untuk diterima hukuman pembuangan kerja yang saya anggap tidak adil tetapi tidak ada pilihan. Apa pun, saya memohon kepada kementerian untuk memastikan bahawa 3,000 lebih ini yang diramalkan pembuangan kerja awal, kemudian ditambah lagi 3,000 pembuangan yang kedua ini, akan memastikan mereka ini dibela seadil-adilnya. Mohon kementerian peka dalam soal ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Kuala Langat. *He spared subject I know because dia Vice President kepada MTUC.* Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi satu perkara yang *which I called very close to the heart of the Ministry of Human Resources.* Kalau kita melihat, *I am not trying to look, to refer to the social media,* tetapi kalau kita melihat sosial media pada pagi tadi, satu lagi proses, dalam mana pembuangan kerja ini mungkin akan ditukarkan dalam mana mereka diberi peluang, sama ada untuk mengambil skim yang kita panggil sebagai VSS - *Voluntary Separation Service.* Akan tetapi oleh sebab itu bukanlah keputusan rasmi, maka saya tidak berhajat untuk membuat keputusan isu sebagai jawapan rasmi saya di Dewan yang mulia ini.

Jadi angka 3,000, tambah 3,000 berjumlah 6,000 angka yang tepat. Ini bererti Yang Berhormat, bukan kerana saya memuji beliau tetapi memang beliau harus dipuji kerana beliau telah membuat kajian yang mendalam...

Seorang Ahli: Phewitt!

Datuk Richard Riot anak Jaem: Memang itu... [*Ketawa*] *What who need to be praise, I need to face him.* Tuan Yang di-Pertua..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya ingat, Yang Berhormat Kuala Langat selepas ini tak payah celah dah [*Ketawa*]

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk terus...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Itu pujian daripada Yang Berhormat Menteri...

Datuk Richard Riot anak Jaem: Dari sanubari hati saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya.

Datuk Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, pekerja kontraktor PLKN. Yang Berhormat Jasin telah membangkitkan isu mengenai pekerja kontraktor PLKN berikutan penutupan kem latihan selama satu tahun.

Bagi makluman Dewan yang mulia ini, sehingga kini, Jabatan Tenaga Kerja (JTK) sebuah jabatan di bawah Kementerian Sumber Manusia hanya menerima satu aduan daripada pekerja-pekerja yang bekerja dalam sektor kontraktor pusat Latihan Khidmat Negara (PLKN) iaitu di Kuala Nerang, Kedah yang melibatkan kira-kira 15 orang pekerja.

Jabatan Tenaga Kerja telah melakukan siasatan dan memberi nasihat yang sewajarnya ke atas majikan mengikut Peraturan 8, Akta Kerja 1955 iaitu Peraturan-peraturan Kerja (Faedah Penamatan) dan Pemberhentian Kerja Sementara 1980, sama ada majikan melakukan satu pemberhentian kerja sementara atau penamatan perkhidmatan pekerjaan. Pihak Kementerian Sumber Manusia melalui Jabatan Tenaga Kerja akan membantu mana-mana bekas pekerja kontraktor PLKN atau yang digajikan terus melalui program PLKN ini sekiranya mereka memaklumpkannya kepada kementerian.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, penutupan kolej universiti swasta AUCMS. Yang Berhormat Tasek Gelugor telah membangkitkan isu penutupan *College University- Allianze University College of Medical Sciences* (AUCMS). Jabatan Tenaga Kerja telah menerima aduan daripada pekerja-pekerja AUCMS yang menghadapi masalah kewangan melibatkan pekerja tempatan dan juga pekerja asing pada April tahun 2014.

Hasil siasatan mendapati, aduan yang dibuat adalah berasas dan JTK telah mengambil tindakan menyasat dan menasihatkan supaya pekerja-pekerja yang terlibat memfailkan tuntutan kes buruh di bawah seksyen 69, Akta kerja 1955 [*Akta 265*]. Sebanyak 14 Perintah Mahkamah Buruh telah dikeluarkan yang melibatkan bayaran sebanyak RM1.16 juta perlu dibayar oleh pihak

AUCMS kepada para pekerja ini. Perintah ini telah dipanjangkan kepada pejabat 'Receiver dan Manager' iaitu UHY Advisory (KL) Sdn. Bhd. Tuan Yang di-Pertua...

■1450

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan Tasek Gelugor.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya sila.

Datuk Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak tanya apakah pelan yang selanjutnya untuk membantu petugas-petugas, pensyarah dan pekerja-pekerja am ini selain daripada mereka telah mendapat perintah dari mahkamah untuk AUCMS membayar ganti rugi kepada mereka.

Jadi, adakah AUCMS ini telah pun menyempurnakan bayaran tersebut kerana kebanyakan daripada tenaga-tenaga pengajar ini dan tenaga pekerja ini adalah dari kawasan saya sendiri dan mereka telah mengadu bahawa hampir setahun mereka tidak mendapat apa-apa pendapatan. Ada yang lebih malang apabila suami dan isteri, kedua-duanya bekerja di tempat yang sama. Jadi kedua-duanya tidak ada punca pendapatan. Jadi, keadaan nampaknya begitu meruncing sehingga ada pensyarah-pensyarah yang mengunjungi pusat-pusat khidmat wakil rakyat untuk minta bantuan sedangkan mereka itu mempunyai PhD. dan sebagainya.

Jadi, apa perancangan daripada jabatan atau kementerian untuk melakukan apa-apa penempatan-penempatan tertentu supaya mereka ini mendapat pekerjaan kerana mereka sumber aset negara yang begitu mahal. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Dua soalan yang baik. Kita amat bersimpati dengan nasib yang malang, yang telah menimpa para pekerja iaitu pensyarah-pensyarah di AUCMS. Mengenai sama ada kita boleh menempatkan mereka, satu jawapannya ialah mereka haruslah, *they have to go the open market* sama ada universiti-universiti tempatan yang lain boleh menerima mereka dan saya mohon maaf kerana daripada segi penempatan mereka untuk mengajar atau menjadi profesor dan sebagainya di universiti-universiti lain, ini terpulanglah kepada *market supply, demand market* iaitu di universiti-universiti yang sedia ada.

Akan tetapi nasihat kita seperti mana yang saya telah sebutkan awal-awal tadi ialah kita harap mereka yang terlibat ini hendaklah dengan segera memfailkan tuntutan kes buruh di bawah seksyen 69, Akta Kerja 1955.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya *I think it's a subject which is a very close to the most people*. Mengenai pekerja asing. Yang Berhormat Kuala Langat terima kasih, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Rantau Panjang, Yang Berhormat Hulu Rajang, Yang Berhormat Tanjong Piai dan Yang Berhormat Pasir Gudang telah membangkitkan isu mengenai pekerja asing.

Berdasarkan rekod Jabatan Imigresen Malaysia atau JIM, seramai 2,073,414 orang pekerja asing telah diberi Pas Lawatan Kerja Sementara atau PLKS di Malaysia iaitu sehingga

Disember tahun 2014. Mereka ini hanya dibenarkan bekerja di dalam sektor-sektor dan subsektor tertentu sahaja yang dikenal pasti tidak digemari oleh pencari kerja tempatan atau gagal untuk mendapat bekalan tenaga kerja tempatan yang mencukupi. Pekerja-pekerja asing yang memegang PLKS hanya dibenarkan bekerja sebagai pekerja asas sahaja dan mereka ini bukanlah saingan kepada siswa dan siswazah menganggur di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, seramai 100,591 bekerja sebagai pekerja domestik, 411,000 lebih bekerja dalam sektor binaan iaitu sebagai pekerja asas binaan dan 747 lebih bekerja dalam sektor perkilangan. Tuan Yang di-Pertua, itulah angka yang telah ada pada kita. Namun begitu pada dasarnya kerajaan sedar, saya ulang kerajaan sedar bahawa pekerja asing, kemasukan pekerja asing pasti menjejaskan peluang pencari kerja tempatan.

Oleh yang demikian, keputusan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing atau JKKPA ke-34 bilangan 1/2006 menghendaki majikan yang ingin menggajikan pekerja asing mendapatkan sokongan dari Jabatan Tenaga Kerja. Arahan ini dikekalkan melalui keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing dan Pekerja Asing Tanpa Izin Ke-8 Bilangan 1/2012. Melalui...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Menteri, boleh minta penjelasan sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan Menteri dari dahulu saya dengar sama juga. Ini menjejaskan pekerja tempatan. Oleh sebab itu kita tidak galakkan begitu ramai pekerja asing datang ke Malaysia untuk bekerja. Akan tetapi apa rancangan *affirmative action*, dengan izin oleh pihak kementerian untuk mengubah sikap pekerja tempatan ini supaya mereka berminat dalam kerja di ladang-ladang, di bidang industri binaan, di kilang dan macam-macam lagi.

Apa sebab-sebab, mengapa pekerja kita di Malaysia ini tidak minat, sanggup menganggur? Jadi, ini antara satunya sebenarnya peranan kementerian untuk menggalakkan supaya tidak ramai lagi terlalu bergantung dengan pekerja asing yang mana duit kita begitu sahaja terkeluar daripada negara kita. Kalau begitu sekiranya betul-betul pekerja tempatan itu susah, sukar mahu bekerja, bagaimana dengan keadaan perladangan kita yang mana memerlukan pekerja-pekerja ini kalau kita sekat pekerja asing ini masuk ke negara kita. Minta penjelasan daripada Menteri, rancangan *affirmative action*.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Putatan, soalan itu soalan yang sukar dijawab di Dewan yang mulia ini. *Have to be very frank, it's not going to be uneasy question to answer*. Oleh sebab negara kita sebuah negara *which is very vibrant, robust in development*, maka tenaga pekerja tempatan khususnya dalam bidang buruh sama ada buruh di *manufacturing*, buruh di pembinaan, buruh di perladangan, saya ingin tekankan di sini bahawa kita memang *our first choice*, pilihan pertama ialah untuk memberi pekerjaan kepada rakyat tempatan.

Akan tetapi malangnya *I don't say that we don't want to take of the jobs* tetapi malangnya setakat ini segala usaha yang telah dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan

bahawa ramai lagi rakyat tempatan mengambil pekerja di sektor yang kita panggil sebagai buruh, *labour* ini adalah amat dingin. *We would want our first choice will be to our local Malaysian* tetapi malangnya sambutan agak dingin. Maka cadangan atau soalan yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Putatan satu soalan yang baik tetapi saya harus menyatakan di sini bahawa ia adalah satu soalan yang sukar untuk saya jawab setakat ini.

Walau bagaimanapun cadangan atau usul yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Putatan itu tadi kita akan ambil maklum. Tuan Yang di-Pertua, okey.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: *[Bangun]*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya dua orang yang bangun. Manakah satu Yang Berhormat? Yang Berhormat Kapar dan Yang Berhormat Kuala Langat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *I think give to* Yang Berhormat Kapar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kapar, sila.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini pun soalan mengenai latihan kemahiran, Menteri. Saya difahamkan sejumlah wang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk membantu warga-warga India khususnya dalam latihan kemahiran. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, berapakah jumlah dana yang telah diperuntukkan? Berapa ramaikah yang telah dilatih sehingga hari ini dan dalam bidang apa mereka sedang diperuntukkan untuk latihan ini?

■1500

Kalau tidak dapat memberikan penerangan, *at least* jawapan bertulis. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Terima kasih Yang Berhormat Kapar. Untuk menjawab itu, sebenarnya saya ada satu bab atau *chapter* yang terkandung dalam jawapan saya menggulung ini. Tuan Yang di-Pertua, mengenai kesukaran siswa...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: *[Bangun]*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Saya ingat Yang Berhormat Kuala Langat...

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Menteri, sedikit lagi.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Because I have about 50 pages here.*

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Berkenaan dengan pendatang asing tadi. Tidak diminati oleh Yang Berhormat Rompin tetapi ini penting. Sementara kita bercakap tentang pekerja-pekerja buruh yang ditukar ganti kepada pekerja-pekerja tempatan, jangan kita lupa bahawa ada syarikat GLC yang besar-besar mengambil pekerja asing sebagai *management group* yang mana juga akan menyekat kemasukan profesional tempatan, membolehkan mereka diberi peluang. Dalam tinjauan kita, syarikat-syarikat besar ini terutama

dalam perladangan, mengambil pengurusan pekerja asing bermaharajalela. Jadi, apakah kementerian boleh mengambil sekatan atau meninjau ataupun membuat *monitoring* terhadap syarikat-syarikat ini supaya memberi peluang kepada pekerja tempatan daripada pekerja asing itu dalam kumpulan pengurusan? Apakah pandangan Menteri? Terima kasih.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Rompin hendak bertanya, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Rompin.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya nampak Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Kapar ini garang benar. Dia bertanya hanya kepada Kerajaan Persekutuan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah peranan kerajaan negeri pula? Kedua-dua ini Kerajaan Negeri Selangor bukan? Yang Berhormat Kuala Langat bukan Pahang. Yang Berhormat Kapar pun bukan Pahang bukan? Selangor. Setakat mana GLC Selangor? Setakat mana Selangor dapat membantu latihan kaum India di Selangor? Peranan kerajaan negeri. Di Kuala Langat itu saya setuju... [*Dewan riu*]

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Minta maaf. Yang Berhormat Rompin ini tidak faham. Yang Berhormat kena faham. Soalan itu boleh ditanya...

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Bagilah saya habiskan. Tuan Yang di-Pertua, ini *floor* saya. Yang Berhormat bangun ini kenapa?

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tadi dia bercakap saya dengar, saya cakap dengarlah.

Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat]: Yang Berhormat Rompin tidak faham tentang prosedur.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Rompin ini Tuan Yang di-Pertua, pengalaman lebih jauh daripada saya.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tadi bila Yang Berhormat kapar bercakap, saya dengar. Yang Berhormat Kuala Langat, saya dengar...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Akan tetapi tidak tahu macam mana hendak melaksanakan pengalaman dia. Soalan itu ditujukan di *state*, di Kerajaan Negeri Selangor. Tanya di sana, dia senyap. Dia sepatutnya bertanding di Selangor sebagai ADUN. Apakah ini? Dia tidak faham, buang masa.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini demokrasi ala pembangkang. Apabila dia bercakap kita dengar, bila kita sudah cakap tidak bagi dengar. Apakah dia ini? Berilah saya bercakap. Saya baru...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Beri Menteri. Menteri tenang sahaja. Menteri memang baik, tenang sahaja menjawab.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Ini demokrasi ala pembangkang.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Ini tidak jadi Menteri, panas, panas.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Tidak habis-habis lagi Yang Berhormat Kapar ini. Sudah habis? Sudah habis?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Rompin.

Tan Sri Dr. Jamaluddin bin Dato' Mohd. Jarjis [Rompin]: Saya hendak bertanya, adakah Kerajaan Persekutuan, maklum balas Kerajaan Persekutuan tentang peranan kerajaan negeri seperti Selangor ini. Apa yang Yang Berhormat Kapar bangkitkan tadi, apa Yang Berhormat Kuala Langat bangkitkan tadi peranan GLC betul tetapi GLC negeri bagaimana. Latihan kaum India kita mesti juga utamakan tetapi apa pula kerajaan negeri sebab kerajaan mereka. Saya minta pandangan daripada Yang Berhormat Menteri. Takkan Yang Berhormat Seputeh bangun pula. Kamu sudah tidak exco, tidak boleh jawab sudah. Kalau kamu exco, kamu boleh jawab.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, ada *fire* sedikit. *It's give us slight awake*. Jadi untuk menjawab soalan Yang Berhormat Rompin tadi, di Dewan yang mulia ini Parlimen, saya tidak berhajat untuk menjawab khususnya mengenai apakah tindakan yang akan dibuat oleh kementerian...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Belajar Yang Berhormat Rompin. Belajar itu *[Ketawa]*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *No, no. Please*, ini Dewan yang mulia, tolong waktu saya bercakap, tolong jangan mencelah... *[Dewan riuh]* So, di mana saya memuji, saya akan memuji dan di mana saya akan tegur, saya akan tegur... *[Disampuk]* *Mind you, I have been here for the last 26 years... [Disampuk]* Ya.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga apa yang telah disoal oleh Yang Berhormat Kuala Langat dan Yang Berhormat Kapar tadi saya sudah- *I do not think I have the question in me now*.

Oleh yang demikian, saya akan terus pergi kepada kesukaran siswa dan siswazah mendapatkan pekerjaan. Tuan Yang di-Pertua, pihak kerajaan sedar tentang kesukaran siswa dan siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Antaranya melalui 12 aktiviti di bawah Program Penempatan Pekerjaan (3P). Sehingga 12 Mac baru-baru ini sahaja, seramai 14,775 orang siswazah telah ditempatkan ke dalam pekerjaan. *I think now I remember what's* Yang Berhormat Kuala Langat said. Tentang penempatan atau pekerja asing di mana mereka telah bukan sahaja menjadi pekerja buruh, bahkan memegang jawatan di peringkat pengurusan. Kementerian Sumber Manusia daripada segi pihak pengurusan, itu saya percaya di bidang kuasa kementerian

yang satu lagi. Ini kerana kita adalah menumpukan kepada perburuhan. Jadi Yang Berhormat Kuala Langat, saya harap Yang Berhormat Kuala Langat pun sudah tentu tahu *because it comes under different ministry.*

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerima nota daripada Tuan Yang di-Pertua yang menghendaki saya untuk menghabiskan penggulungan saya pada pukul 3.30 petang, padahal saya mempunyai 50 muka surat di hadapan saya ini... *[Disampuk]*

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua... Apa ini ada 'Ah!'? Ini bukan kedai kopi Yang Berhormat 'Teresa'. *You* panggil "Ah!". Saya pun panggil *you* punya nama, bukan "Yang Berhormat Seputeh." *You were an Exco in Selangor, I think you know how tough it is to answer, to sit in this Chair but I have taken it in my pride. I am very passionate about my job and take it from there.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kota Kinabalu, negeri Sabah sekarang turut mencadangkan supaya kerajaan mengurangkan bilangan pekerja asing ke tahap yang boleh dikawal. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan telah dan sedang mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan bilangan pekerja asing ke tahap yang optimum. Antara langkah-langkah tersebut termasuklah:

- (i) promosi dan peluang-peluang pekerjaan ditawarkan melalui program oleh Jabatan Tenaga Kerja;
- (ii) kekosongan jawatan dalam sektor-sektor yang dibenarkan menggaji pekerja asing wajib ditawarkan kepada pekerja tempatan terlebih dahulu melalui portal *JobsMalaysia* sebelum permohonan pekerja asing dibenarkan;
- (iii) permohonan untuk menggaji pekerja asing diselia dengan ketat oleh agensi kawal selia yang menentukan keperluan sebenar pekerja asing dalam setiap sektor berkenaan;
- (iv) menggalakkan sektor-sektor yang berintensifkan buruh beralih kepada penggunaan mekanisme dan automasi.

This was raise by Yang Berhormat Putatan *just now* bagi mengurangkan kebergantungan ke atas pekerja asing bagi mencapai sasaran melahirkan 50% pekerja mahir di Malaysia menjelang tahun 2020. Pada masa ini, pelaksanaan dasar tersebut sedang diperhalusi daripada segi kos, penempatan latihan-latihan yang khusus, implikasi kepada majikan dan lain-lain impak yang berkaitan.

- (v) mengutamakan '*exit policy*' kepada penggajian pekerja asing dengan menyediakan pelan latihan kemahiran kepada pekerja tempatan; dan
- (vi) menetapkan *ratio* pekerja tempatan dan pekerja asing bagi menjamin peluang pekerjaan kepada pencari kerja tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang telah dibangkitkan ialah *Trans-Pacific Partnership Agreement* (TPPA). Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Langat yang membangkitkan mengenai soal kebajikan pekerja yang dirundingkan di bawah TPPA. Seperti mana yang pernah saya jelaskan sebelum ini di Dewan yang mulia ini, TPPA merupakan satu perjanjian yang komprehensif bermatlamat untuk membentuk rejim di mana aktiviti perdagangan tidak mengambil kesempatan atas kemapanan aspek-aspek yang lain seperti kebajikan buruh, alam sekitar, hak harta intelek, mahupun kecekapan tadbir urus negara. Kerajaan akan terus memastikan pandangan dan kepentingan semua pihak, termasuk pihak majikan dan pekerja diambil kira dalam usaha kita merundingkan bab buruh dalam perjanjian TPPA. Seterusnya latihan kemahiran.

■1510

Yang Berhormat Labuan, Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Sipitang telah membangkitkan isu mengenai latihan kemahiran. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Tenaga Manusia (JTM) di bawah Kementerian Sumber Manusia sedang dalam proses transformasi program latihan di Institusi Latihan Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Transformasi program ini membolehkan institut memberi perhatian kepada kursus-kursus mengikut kehendak industri setempat.

Kementerian Sumber Manusia belum ada cadangan untuk mengadakan institusi latihan berkaitan dengan minyak dan gas di Sipitang. Apakah sebab? Ini kerana buat masa ini, Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia sudah pun mempunyai dua buah institut yang berdekatan iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Labuan iaitu hanya 40 minit dari Sipitang menggunakan bot dan ILP Kota Kinabalu iaitu hanya 155 kilometer dari Sipitang. Kedua-dua ILP berkenaan menawarkan kursus-kursus berkaitan dengan minyak dan gas.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi juga mengenai latihan tetapi khususnya kepada *technical educational vocational training* atau TEVT. Yang Berhormat Sabak Bernam membangkitkan isu pengajian TEVT bagi melahirkan graduan berkemahiran. Kementerian Sumber Manusia menerusi Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) telah menyahut seruan kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan memperkukuhkan strategi serta langkah yang diguna pakai untuk mengarusperdanakan dan memperluaskan akses TEVT yang berkualiti dari pelbagai segi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pinjaman PTPK. Yang Berhormat Sekijang telah membangkitkan isu peruntukan tambahan bagi pinjaman Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK). Dimaklumkan bahawa PTPK telah menerima permohonan kuota bagi tahun 2015 daripada 720 orang penyelia latihan swasta yang dianggarkan akan melatih seramai 65,975 orang pelajar dan memerlukan peruntukan Pinjaman Latihan Kemahiran (PLK) sebanyak RM891 juta. Bagi tahun 2015, PTPK telah menerima dana keseluruhan PLK sebanyak RM300 juta iaitu

RM100 juta untuk dana latihan kemahiran yang berterusan dan sebanyak RM200 juta untuk *NKEA education* iaitu EPP5 yang menjurus kepada *main streaming skills training*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya pergi ke isu pengangguran. Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Kuala Selangor telah membangkitkan isu masalah pengangguran. Bagi makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sentiasa mengambil tindakan berterusan bagi membantu mereka yang mencari pekerjaan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri, Sekijang.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan tabung PTPK tadi. Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang untuk tahun 2015 peruntukan sebanyak RM891 juta. Maksudnya ada peningkatan daripada RM300 juta kepada RM891 juta. Adakah selepas ini melalui peruntukkan tambahan ini nanti pelajar-pelajar yang mengambil bidang vokasional dan juga kemahiran berpeluang untuk mendapatkan pinjaman ini? Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Ya, terima kasih atas soalan itu. Jawapannya adalah ya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya pergi ke letupan di Sabah-Sarawak Gas Pipeline (SSGP). Yang Berhormat Hulu Langat telah membangkitkan isu letupan talian paip di Sabah-Sarawak Gas Pipeline (SSGP) di Lawas. Kes letupan talian paip di SSGP di Bukit Beriawan, Lawas, Sarawak pada 10 Januari yang lalu dalam mana tindakan dan perancangan telah dan sedang diambil bagi membolehkan talian paip sepanjang 512 kilometer itu beroperasi semula.

Langkah *integrity assurance program* dan *stakeholder community engagement* telah dan sedang dilaksanakan. Dari *root cause failure analysis* (RCFA) *Sabah-Sarawak Gas Pipe* telah mengenal pasti kemungkinan penyebab kejadian letupan talian paip tersebut iaitu *welding integrity*, *welding toughness* dan *external stress*. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) telah mengarahkan pihak SSGP untuk melihat ketiga-tiga aspek tersebut dan mengambil langkah-langkah untuk memastikan bahawa penyebab kepada kejadian letupan talian paip tersebut dapat dihapuskan.

Langkah-langkah yang perlu diambil oleh pihak SSGP menyemak semula laporan kimpalan atau *welding*, menghantar contoh talian paip ke makmal untuk ujian dan mengkaji pergerakan tanah di sepanjang talian paip. SSGP juga diminta membuat *pipeline alignment survey* di sepanjang 512 kilometer lain talian paip tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu juga, pihak berkenaan telah mengadakan program *stakeholder community engagement* untuk berbincang dan memberi penerangan kepada masyarakat melalui sesi taklimat berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi kejadian iaitu letupan lombong arang batu Selantik. Yang Berhormat Seputeh dan Yang Berhormat Tanjong telah membangkitkan isu letupan di lombong arang batu di Sarawak. Kementerian Sumber Manusia sedang menjalankan siasatan terhadap kejadian ini dan tindakan sewajarnya sedang diambil supaya kejadian seperti ini tidak berlaku pada masa hadapan.

Permohonan untuk menggaji pekerja bukan pemastautin atau *in Sarawak Labour Ordinance Non-Resident Workers* dari Republik Rakyat Demokratik Korea telah diluluskan oleh Jawatankuasa Lokalisasi Pekerja Bukan Pemastautin Yang Lain di bawah kawal seliaan Kerajaan Negeri Sarawak untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja dalam sektor tertentu di negeri ini. Jawatankuasa ini bertindak sebagai *one-stop committee* di mana ahlinya terdiri daripada wakil agensi yang berkaitan untuk mempertimbangkan sebarang permohonan daripada majikan.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, pengerusinya Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak sendiri...

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Minta laluan.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Okey.

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong]: Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya ingin bertanyakan, mungkin kita menghadapi masalah kekurangan pekerja maka terpaksa kita ambil dari Korea Utara. Adakah sumber yang lain dari negara-negara yang lain kita boleh perolehi memandangkan Korea Utara bukanlah sumber yang terbaik untuk kita memandangkan status negara Malaysia sekarang sebagai Ahli Bukan Tetap dalam Majlis Keselamatan PBB. Jadi saya ingin mendapatkan penjelasan. Terima kasih.

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: Tuan Yang di-Pertua, soalan baik. *Thank you for that.* Jadi di sini harus ditegaskan bahawa lombong arang batu Selantik ini kepunyaan bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak. Oleh yang demikian, itulah sebabnya maka Kerajaan Negeri Sarawak melalui Jawatankuasa Pengambilan Pekerja Asing yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat- *we called the state secretary as Yang Berhormat State Secretary of Sarawak*, telah memilih untuk mengambil pekerja.

■1520

Dalam pada ini Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya empat buah syarikat sebenarnya telah diberi kuasa untuk mengambil pekerja-pekerja dari luar negara termasuk Korea Utara. Syarikat-syarikat ini Silantic Resources Sdn. Bhd., Soon Hup Construction Sdn. Bhd., TFH Construction Company, Idaman Prima Sdn. Bhd. yang mana telah menggaji 307 orang *non-resident workers*. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, mereka yang telah ditimpa dalam kejadian letupan lombong itu iaitu yang terbunuh, tujuh orang warga asing iaitu dua orang dari Myanmar, dua

orang dari Korea Utara, dua orang dari Indonesia dan juga seorang dari Bangladesh. Jumlahnya tujuh orang yang terbunuh dan 26 orang lagi tercedera dan mereka mengikut *nationality*:

Negara	Jumlah orang
China	5
Korea Utara	8
Indonesia	7
Myanmar	5
Bangladesh	1

Tuan Yang di-Pertua, *my time is running short*. Oleh yang demikian, kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang mana isu-isu yang telah dibangkitkan mereka tidak dapat saya dapat menjawab di sini, saya mohon maaf....

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: *You can still answer.*

Dato' Sri Richard Riot anak Jaem: *Ya, I know I can still answer. Why do you need to teach me, Yang Berhormat Seputeh? You do not need to teach me... [Disampuk] I am not marah, I am not emotional but it is a fact, janganlah macam itu. You want me to speak more, I can speak more. Jadi Tuan Yang di-Pertua, I should not entertain her, takut orang cakap saya emotional. Sometimes I do get emotional [Ketawa] Ini daripada sanubari, Yang Berhormat 'Teresa'. I don't call you "Yang Berhormat Seputeh"- Teresa.*

Tuan Yang di-Pertua, kepada mereka yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja yang mana saya tidak berkesempatan untuk menjawab isu-isu yang dibangkitkan, saya mohon maaf. Kepada mereka yang telah saya sempat menjawab, saya harap jawapan saya ini akan menjadi ilham dan dorongan kepada kita untuk sama-sama memartabatkan isu perburuhan di negara kita ini kerana isu *human resources* lebih-lebih lagi perburuhan adalah satu-satunya isu yang amat dekat di hati semua rakyat Malaysia. Harus ditegaskan di sini bahawa tanpa sumber manusia, khususnya tanpa perburuhan, negara kita tidak akan dapat maju. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, tinggal dua minit lagi, maka itu sahaja penggulangan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Kesihatan. Sila Yang Berhormat Menteri.

3.24 ptg.

Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. S. Subramaniam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan kesihatan di Malaysia. Sebelum saya meneruskan penggulangan saya, saya ingin tegaskan bahawa kerajaan melalui Kementerian Kesihatan

sentiasa memandang serius dan komited terhadap isu kesihatan yang dibangkitkan di dalam Dewan yang mulia ini demi kebajikan seluruh rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang, Yang Berhormat Parit Sulong dan Yang Berhormat Sabak Bernam telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan denggi. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan berpendapat undang-undang sedia iaitu Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit sudah mencukupi bagi aktiviti penguatkuasaan di kawasan wabak dan *hotspots*. Sehingga kini, masih belum ada vaksin untuk mencegah atau ubat untuk merawat penyakit demam denggi. Satu-satunya kaedah yang menghalang kejadian kes denggi adalah melaksanakan aktiviti pencegahan serta melakukan aktiviti kawalan seperti menghapuskan tempat-tempat pembiakan serta memastikan persekitaran yang bersih.

Pada masa ini pihak kementerian sedang melaksanakan kaedah terbaru dalam usaha memerangi denggi iaitu melaksanakan aktiviti *Outdoor Residual Spray* yang telah bermula pada 11 Februari dan aktiviti ini ditumpukan ke empat buah daerah bermasalah tinggi di Selangor iaitu Petaling, Hulu Langat, Gombak dan Klang. Langkah-langkah lain yang dilaksanakan oleh kementerian dalam menangani denggi ialah menjalankan aktiviti penguatkuasaan ke atas tapak-tapak pembinaan, meningkatkan kempen kesedaran denggi melalui pelbagai media massa, mengaktifkan semula Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Denggi (COMBI) dan jawatankuasa petugas di peringkat kementerian dan di peringkat kebangsaan yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

Untuk menjawab soalan yang ditujukan secara langsung oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. Pada tahun ini, ada 14 kes denggi yang dilaporkan di Sabak Bernam dan tiada kematian denggi yang berlaku di situ.

Yang Berhormat Lembah Pantai telah membangkitkan isu berkaitan dengan TPP. Pada masa ini, rundingan perjanjian perkongsian TPP masih lagi sedang berjalan dan antara isu utama yang menjadi perhatian ramai adalah berkaitan pelanjutan tempoh perlindungan hak harta intelek bagi *pharmaceutical* yang dikhuatiri akan mengakibatkan peningkatan harga ubat sekiranya kerajaan menandatangani perjanjian tersebut. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri selaku peneraju rundingan TPP telah melantik beberapa orang perunding untuk menjalankan kajian impak bagi menilai kebaikan dan keburukan yang bakal diperoleh oleh negara secara keseluruhan sekiranya kerajaan memutuskan untuk menandatangani perjanjian tersebut.

Bagi memastikan kebajikan rakyat terus terpelihara, kerajaan akan memastikan rakyat mendapat akses kepada ubatan-ubatan generik yang lebih murah walaupun tiada kajian spesifik yang telah dijalankan berkaitan kesan ke atas kos perubatan berikutan isu harta intelek. Pemerhatian kementerian mendapati terhadap penurunan ketara harga ubat apabila perolehan ubat-ubat generik dibuat melalui tender. Walau bagaimanapun, hak harta intelek bukanlah penuntut tunggal dalam menentukan kos ubat. Banyak faktor lain yang mempengaruhi harga

ubat dan kementerian masih lagi sedang mengkaji mekanisme dan mengadakan konsultasi dengan *stakeholders* terlibat ke arah kawalan ubat di Malaysia.

Yang Berhormat Pengerang telah mencadangkan bahawa kerajaan mewujudkan '*super clinic*' untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik. Tuan Yang di-Pertua, dalam sistem kesihatan di Malaysia, kita juga mempunyai kemudahan bagi melaksanakan rawatan perkhidmatan pesakit secara *day care* yang setaraf dengan konsep '*super clinic*' seperti yang dimaksudkan.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, boleh pohon mencelah sedikit?

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Selepas saya jawab habis dahulu.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Melalui rawatan *day care*, rawatan bagi prosedur tertentu tidak memerlukan pesakit dimasukkan ke wad. Ia merangkumi prosedur pembedahan kecil, endoskopi dan lain-lain prosedur untuk diagnosis serta rawatan. Kementerian sedang mengkaji untuk memperluaskan kemudahan *day care* pada masa akan datang bagi merangkumi skop yang lebih luas, contohnya mewujudkan *One-Stop Diagnostic Centre, Day Care Endoscopy* dan sebagainya di luar kawasan hospital memandangkan pada masa ini kemudahan rawatan harian yang sedia ada berada dalam kompleks hospital. Melalui pewujudan pusat rawatan harian di luar kawasan hospital, akses pesakit terhadap rawatan lebih muda dan perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih *cost effective*.

Hospital di kementerian diklasifikasikan kepada hospital negeri, hospital berpakar *major*, hospital berpakar *minor* dan hospital tanpa pakar. Prosedur pembedahan dilakukan berdasarkan kompleksiti di mana-mana kes kompleks dan rumit akan dilakukan di hospital negeri dan hospital berpakar *major*, manakala kes-kes yang kurang kompleks akan dilakukan di hospital berpakar *minor*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

■1530

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa terpenggil untuk memohon keprihatinan Yang Berhormat Menteri. Saya tahu Yang Berhormat Menteri seorang doktor, cukup prihatin kepada kebajikan pesakit.

Mulai 1 April kita tahu di mana GST akan dilaksanakan. Antara 12,000 jenis ubat yang disenaraikan oleh *fundamental medicine list* di bawah kementerian Yang Berhormat, hanya 25% jenis ubat-ubatan akan dikecualikan daripada pembayaran 6% GST. Dengan kata lain yang lebih serius kebanyakan ubat-ubat untuk menyelamatkan nyawa seperti ubat jantung, ubatan kanser, ubat-ubatan diabetes, ubat-ubatan psiko untuk penyakit jiwa. Semuanya terpaksa dikenakan 6% GST.

Saya rasa cukai yang dikenakan ke atas ubat satu tindakan yang tidak berperikemanusiaan dan saya pohon simpati daripada Menteri Kesihatan mewakili seluruh rakyat

Malaysia memohon supaya semua ubat untuk merawat pesakit sepatutnya dimasukkan dalam senarai *zero-rated list* iaitu 0%, tidak dikenakan GST. Ini satu jasa yang amat besar kepada semua pesakit. Saya rasa tidak ada satu pun pesakit suka makan ubat. Ubat bukan untuk *sales and service*, ubat untuk menyelamatkan jiwa. Saya pohon keprihatinan Menteri supaya kebajikan pesakit ini dapat dibela, dapat dijaga. Sekian, terima kasih.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Pada masa dahulu tidak ada ubat yang telah dikecualikan. Atas usaha kementerian, atas pihak Kementerian Kewangan dan pihak kastam telah setuju supaya memberi *zero-rating* kepada ubat-ubat yang dipanggil *The National Essential Drug List*. Selepas itu pihak kementerian termasuk saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak kastam dan Kementerian Kewangan termasuk Yang Amat Berhormat Perdana Menteri supaya senarai ini diperluaskan kepada semua ubat yang digunakan untuk merawat pesakit untuk pelbagai jenis penyakit.

Kita pun telah menyerahkan senarai dan ini di bawah pertimbangan pihak Kastam dan pada awalnya mereka telah menunjukkan penerimaan yang baik. Saya berharap saya akan mendapat satu jawapan di dalam beberapa hari ini sebelum kita boleh mengumumkan terhadap keputusan terkini terhadap perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Susulan daripada apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Taiping, saya rasa bukan sahaja ubat. Satu lagi perkara ialah insurans untuk kesihatan, *medical card*. Saya rasa ini juga perlu pihak Kementerian Kesihatan memberi *feedback* kepada pihak Kementerian Kewangan supaya mengecualikan insurans kesihatan ini. Ini kerana sekarang insurans hayat tidak ada kena GST tetapi *medical card* kena GST.

Saya rasa ini perlu satu koordinasi antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kewangan kerana kalau GST ini akan menambahkan beban kepada pemegang *card medical* kerana kalau mereka tidak mampu untuk membeli *medical card*, ini juga akan memberikan tekanan kepada Kementerian Kesihatan kerana kalau orang tidak ada *medical card* mereka tidak boleh pergi klinik swasta atau pun hospital swasta, mereka akan balik ke hospital kerajaan dan perbelanjaan kerajaan akan meningkat.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Okey.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Jadi, saya rasa ini perlu ada koordinasi dan saya berharap pihak Yang Berhormat Menteri beri *feedback* kepada Kementerian Kewangan supaya untuk *medical card* juga dikecualikan daripada GST.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Yang Berhormat Menteri, sebelum jawab sedikit sahaja. Berkaitan dengan yang ditanya oleh Yang Berhormat Seremban. Selain daripada *medical card*, saya rasa Yang Berhormat Menteri pun sedia maklum kerusi roda, *wheel chair*, *artificially*, semua

dikenakan GST. Saya rasa siapa mahu duduk atas *wheel chair*. Kerusi roda, *artificially meaning* ini sepatutnya, semua ini seharusnya dikecualikan daripada pembayaran GST atas prinsip keadilan dan perikemanusiaan. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Terima kasih.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Berkaitan dengan...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Boleh saya tanya sedikit? Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Seremban tadi. Yang Berhormat Menteri, memang apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Seremban ini satu perkara yang perlu kita pertimbangkan sebab saya mempunyai ramai sahabat-sahabat dari kalangan ejen-ejen insurans yang memberi maklum balas kepada saya mengatakan bahawa perkara ini harus dipertimbangkan.

Bermakna GST tidak seharusnya dikenakan kepada *medical card* ataupun apa-apa insurans kesihatan sebab saya rasa kerajaan seharusnya memberi galakan kepada lebih ramai orang untuk mengambil insurans kesihatan ini. Ini akan meringankan beban bukan sahaja kepada orang ramai tetapi juga akan meringankan beban kerajaan itu sendiri. Jadi saya rasa kerajaan memang seharusnya memberi pertimbangan yang sewajarnya dan memberi *feedback* kepada Kementerian Kewangan supaya perkara ini dipertimbangkan dan mengambil keputusan segera sebelum perkara ini dilaksanakan sebab saya risau apabila perkara ini sudah dilaksanakan, mungkin akan terlambat untuk menarik balik. Jadi, keputusan harus dibuat dengan segera berkaitan dengan perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Berkaitan...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, sedikit berkaitan dengan ubat. Kota Raja di depan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kota Raja sini.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Di hadapan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Di depan.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Ya.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Sama GST?

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, GST.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: So, saya boleh jawab sekali terus mungkin.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ya, *insya-Allah*. Saya cuma hendak tahu apakah asas pengecualian ubat-ubat ini yang mana kena *zero-rated*, yang mana yang tidak

kena. Saya berpendapat bahawa semua ubat dan apa-apa yang berkaitan dengan kesihatan sepatutnya *zero-rated because nobody wants to get ill*.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Ya, betul. Ahli-ahli Yang Berhormat dalam isu GST dan perkhidmatan kesihatan, kementerian telah mengadakan banyak perbincangan dengan pihak Kastam dan pihak Kementerian Kewangan dan kita mewakili segala pandangan dan pendapat daripada rakyat, daripada kumpulan doktor dan pihak-pihak yang lain daripada semua segi. Perkara-perkara ini telah disampaikan ke pihak Kementerian Kewangan.

Melalui usaha ini, ada beberapa perkembangan positif dan segala isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat telah dibawa kepada pandangan pihak Kementerian Kewangan dan ada beberapa perkara yang telah mereka persetujui. Ada perkara-perkara yang mereka belum setuju tetapi perbincangan kita sampai minggu lalu pun telah diadakan. Pandangan Kementerian Kesihatan ialah seboleh-bolehnya, seberapa banyak perkara dalam perkhidmatan kesihatan sepatutnya diberikan pengecualian dan *zero-rating*. Akan tetapi mereka yang membuat keputusan ialah Kementerian Kewangan dan pihak kastam.

Saya ingat semasa Kementerian Kewangan akan jawab dalam perbahasan ini, perkara ini akan dijelaskan secara lebih dalam. Isu yang berturutan ialah tentang *dispensing separation* yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah, Yang Berhormat Jerantut, Yang Berhormat Kuala Nerus, Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Pasir Gudang.

Merujuk kepada isu pengasingan fungsi *pendispenser* yang sedang hangat diperdebatkan ini, Kementerian Kesihatan sehingga ini masih belum membuat sebarang keputusan. Sebelum apa-apa keputusan dibuat mengenai perkara ini, pihak kementerian akan mengambil kira pelbagai faktor supaya keputusan yang akan diambil adalah demi kesejahteraan dan kepentingan rakyat. Pandangan pengguna umumnya implikasi kos dan bebanan kepada pengguna akan diberi pertimbangan yang serius agar ia tidak menyukarkan pihak pengguna dan rakyat jelata. Ini termasuklah mengambil kira faktor geografi dan distribusi perkhidmatan, hak milik kepada pengguna dan sistem pemantauan harga ubat.

Semua ini akan dipertimbangkan setelah mendapat input daripada semua pihak yang berkepentingan. Pada masa sekarang saya mahu menjelaskan kepada Dewan yang mulia ini bahawa kementerian tidak membuat apa-apa keputusan dan sistem yang tersedia ada akan diteruskan pada masa sekarang...

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya mencelah sedikit.

Datuk Seri Dr. S Subramaniam: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak menyebut di sini bahawa dalam kita membicarakan tentang *dispensing separation* iaitu DS itu, kita juga selepas itu membuat sidang akhbar. Dalam sidang akhbar itu antaranya kita menyebut bahawa kita menyokong supaya diperbaiki sistem

yang sedia ada melalui Rang Undang-undang Farmasi. Cuma kita minta dikekalkan *dispensing doctors* tadi.

Satu cadangan yang perlu saya sebutkan di sini ialah kita mencadangkan supaya doktor menulis deskripsi dan pesakit diberikan peluang untuk sama ada menunaikan preskripsi itu di klinik atau di farmasi. Ubat pesakit diberikan pilihan. Terima kasih.

■1540

Dr. Siti Mariah Binti Mahmud [Kota Raja]: Menteri, mengenai *dispensing separation*. Walaupun Menteri mengatakan bahawa setakat ini tidak ada lagi apa-apa konklusi, kesimpulan yang diambil tetapi Rang Undang-undang Farmasi, drafnya sudah pun ada. Jadi, maknanya sudah ada satu *formation*, pemikiran ke arah mana yang hendak dibawa *dispensing separation* ini. Kebimbangan para doktor ialah apalah seorang doktor itu kalau dia tidak boleh *dispense* ubat. Ini implikasi ke atas pesakit dan juga kami melihatnya daripada perspektif satu monopoli industri farmasi itu kepada sebahagian atau pihak *of investors*.

So, the interest of separation of dispensing pharmacy ini ialah tidak sangat dilihat sebagai kebaikan untuk pesakit. Oleh sebab pesakit sampai hari ini tidak ada saya fikir satu *complaint*, satu aduan yang besar yang mengatakan bahawa bila doktor yang *dispense*kan ubat, maka ia menyebabkan keadaan-keadaan yang teruk ataupun buruk kepada pesakit. *So, there is no reason to separate it except for the importance of the pharmaceutical industry, especially the big players in the industry.*

Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]: Menteri, sedikit DS. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan *doctors diagnose and pharmacy dispense* ini, saya sebenarnya tertanya-tanya siapakah sebenarnya di belakang ini? Kenapa ia begitu hangat diperkatakan tetapi di pihak kerajaan, di pihak kementerian masih menidakkan seolah-olah tidak ada apa-apa sebenarnya yang wujud sekarang ini. Sedangkan ada yang kata RUU telah siap didraf. Jadi, adakah betul di sebalik semua ini ada syarikat gergasi yang ingin memonopoli dan memanipulasikan harga ubat nanti dan boleh merosakkan segala-galanya? Setakat ini yang saya dengar daripada pengguna, daripada rakyat, daripada ramai malah daripada sahabat-sahabat di sebelah sana, semua tidak bersetuju dengan perkara DS ini. Terima kasih.

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu]: Di sini, Yang Berhormat Sibu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di sini ingin menjelaskan sedikit bahawa *dispensing separation* sebenarnya sudah lama dituntut oleh *Pharmacy Association*. Ini sebenarnya satu praktis yang banyak dipraktiskan di kebanyakan negara *European* dan juga Australia. Saya rasa untuk kebaikan demi masa hadapan, semakin meningkatnya ahli-ahli farmasi di negara ini, *dispensing separation* sebenarnya harus *diconsiderkan*, difikirkan dengan bukan sahaja untuk kebaikan ahli farmasi sahaja. Saya rasa ini juga untuk kebaikan orang ramai. Ahli farmasi dilatih untuk betul-betul membuat *dispensing*. Kebanyakan klinik di Malaysia sekarang walaupun doktor diberi hak untuk

dispensing tetapi kebanyakan doktor tidak ada *supervise* ubat dikeluarkan. Hanya memberikan ubat oleh *nurse* sahaja. Jadi, *nurse* yang beri ubat-ubat, yang *dispensing*. Doktor tidak ada *direct supervise* ubat itu dikeluarkan. Jadi, ini juga melanggar undang-undang di Malaysia ini. Saya rasa kalau *dispensing separation* dipraktikkan, ia memang adalah untuk kebaikan orang ramai supaya orang ramai boleh mendapatkan ubat dengan cara yang lebih selamat.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya ingat isu ini cukuplah. Sama *dispensing*?

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Yes.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya akan jawab sekali gus, segala pandangan sudah dikeluarkan.

Tuan Wong Tien Fatt @ Wong Nyuk Foh [Sandakan]: Boleh saya bagi pandangan dari Sabah.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Saya ingat Ahli Yang Berhormat dengar jawapan saya, selepas itu boleh tanya kalau ada apa-apa. Ini satu contoh yang paling baik di mana di dalam Dewan ini juga ada pandangan yang berbeza. Ada kumpulan yang berpendapat bahawa *dispensing separation* sepatutnya tidak boleh dilakukan dan ada pandangan di mana ada pandangan yang diberi ada kebaikan di dalam *dispensing separation*. Ini wujud daripada pengamalan di negara-negara lain di mana perkara ini sudah dibuat untuk satu jangka masa yang lama.

Kedua-dua pihak ada pandangan masing-masing. Mereka yang menyuarakan bahawa *dispensing separation* ialah satu perkara yang baik, memberi penjelasan seperti yang telah diberi oleh Yang Berhormat Sibu tadi bahawa ini akan meningkatkan lagi *the quality of dispensing*. Di mana mereka yang mempunyai latihan dan pengetahuan di dalam bidang ini akan memberi ubat. Di sebaliknya, mereka yang berpendapat bahawa ini tidak ada baik, lihat kepada sistem yang sedia ada di dalam negara kita dan mempunyai pandangan bahawa kalau ini dilakukan, ini akan menjejaskan pesakit. Khususnya mereka yang ada di luar bandar di mana tidak ada farmasi, mereka tidak boleh mendapat ubat secara cepat, mereka kena pergi ke tempat yang lain. Diperiksa di sebuah tempat, mahu ambil ubat di lain tempat. Ini akan menyusahkan mereka dan mungkin ada kenaikan kos di dalamnya.

Pandangan yang ketiga seperti yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Kuala Kedah tadi ialah di mana pesakit diberi hak untuk menentukan cara mana yang dipilih. Kalau mereka mahu mendapat di klinik, mereka mempunyai hak untuk buat sedemikian atau kalau mereka mahu mendapat di tempat yang lain, mereka pun diberi hak. So, ini ialah tiga pandangan yang berbeza yang kementerian pun sedang kaji. Pada masa sekarang seperti yang saya telah beritahu tadi, kita tidak buat apa-apa keputusan. Memang dalam usaha untuk memperbaiki sistem perkhidmatan farmasi di dalam negara kita, ada cadangan ini diberi sebagai satu langkah

cadangan. Akan tetapi sebagai kementerian dan sebagai menteri dan pihak-pihak yang lain dalam kementerian, kita tidak ada membuat keputusan. Apa-apa keputusan yang akan diambil mesti ambil kira segala pandangan rakyat. Apa yang diputuskan ialah yang paling baik untuk rakyat, yang tidak akan menyusahkan mereka, tidak akan meningkatkan kos dan tidak akan ada impak. Khususnya kepada mereka di luar bandar dan kepada golongan miskin.

Oleh itu Ahli-ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang tidak perlu bimbang sangat dengan sistem ini. Oleh sebab kita tidak membuat apa-apa keputusan muktamad dan ia tidak akan dilaksanakan sampai kita puas hati bahawa ini satu perkara yang baik untuk negara dan kepada rakyat kita.

Untuk menjawab Yang Berhormat Gopeng telah membangkitkan beberapa isu berkaitan dengan Transformasi Kesihatan Kebangsaan. Beliau telah memberi pelbagai jenis cadangan dan pandangan terhadap beberapa perkara yang sepatut tidak dibuat dan apakah sistem transformasi yang paling sesuai.

Tuan Yang di-Pertua, Sistem Kesihatan Negara pada masa ini menghadapi isu dan cabaran yang berlainan daripada yang dihadapi pada masa dahulu. Umpamanya, dianggarkan menjelang tahun 2030, populasi berumur 60 tahun ke atas akan melebihi 15% jumlah penduduk negara, berbanding hanya 6% sekarang. Kumpulan warga emas memerlukan lebih banyak perkhidmatan kesihatan dengan kita mesti memenuhi keperluan mereka. Begitu juga sekarang lebih ramai lagi rakyat Malaysia menghadapi penyakit kronik seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, asma dan kanser. Daripada kajian kesihatan dan morbiditi tahun 2011 lalu, dianggarkan 52% daripada populasi dewasa di Malaysia menghadapi kencing manis.

Penyakit diabetes ini telah meningkat sebanyak 31% dalam masa hanya lima tahun berbanding tahun 2006 dahulu. Kadar darah tinggi juga amat tinggi. Hampir satu dalam setiap orang dewasa kini mengalami darah tinggi. Di samping itu, kita juga dibebankan dengan penyakit-penyakit berjangkit seperti denggi, tuberculosis dan sebagainya. Selain itu kita juga berhadapan dengan kehendak *expectation* rakyat yang makin meningkat untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan yang lebih berkualiti dalam suasana kos pembiayaan perkhidmatan kesihatan yang tinggi dan sentiasa meningkat dari tahun ke tahun.

Berdasarkan kepada isu dan cabaran yang dihadapi ini, pihak kementerian khuatir model Sistem Kesihatan Malaysia yang ada sekarang ini tidak akan dapat menampung keperluan negara di masa akan datang. Justeru, kementerian sentiasa berusaha untuk membangunkan sistem kesihatan yang lebih saksama, berkualiti tinggi dan lestari. Bagi mencapai hasrat tersebut, Kementerian Kesihatan sedang menjalankan kajian yang mendalam secara berterusan bagi mengenal pasti model yang bersesuaian dengan keperluan Malaysia.

■1550

Semua unsur ini dizahirkan dalam Rancangan Malaysia Ke-10. Walau bagaimanapun, tidak banyak kemajuan mengenai cadangan transformasi yang dicapai sehingga kini dan kajian-

kajian berkaitan masih diteruskan. Untuk Rancangan Malaysia Ke-11, kementerian akan meneruskan kajian dengan cadangan transformasi dan kerajaan akan membuat keputusan mengenainya pada masa yang sesuai. Golongan miskin dan tidak berkemampuan akan terus dilindungi melalui pembiayaan kerajaan yang lebih fokus dan telus agar lebih bermanfaat. Keistimewaan yang dikecapi serta rawatan dalam sistem kesihatan yang sedia ada akan terus dikekalkan. Manakala kekurangan serta kelemahan yang dikesan di dalam sistem itulah akan diperbaiki dan dimantapkan seiring dengan objektif transformasi ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerantut telah membangkit isu tentang perkhidmatan kesihatan khususnya di kawasan luar bandar. Melalui Pelan Transformasi Sistem Kesihatan, perancangan dan pelaksanaan projek-projek pembangunan dan naik taraf hospital kerajaan satu proses yang berterusan di kementerian bagi memastikan peningkatan kualiti perkhidmatan perubatan dan keperluan serta kesihatan rakyat terjamin. Langkah-langkah tersebut dirancang dan dilaksanakan secara berperingkat mengikut peruntukan sedia dan keperluan semasa.

Bagi penyediaan perkhidmatan kepakaran yang sentiasa ditambah baik dan diperluaskan secara berperingkat, juga agar semua lapisan masyarakat mempunyai akses kepada taraf perkhidmatan perubatan asas yang sama di kawasan bandar mahupun di kawasan luar bandar. Ini disebabkan peruntukan kerajaan yang terhad bagi membangunkan dan naik taraf fasiliti kesihatan serta masalah kekurangan sumber manusia dan berkemahiran. Sekiranya fasiliti kesihatan yang terdekat tidak dapat menyediakan perkhidmatan perubatan yang diperlukan bagi kes-kes yang tertentu, pesakit tersebut akan dirujuk ke hospital pakar yang terdekat melalui sistem rujukan sedia ada.

Kualiti perkhidmatan kesihatan sentiasa ditambah baik sama ada di kawasan bandar dan di kawasan luar bandar. Umpamanya Klinik Desa akan dinaik taraf ke Klinik Kesihatan dari semasa ke semasa mengikut keutamaan serta keperluan kesihatan masyarakat setempat. Skop perkhidmatan kesihatan di kawasan luar bandar dan kecil juga sentiasa dipertingkatkan dari semasa ke semasa dan khidmat pegawai perubatan serta pakar perubatan keluarga juga disediakan secara tetap atau melalui lawatan berkala mengikut keperluan agar mutu perkhidmatan yang diberikan lebih berkualiti.

Ubat-ubatan di semua fasiliti kesihatan termasuk di Klinik Desa sentiasa dijamin kualiti dan dipastikan bekalan stok sentiasa mencukupi. Senarai ubatan ini juga turut ditambah mengikut skop perkhidmatan yang diberikan. Pada masa ini terdapat sebanyak 51 jenis ubat disediakan di Klinik Desa manakala di Klinik Kesihatan berpakar, sejumlah 733 jenis ubat disediakan. Kementerian melalui Jabatan Kesihatan Negeri Pahang telah mengenal pasti fasiliti kesihatan primer mengikut keutamaan untuk dinaik taraf secara berfasa dalam RMKe-11 dan ini termasuk Klinik Kesihatan Kuala Tahan.

Di samping itu tiga Klinik Desa di Daerah Jerantut juga telah disenaraikan untuk dinaik taraf pada Klinik Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Ke-11.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, Jerantut dengan Kuala Krau sempadan. Tuan Yang di-Pertua. Jangan lupa kawasan Kuala Krau.

Dato' Seri S. Subramaniam: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih.

Dato' Seri S. Subramaniam: Saya sudah dapat surat daripada SUSK tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih.

Dato' Seri S. Subramaniam: Terima kasih. Yang Berhormat Jerantut pun telah membangkitkan sama ada langkah proaktif untuk mengawal dan memastikan harga yang dikenakan oleh hospital-hospital swasta mampu dibayar oleh pesakit. Sejak tahun 2006, kementerian sentiasa memantau dan mengawal selia kos perubatan dengan hospital swasta berpandukan Jadual Ketiga Belas, Peraturan-peraturan Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Perkhidmatan Swasta. Peraturan tersebut melalui Jadual Ketiga Belas memperuntukkan kepada kementerian untuk meletakkan harga syiling atau had maksimum kos rawatan bagi fi perundingan dan fi profesional untuk prosedur mengawal perkhidmatan atau pergigian swasta supaya rakyat diberi perlindungan daripada dikenakan caj yang terlampau tinggi.

Sementara itu kementerian sentiasa membuat pemantauan dan kawal selia ke atas fi perundingan dan fi profesional bagi prosedur bagi pengawal perubatan atau pergigian swasta. Antara mekanisme-mekanisme yang dicadangkan kementerian adalah memastikan ketidakpuasan hati atau aduan daripada pelbagai pihak mengenai fi disemak dan disiasat. Meminta hospital swasta mengadakan prosedur ketidakpuasan ke atas aduan-aduan, memberi peringatan kepada hospital swasta supaya mematuhi fi profesional seperti dalam Jadual Ketiga Belas. Membolehkan pesakit membuat pemantauan ke atas fi yang dikenakan serta melaksanakan hak pesakit untuk mengetahui kos sebelum rawatan melalui *financial counseling* yang diadakan oleh pihak hospital swasta.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: *[Bangun]*

Dato' Seri S. Subramaniam: Pada masa yang sama pengawal perubatan adalah disarankan untuk mengenakan bayaran yang munasabah kepada pesakit dengan mengambil kira latar belakang pesakit, kompleksiti kes yang dikendalikan, jenis fasiliti lokasi dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Kuala Kedah bangun.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Boleh saya tanya sedikit?

Dato' Seri S. Subramaniam: Ya.

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang fi perubatan dan juga *consultation fee*, fi konsultasi, apakah ada keputusan akhir tentang penggunaan GST ke atas fi tadi? Terima kasih.

Dato' Seri S. Subramaniam: Itu yang saya sudah bincang dan saya ingat perkara ini akan, sudah dan sedang dijelaskan oleh pihak Kastam kepada pihak *association and private hospital* dan pandangan saya, semua fasiliti yang didaftarkan sebagai *private health care facility* di bawah kementerian, akan dianggap sebagai fasiliti yang dikecualikan daripada GST, melainkan yang mereka tidak jatuh dalam kategori *private health facility*. Ini maklumat yang diberi kepada kementerian oleh pihak kastam dan Kementerian Kewangan dan maklumat yang lebih jelas dan lebih dalam telah diberitahu kepada pihak-pihak daripada perkhidmatan swasta di dalam beberapa rundingan yang mereka adakan dengan pihak kastam dan pihak Kementerian Kewangan. Mereka sedang memberi penjelasan kepada ahli-ahli mereka tentang apa yang pendirian kastam dan pihak Kementerian Kewangan dalam perkara ini. Apakah jenis-jenis perkhidmatan yang telah dikecualikan? dan macam mana perkara ini sepatut ditangani.

Yang Berhormat Kuala Kedah pun telah bangkitkan tentang keadaan terkini tentang nasihat yang diberi oleh kerajaan, kementerian tentang *system nutrition* di dalam negara kita dan garis panduan yang dikeluarkan oleh kementerian.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam perbahasan belanjawan yang lepas, saya telah memberitahu bahawa kementerian akan menyemak semula Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia pada tahun ini, dan kita sedang menyemak semula Pelan Tindakan Pemakanan Malaysia untuk menyediakan NPAN Malaysia yang ketiga untuk tahun 2016 sampai 2025.

Dalam penyediaan ini, kita akan mengambil kira perkembangan terkini dalam pemakanan global dan negara termasuk piramid makanan, *Room Declaration on Nutrition 2014 dalam International Conference on Nutrition 2014* dan dokumen ini dijangka dikeluarkan sebelum akhir tahun ini. Di dalam semua perkara berkaitan dan perkembangan terkini di dalam bidang *nutrition* akan diambil kira dan rakyat Malaysia akan diberi nasihat selaras dengan pandangan dan perkembangan di dalam bidang sains itu.

Yang Berhormat Rantau Panjang telah tanya tentang isu elaun yang diberi kepada mereka yang berkhidmat semasa banjir. Pegawai yang telah bertugas semasa banjir ini akan layak menerima bayaran-bayaran lebih masa dan bayaran-bayaran lain mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam. Mereka boleh memohon cuti gantian sekiranya mereka tidak memilih bayaran lebih masa untuk masa yang mereka telah bertugas. Yang Berhormat Gopeng telah bangkit perkara berkaitan kemudahan-kemudahan di hospital-hospital kecil dan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kemudahan di hospital-hospital ini supaya mutu dan taraf perkhidmatan itu boleh dinaikkan?

■1600

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah mengambil kira beberapa faktor dalam perancangan dan pertimbangan penyediaan perkhidmatan kepakaran dan peralatan perubatan iaitu keperluan semasa penduduk tempatan berdasarkan *burden of disease and social demography*, lokasi hospital dan industri sekelilingnya. Ada pakar klinikal sumber manusia mahir khususnya bagi penyediaan perkhidmatan kepakaran tersebut. Usaha sama dan kemudahan yang sedia di hospital tersebut dapat menampung atau sejajar dalam perkhidmatan kepakaran yang diwujudkan. Jika tiada, kerja-kerja naik taraf dan perolehan kelengkapan peralatan perubatan, bukan perubatan yang diperlukan dengan peruntukan kewangan perlu ada. Kementerian memang merancang bagi menaik taraf semua hospital daerah, contohnya Hospital Gerik, Kapit, Sri Aman dan Gua Musang.

Walau bagaimanapun dengan dana yang terhad dan kekangan sumber manusia, perancangan dan pelaksanaan langkah-langkah penambahbaikan perkhidmatan kesihatan termasuk di hospital-hospital daerah akan dilaksanakan secara berperingkat. Dalam memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada rakyat, beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi mengurangkan masa menunggu untuk berjumpa dengan doktor di klinik atau hospital iaitu melalui sistem temu janji secara berperingkat, laluan khas atau *fast lane* untuk pesakit warga emas dan kurang upaya, temu janji ujian darah adalah satu atau dua minggu sebelum tarikh temu janji klinik. Meningkatkan *networking* di antara hospital pakar dan hospital tanpa pakar bagi perkhidmatan kepakaran tertentu setiap hospital, *Initiative Lean Healthcare* yang dilaksanakan secara- 2013 di enam buah hospital yang bertujuan mengurangkan masa menunggu.

Selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan pada tahun 2005, kementerian telah mewartakan *indicator* KPI bagi dipantau di semua hospital kementerian termasuklah masa menunggu untuk mendapatkan rawatan serta tempoh masa mendapatkan temu janji perkhidmatan kepakaran termasuklah siasatan radiologi. *Indicator* bagi penyampaian telah dikemas kini pada tahun 2013, *indicator hospital performance*, *indicator for accountability* dengan 29 *indicator* telah diwartakan bagi semua pengarah hospital dan timbalan pengarah kesihatan.

Bagi perkhidmatan kepakaran klinikal dan sub kepakaran terdapat 340 *indicator* bagi semua 44 disiplin perkhidmatan. Sasaran yang ditetapkan adalah setanding dengan perkhidmatan di negara maju berdasarkan sumber sedia ada. Kementerian telah pun mewartakan kajian kos dan keberkesanan kos merawat sesuatu penyakit melalui sistem *case mix* yang akan diguna pakai ari masa ke masa.

Yang Berhormat Sik telah membangkitkan isu berkenaan dengan kenaikan skim dan gred jururawat dan penambahbaikan terhadap semua skim di bawah kementerian sentiasa dilaksanakan termasuklah skim jururawat. Skim Jururawat merupakan skim bersepadu di mana penyandang yang berada di gred jawatan dalam kumpulan pelaksana boleh dinaikkan pangkat

sehingga ke gred jawatan yang lebih tinggi dalam kumpulan pengurusan dan profesional. Pada tahun 2005, jawatan tertinggi jururawat telah dipertingkatkan ke Gred 48 dan kemudiannya ke Gred 54 mulai 2008. Mulai tahun 2013, skim perkhidmatan jururawat telah ditingkatkan lagi sehingga ke jawatan tertinggi JUSA C.

Penambahbaikan ini dibuat mengambil kira *complexity* skop, fungsi tugas dan demi pembangunan kerja. Selain itu, setiap jururawat Gred U29 juga layak mendapat kenaikan pangkat secara *time based* kecemerlangan ke Gred 32 apabila mencapai tempoh perkhidmatan 13 tahun dan memenuhi syarat yang telah ditetapkan.

Yang Berhormat Labuan, telah membangkit tentang kemudahan kesihatan di Labuan. Wilayah Persekutuan Labuan mempunyai sebuah hospital pakar minor, sebuah klinik kesihatan, 11 buah klinik desa dan satu Klinik 1Malaysia. Hospital Labuan mempunyai 109 buah katil dengan empat bidang kepakaran dengan enam orang pakar residen iaitu perubatan dalam, bius, ortopedik dan O&G. Hospital Labuan juga, menerima lawatan pakar dari Hospital *Queen Elizabeth*, Kota Kinabalu, Hospital Bukit Mesra Padang dan juga pakar dari hospital-hospital Semenanjung seperti Hospital Ampang dan juga Hospital Putrajaya.

Terdapat dua buah dewan bedah dan lima buah katil ICU di hospital tersebut dan melalui program *cluster* Hospital KKM sedang bercadang supaya Hospital Labuan berkolaborasi dengan Hospital *Queen Elizabeth*. Klinik kesihatan Wilayah Persekutuan Labuan, dengan beban kerja purata 484 orang pesakit sehari dikendalikan oleh petugas kesihatan yang terdiri daripada pakar perubatan keluarga, pegawai perubatan, penolong pegawai perubatan, jururawat, jururawat masyarakat dan pembantu kesihatan. Kementerian mengambil maklum akan keperluan penambahbaikan kemudahan kesihatan di Wilayah Persekutuan Labuan dan ini akan diberi keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Hulu Rajang, telah membangkitkan tentang keadaan di Hospital Kapit. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM36.74 juta kepada negeri Sarawak pada tahun 2014 bagi tujuan perolehan peralatan perubatan, kenderaan dan ambulan daripada jumlah tersebut sejumlah RM110 ribu telah diagihkan ke Hospital Kapit bagi tujuan perolehan PABX sistem. Secara prinsip, kementerian telah bersetuju untuk menaik taraf Hospital Kapit kepada hospital daerah pakar minor iaitu dengan mempunyai tujuh sampai 10 orang pakar pembangunan dan kelengkapan ini dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Hospital Kapit Sarawak juga mempunyai 134 buah katil dan mempunyai dua orang pakar residen iaitu pakar pediatrik dan pakar perubatan.

Walau bagaimanapun, bagi memastikan perkhidmatan kesihatan yang lain dapat disediakan di hospital ini, kerjasama rangkaian di antara hospital ini digalakkan dengan Hospital Umum Sarawak dan Hospital Sibu untuk memberi mendapat perkhidmatan kepakaran yang lain. Pada masa ini perkhidmatan kepakaran yang disediakan secara berkala adalah *visiting specialist*

untuk pembedahan awam, *Psychiatry*, *O&G*, *otorhinolaryngology*, *ophthalmology*, *orthopedic*, *cardiology*, *pediatric* dan pembedahan plastik.

Yang Berhormat Tanah Merah, mintak Kementerian untuk menyatakan apakah status tentang pemberian *CT scan* ke Hospital Tanah Merah dan kementerian pada masa sekarang proses di atas untuk mendapat *CT scan* sedang berjalan dengan teratur. Projek penempatan seunit *CT scan* di Hospital Tanah Merah akan bermula pada akhir bulan Jun 2015 dan dijangka siap keseluruhannya termasuk binaan dan pentauliahan *machine* dan aksesori pada bulan November 2015.

Yang Berhormat Limbang, telah tanya keadaan Hospital Limbang pada masa sekarang, projek klinik kesihatan Long Napir di kawasan itu, telah diluluskan dalam *Rolling Plan* Keempat dalam RMKe-10 dan ketika ini kerja-kerja perancangan dan reka bentuk telah diselesaikan dan pihak JKR Sarawak telah mengemukakan ke Jabatan Tanah dan Survei untuk kelulusan oleh Majlis Perancang Negeri. Kementerian telah memperuntukkan lebih kurang RM4.3 juta diagihkan ke Hospital Limbang dan peruntukkan ini ialah untuk memperoleh peralatan-peralatan yang diperlukan termasuk *ultrasound*.

Kementerian akan menempatkan pelbagai pakar residen hospital di seluruh negara secara berperingkat mengikut keupayaan. Pada masa sekarang Hospital Limbang mempunyai satu unit *ultrasound* di bidang O&G dan ini digunakan untuk di wad obstetrik manakala ada *machine ultrasound* di unit kecemasan yang digunakan untuk kes-kes kecemasan.

Yang Berhormat Kota Samarahan, telah membangkit tentang...

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Yang Berhormat Menteri, sedikit Menteri hendak mencelah.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya.

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang *ultrasound* ini, saya telah pun pergi ke Hospital Limbang pada masa ini keadaannya- saya tahulah sebab rakyat sudah banyak jumpa kita. Kalaulah di Limbang itu ada *ultrasound* kenapa mereka masih disuruh pergi *private* Limbang Yang Berhormat Menteri?

Kalau hendak pergi *private* itu RM400 ke RM500, jadi rakyat biasa kita terus terang tidak mampu. Itu yang saya suarakan hari itu, kalau betul ia diperlukan untuk rawatan segera, apakah kerajaan dapat menimbang untuk pembayarannya? Oleh sebab kalau pergi swasta itu kadang-kadang ada cakap RM1,000 tetapi kata bagi diskaun RM500. Memang harga betul pun RM500 itu. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

■1610

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Mungkin itu keadaan yang luar biasa yang berlaku. Sepatutnya dengan kemudahan yang mereka ada pada masa sekarang, tiada keperluan supaya pesakit dirujuk kepada pihak swasta melainkan keadaan

di mana mesin *ultrasound* tidak berfungsi atau pesakit tidak boleh menunggu untuk masa mereka atau dalam keadaan-keadaan yang luar biasa. Akan tetapi, saya akan mengambil kira pandangan yang telah diberi oleh Ahli Yang Berhormat.

Yang Berhormat Kota Samarahan telah mencadangkan bahawa sebuah hospital dibina di Kota Samarahan. Dalam kawasan itu, yang paling dekat dengan Bandar Kuching pun, kemudahan-kemudahan kesihatan yang tersedia ada ialah fasiliti kesihatan yang berhampiran iaitu Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak. Ia terletak di Kota Samarahan. Hospital Umum Sarawak bukan jauh dari Kota Samarahan. Hospital Petrajaya sedang dalam pembinaan serta Klinik Kesihatan Kota Samarahan dan Klinik Kesihatan Asajaya.

So, keperluan perkhidmatan kesihatan bagi penduduk Samarahan khususnya perkhidmatan rawatan sekunder atau rawatan pesakit dalam dibekalkan oleh Hospital Umum Sarawak yang terletak hanya 30 minit dari Kota Samarahan. Perkhidmatan kecemasan sedia dibekalkan di Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak di Kota Samarahan juga. Sementara rawatan pesakit luar boleh pula dibekalkan oleh Klinik Kesihatan Samarahan dan Klinik Kesihatan Asajaya yang mana terdapat seorang pakar telah ditempatkan di Klinik Kesihatan Samarahan.

Sehubungan dengan ini, kementerian mengambil maklum akan perancangan untuk membina sebuah hospital untuk jangka masa panjang setelah mengkaji secara keseluruhan keperluan perkhidmatan kesihatan dan perubatan bukan sahaja di sesebuah negeri malah di seluruh negara.

Yang Berhormat Kapar telah membangkitkan isu yang berkaitan dengan hospital di Kapar. Kementerian telah mengenal pasti sebidang tanah di Mukim Ijok di Daerah Kuala Selangor seluas 50 ekar untuk membina sebuah hospital pakar di Kapar berkapasiti 300 buah katil. Permohonan peruntukan untuk urusan pengambilan tanah daripada kerajaan negeri sedang diusahakan dengan Unit Perancang Ekonomi. Kementerian menjangkakan projek ini akan dapat dikemukakan dalam *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Pasir Gudang...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Telah minta berkaitan dengan...

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Kapar.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Ya, ya.

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri, dulu-dulu semasa menjawab soalan juga Yang Berhormat Menteri telah menekankan bahawa ada isu tanah daripada kerajaan negeri. Maka saya telah membangkitkan isu ini dengan Kerajaan Negeri Selangor. Ini ada surat bertarikh 12 Januari 2015 daripada Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor. Saya harap saya boleh bagi juga

kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kerajaan negeri telah memutuskan supaya pihak Sime Darby menyediakan tapak tanah seluas 50 ekar di Mukim Kapar, Daerah Klang bagi tujuan pembinaan Hospital Kapar, Klang. So, sekarang ada tanah di Bukit Raja. So, selepas habis sesi jawab daripada Yang Berhormat Menteri, saya akan bagi surat ini kepada Yang Berhormat Menteri supaya kita duduk bersama selaraskan ini secepat yang mungkin. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Pasir Gudang telah bertanya tentang hospital di Pasir Gudang. Kementerian telah mengemukakan permohonan untuk membina Hospital Pasir Gudang di Johor di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Projek hospital berkapasiti 332 buah katil akan dibina dalam rancangan ini dan hospital ini dijangka akan dapat memberikan perkhidmatan perubatan pakar kepada penduduk di sekitar Pasir Gudang dan juga mampu mengurangkan kesesakan di Hospital Sultanah Aminah dan Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru.

Yang Berhormat Sibuti telah membangkitkan berkaitan dengan hak rakyat di kawasan luar bandar terutama di kawasan Sibuti. Kementerian mengambil maklum akan keperluan perkhidmatan kesihatan penduduk di Sibuti. Keperluan perkhidmatan kesihatan khususnya perkhidmatan rawatan sekunder atau rawatan pesakit dalam dan juga pakar dibekalkan oleh Hospital Miri yang terletak hanya satu jam dari Sibuti. Sementara rawatan pesakit luar dibekalkan oleh enam buah klinik kesihatan yang berdekatan. Dua buah Klinik 1Malaysia juga diwujudkan bagi memberi akses perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Sibuti. Untuk makluman, projek naik taraf Hospital Miri akan dipohon kepada EPU di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Yang Berhormat Machang telah membangkitkan tentang langkah-langkah yang diambil untuk menaik taraf Hospital Machang. Kementerian memang telah mengambil langkah-langkah untuk menaik taraf Hospital Machang secara berfasa. Pada tahun 2014, Hospital Machang telah dibina wad lelaki dan wad anak-anak dan telah siap dan telah beroperasi. Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM9.2 juta kepada negeri Kelantan pada tahun 2014 bagi tujuan perolehan peralatan perubatan, kenderaan dan ambulans. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM1.06 juta telah diagihkan ke Hospital Kuala Krai dan RM10,000 ke Hospital Machang.

Yang Berhormat Bachok telah bangkitkan berkaitan dengan hasrat pembinaan sebuah hospital di Bachok. Hospital Bachok merupakan salah sebuah hospital yang telah diluluskan pembinaan dalam RMKe-10. Hospital ini berkapasiti 76 buah katil dan bakal dibina di Kampung Batur, Gunung, di tapak seluas 57 ekar. Ia merupakan hospital tanpa pakar, namun mempunyai lawatan pakar secara berkala bagi bidang-bidang seperti perubatan umum, pembedahan umum, kanak-kanak, obstetrik dan ginekologi serta ortopedik. Tapak hospital ini tidak terjejas oleh banjir yang melanda Kelantan pada akhir tahun 2014.

Yang Berhormat Silam telah tanya tentang keadaan Lembaga Pelawat Hospital di Sabah dan Sarawak. Kementerian telah dalam proses untuk menyenaraikan dan memutuskan senarai

yang telah dihantar oleh beberapa pihak daripada kedua-dua negeri dan mereka mungkin akan dilantik secara berperingkat pada bulan Mei tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini beberapa isu yang telah dibangkit dan...

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Untuk mereka yang telah..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: ...Menunjukkan keprihatinan tentang isu di dalam Kementerian Kesihatan Malaysia, saya ucapkan terima kasih dan saya telah menjawab seberapa banyak- satu peratusan yang besar daripada soalan yang dikemukakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri sudah hendak habis sudah ini.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sikit, Yang Berhormat Menteri.

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Jika ada soalan yang belum dijawab, saya akan jawab secara bertulis.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Boleh saya cakap sikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Dalam perbahasan, saya ada tanya dua soalan. Satu, perkembangan tentang pembinaan hospital baru Daerah Kerian di Parlimen Bagan Serai. Kedua, permohonan semula Klinik Kesihatan Matang Gerdu di Parlimen Bagan Serai. Pemilikan tanah sejak...

Datuk Seri Dr. S. Subramaniam: Isu hospital saya ingat hospital di Kerian, kerja-kerja tapak sedang dijalankan dan diluluskan dan hospital ini akan dibina di dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Maklumat tentang klinik yang telah diminta oleh Yang Berhormat akan diberi secara bertulis kepada Yang Berhormat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya pun ucap terima kasih kepada Menteri kerana datang melawat Poliklinik Kuala Krau yang tenggelam dalam banjir baru-baru ini. Terima kasih.

Saya jemput Kementerian Belia dan Sukan. Berapa lama Yang Berhormat?

Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Dalam 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: 15 minit, sila.

4.18 ptg.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Kalau tidak ada yang mencelah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang dikemukakan mengenai Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Rakyat pada kali ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

Pertama mengulas mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekijang berkenaan takrif umur belia yang akan diturunkan kepada 30 tahun. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dasar Belia Malaysia mentakrifkan belia ialah individu yang berumur antara 15 tahun dan sebelum mencapai umur 30 tahun. Takrifan had umur belia ini akan dikuatkuasakan bermula pada tahun 2018. Ini bagi memberi ruang untuk memenuhi keperluan pindaan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 [Akta 668] dan proses peralihan kepimpinan persatuan belia kepada mereka yang berumur di bawah 30 tahun.

■1620

Berkenaan dengan isu yang dibangkitkan dalam memastikan proses pencarian bakat muda pelapis kepimpinan masa depan, KBS telah melakukan pelbagai transformasi program-program kepimpinan yang lebih menjurus kepada belia yang berumur di antara 18 hingga 30 tahun. Ini termasuklah mengkaji semula modul-modul kursus kepimpinan yang sedia ada, mempersiapkan tenaga pakar dalam kepimpinan serta menjadikan Akademi Pembangunan Belia di Port Dickson sebagai pusat latihan kepimpinan belia yang unggul di Malaysia.

Selain itu, kementerian juga telah mentransformasikan modul-modul kepimpinan serta memperluaskan penyertaan dalam program-program kepimpinan organisasi kepada golongan belia berjawatan sama ada di dalam organisasi ataupun pertubuhan belia yang berumur di antara 18 tahun hingga 30 tahun. Di samping itu juga, pihak kementerian telah memperkenalkan program baru iaitu Program Felo Perdana yang mana para peserta yang terpilih akan ditempatkan di pejabat-pejabat Menteri di pelbagai kementerian bagi tujuan latihan kepimpinan dan kefahaman menguruskan sesebuah kementerian.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebanyak sembilan usul telah dibahaskan dalam Persidangan Parlimen Belia Malaysia Sidang Pertama 2015-2016 dan telah diterima oleh Jemaah Menteri pada 21 Januari 2015. KBS telah memanjangkan usul-usul tersebut kepada lima kementerian dan tiga buah agensi yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas. Dua kementerian iaitu Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri dan Kementerian Luar Negeri serta sebuah agensi iaitu Unit Perancang Ekonomi telah pun bersetuju untuk mengadakan perbincangan bersama jawatankuasa yang terlibat bagi membincangkan usul yang telah dikemukakan.

KBS juga menyediakan ruang kepada semua Ahli Parlimen Belia Malaysia untuk melaksanakan program pembangunan belia di peringkat akar umbi, sekurang-kurangnya tiga kali setahun. Ini secara tidak langsung memberi ruang atau menjadi platform kepada Ahli Parlimen Belia untuk memberi penerangan serta penjelasan kepada belia di luar tentang apa yang telah diputuskan pada persidangan Parlimen Belia Sidang Pertama dan mengenal pasti isu-isu

pembangunan belia untuk dibawa kepada pihak kerajaan melalui Sidang-sidang Parlimen yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena..., ada?

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Timbalan Menteri yang telah memberikan maklumat berkaitan dengan Felo Perdana dan juga Ahli Parlimen Belia. Saya di sini suka mencadangkan kepada pihak kementerian supaya dapat memberikan juga ruang kepada peserta-peserta Felo Perdana dan juga Ahli-ahli Parlimen Belia ini supaya mereka dapat mengadakan program seperti *internship*. Maksudnya, mereka ini diserapkan juga bersama-sama dengan pertubuhan-pertubuhan belia ataupun badan-badan gabungan yang ada dalam Majlis Belia Malaysia ini supaya mereka dapat bersama-sama mengadakan program dan secara tidak langsung, ini dapat mempromosikan diri mereka selaku pemimpin yang kita boleh ketengahkan dalam memastikan ada barisan-barisan pelapis pemimpin yang berumur 30 tahun ke bawah. Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang. Pandangan dan cadangan Ahli Yang Berhormat akan dikaji secara mendalam dan akan dilaksanakan secara berperingkat demi kebaikan golongan belia.

Seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pokok Sena berkaitan Laporan Audit Hari Belia Negara 2013. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perkara ini telah dijawab secara bertulis oleh Jabatan Perdana Menteri semasa sesi penggulungan perbahasan Bajet 2015 di peringkat Jawatankuasa di Dewan Rakyat.

Di samping itu, Jabatan Audit Negara juga telah menjalankan pengauditan terhadap pengurusan program Hari Belia Negara Kementerian Belia dan Sukan bagi tempoh 2011 hingga 2013 pada bulan Jun hingga Oktober 2013. Pemerhatian Audit berkaitan telah dikemukakan kepada KBS pada 22 November 2013 dan maklum balas mengenainya telah diterima oleh Jabatan Audit Negara pada 15 Januari 2014 manakala *Exit Conference*, dengan izin, berkaitan pengauditan tersebut telah dijalankan pada 12 Februari 2014. Memandangkan sebahagian besar daripada isu berbangkit hampir sama dan telah diliputi dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2, maka Laporan Pengurusan Program Hari Belia Negara 2013 tidak dibentangkan di Dewan Rakyat pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Batu Gajah. Untuk maklumat Yang Berhormat Batu Gajah, Yayasan NAAM telah ditubuhkan secara rasmi pada 3 Januari 2014 bagi memperkasakan ekonomi 100,000 orang belia dan beliawanis India dalam masa lima tahun yang akan datang. Kumpulan sasaran melibatkan lepasan PMR,

SPM, belia yang berkelulusan rendah dan tidak dapat mendapatkan pendapatan tetap atau belia yang berada dalam kategori berisiko tinggi. Walau bagaimanapun, pada asalnya matlamat pertubuhan adalah untuk memperkasakan ekonomi belia dan beliawanis India, namun atas inisiatif pembangunan belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan, program yang dijalankan oleh NAAM turut dibuka kepada semua golongan tanpa mengira bangsa selari dengan konsep 1Malaysia.

Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM37 juta untuk dua tahun iaitu 2014 dan 2015 melalui EPU untuk melaksanakan program-program berbentuk latihan, kursus kemahiran dan program-program pembangunan belia. Pada ketika ini, seramai 109 orang ahli NAAM telah dan sedang menjalani projek perintis pertanian cili secara fertigasi dan projek ini melibatkan sebanyak 109 ekar tanah di sembilan buah negeri di seluruh negara. Selain itu, Yayasan NAAM turut membantu peserta untuk mendapatkan bantuan pinjaman kewangan daripada TEKUN Nasional, Agrobank untuk membiayai kos projek selain bekerjasama dengan Jabatan Pertanian dan FAMA untuk memberikan latihan memasarkan produk-produk peserta.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja maklum balas dan jawapan saya ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu Kementerian Belia dan Sukan dan saya memberi jaminan kepada Dewan yang mulia ini segala pandangan dan cadangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat...

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Menteri, maaf. Timbalan Menteri, boleh tanya sikit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila, sila.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Timbalan Menteri, dalam perbahasan saya, saya ada menanyakan tentang berapakah jumlah wang yang telah pun dibelanjakan setakat ini dalam projek NAAM. Perkara ini Menteri masih belum jawab. Menteri ada jawab berapa orang yang terlibat tetapi berapakah perbelanjaan yang sudah pun dikeluarkan daripada Yayasan NAAM untuk membiayai projek tersebut. Itu yang pertama.

Kedua, saya juga hendak tahu apakah mekanisme di antara NAAM dengan TEKUN? Apa kaedahnya, bagaimanakah bantuan itu diberikan oleh TEKUN sedangkan kita sudah ada peruntukan untuk NAAM untuk membiayai projek tersebut? Kenapakah pula tiba-tiba kita ada TEKUN dan juga Bank Pertanian dan sebagainya untuk membiayai kos perbelanjaan? Boleh memberi maklum balas bagaimana proses ini. Terima kasih.

Datuk Saravanan A/L Murugan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kebetulannya, jumlah peruntukan untuk dua tahun RM37 juta dan diagihkan kepada dua tahun. Bagi tahun pertama, RM18 juta telah disalurkan kepada Yayasan NAAM untuk menjalankan latihan kemahiran sahaja. Daripada RM18 juta ini, RM4 juta adalah untuk sesi-sesi memberi taklimat untuk golongan belia, program mesra rakyat disalurkan sebanyak RM4 juta dan RM4 juta lagi untuk bayaran kepada peserta dan juga pelatih. Selepas daripada ini, tambah lagi RM10 juta

untuk latihan kemahiran dan dengan RM10 juta ini kita telah memberi latihan kemahiran bukan sahaja sektor pertanian tetapi sektor-sektor lain seperti sektor pertanian, mekatronik, automobil, *oil and gas* dan sebagainya.

Maka keseluruhan sehingga hari ini, kita telah belanjakan RM10 juta untuk latihan kemahiran dan peruntukan ini adalah hanya untuk latihan kemahiran sahaja. Apabila golongan belia telah diberi latihan dalam sektor pertanian, kita memberi latihan secara percuma dan mereka perlu modal untuk memulakan pertanian moden, fertigasi. Hari ini kita telah menilai sebanyak RM40,000 untuk seekor tanah sebagai kos awal. Maka RM40,000 ini akan dipinjamkan oleh Agrobank ataupun TEKUN.

Buat masa ini, kita sedang uruskan dengan TEKUN Nasional sahaja. Akan tetapi mengambil kira dan memandangkan permintaan ataupun sokongan yang luar biasa daripada golongan belia dan sambutan yang cukup luar biasa daripada golongan belia, kita terpaksa beredar daripada TEKUN ke Agrobank untuk menampung keperluan dan kita telah berbincang dengan Agrobank supaya memperkenalkan satu skim baru untuk golongan belia yang berminat dalam sektor pertanian.

■1630

Ini sahajalah pada petang ini Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat atas pandangan dan cadangan demi kebaikan pembangunan golongan belia dan saya bagi jaminan kepada Dewan yang mulia ini segala pandangan dan cadangan akan diambil serius dan membuat satu yang terbaik demi kebaikan negara dan belia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya jemput Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

4.30 ptg.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Abd. Rahman Dahlan]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 1Malaysia.*

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Atas Titah Diraja terutama sekali kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu semasa serta yang berkaitan dengan bidang tugas kementerian saya di Dewan yang mulia ini sepanjang tempoh perbahasan. Saya amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, Rantau Panjang dan Jerantut yang telah membicarakan isu berkaitan dengan peranan perkhidmatan

bomba serta mencadangkan penambahbaikan kepada kerajaan bagi meningkatkan kemampuan bomba dalam memberikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang telah mencadangkan supaya sebuah balai bomba yang baru dibina di Pekan Sungai Asap. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah menjalankan kajian risiko bagi kawasan berkenaan. Lanjutan daripada itu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah memasukkan perancangan bagi pembinaan sebuah balai bomba yang baru di Pekan Sungai Asap dalam Rancangan Malaysia Kesebelas.

Diharapkan dengan adanya balai bomba berkenaan, perkhidmatan kebombaannya di Pekan Sungai Asap dapat dipertingkatkan dan memberi manfaat kepada semua penduduk di kawasan berkenaan dan kawasan berdekatan. Selain daripada itu, kementerian juga dari semasa ke semasa membuat kajian keperluan meningkatkan kesiapsiagaan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, termasuklah persediaan dan keupayaan aset supaya perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik kepada rakyat.

Ahli Yang Berhormat Jerantut juga ada membangkitkan mengenai kesiapsiagaan pasukan bomba semasa operasi bencana banjir baru-baru ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelengkapan peralatan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia pada masa kini adalah sesuai dengan tugasnya dan masih lagi mencukupi untuk melaksanakan tugas-tugas kebombaannya dan penyelamatan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Mesyuarat Pasca Banjir 2014 telah diadakan pada 16 hingga 18 Januari 2015 di peringkat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia yang melibatkan semua Pengarah bomba negeri bagi membincangkan secara keseluruhan, kesiapsiagaan dan juga keperluan anggota-anggota bomba dalam operasi banjir masa hadapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jerantut, melalui *post-mortem* yang telah dijalankan, kementerian merancang untuk menambah peralatan dan aset termasuk bot di semua balai di Malaysia. Balai Bomba Jerantut juga tidak terkecuali. Walau bagaimanapun, proses perolehan ini bergantung pada peruntukan kewangan yang diluluskan kepada kementerian.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dalam sesuatu operasi, jabatan akan mobilisasi aset yang sedia ada pada tahap yang maksimum. Ini termasuklah memindahkan peralatan dan aset yang berdekatan dengan tempat kejadian bagi meningkatkan keberkesanan operasi. Jadi tidak semestinya, sekiranya sesuatu balai itu tidak mempunyai bot yang mencukupi, maka tugas tidak dapat dilaksanakan. Setiap balai mempunyai maklumat mengenai aset yang boleh dimobilisasi termasuklah daripada agensi-agensinya lain yang beroperasi di kawasan berkenaan.

Berkenaan cadangan Ahli Yang Berhormat Jerantut untuk menaik taraf Balai Bomba Jerantut daripada gred 'C' kepada gred 'B', berdasarkan kajian risiko kawasan jagaan yang telah dijalankan, Balai Bomba dan Penyelamat Jerantut masih lagi mampu untuk melaksanakan perkhidmatan kebombaannya dikategorikan sebagai balai gred C. Jabatan Bomba dan Penyelamat

Malaysia dari semasa ke semasa akan meneliti semula keperluan balai di seluruh negara termasuklah balai berkenaan bagi memastikan keupayaan setiap balai bomba berada dalam keadaan yang terbaik.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Rantau Panjang ada membangkitkan kerisauan beliau mengenai kekurangan peralatan komunikasi di Balai Bomba dan Penyelamat Rantau Panjang. Yang Berhormat menyatakan hanya terdapat satu unit sahaja alat telekomunikasi. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah alat komunikasi atau radio bagi kawasan jagaan, Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Rantau Panjang sebanyak satu unit desktop *Government Integrated Radio Network* (GRIN) dengan izin, yang ditempatkan di bilik kawalan balai berkenaan.

Tujuh unit *hand held* GRIN digunakan oleh pegawai dan anggota bomba untuk operasi di lapangan. Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini, melalui *post-mortem* yang saya nyatakan tadi, kementerian juga bercadang untuk menambah keperluan peralatan telekomunikasi dan juga peralatan lain bagi memudahkan anggota kita menjalankan operasi. *In shaa-Allah*, kita akan cadangkan supaya keperluan ini dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kesebelas kelak.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya beralih ke isu yang lain, saya mengambil kesempatan di sini untuk merakamkan penghargaan dan juga pujian terhadap usaha dan komitmen cemerlang yang ditunjukkan oleh setiap anggota bomba kita yang amat profesional dalam menjalankan tugas mereka semasa banjir tempoh hari. Saya rasa semua Ahli Yang Berhormat dan juga rakyat Malaysia bersetuju jika saya katakan keberanian dan juga semangat yang ditunjukkan anggota kita apabila mereka hadir ke sesebuah lokasi, amat menyentuh hati, dan harus dipuji.

Semasa bencana banjir pada hujung tahun 2014, seramai 160 orang pegawai bomba di negeri-negeri yang mengalami banjir turut menjadi mangsa banjir. Rumah mereka juga ditenggelami air tetapi selepas memindahkan keluarga mereka ke tempat selamat, mereka terus melaporkan diri untuk bertugas. Ada juga yang sehingga tiga kepada empat hari tidak menjenguk keluarga disebabkan kesibukan tugas dan perkhidmatan mereka yang diperlukan untuk membantu mangsa banjir.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada tahun lepas iaitu tahun 2014, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah memberi respons kepada hampir 100,000 panggilan kecemasan berbanding 68,000 pada tahun 2013 iaitu peningkatan sebanyak 42%. Ini berpunca daripada dua bencana besar yang melanda negara pada tahun lepas iaitu kemarau panjang pada bulan Februari hingga April dan banjir besar yang melanda negara pada bulan Disember 2014.

Ini membuktikan bahawa anggota bomba kita telah memberikan perkhidmatan dengan penuh dedikasi bagi menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara ini.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Taiping bangun.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Ya, Yang Berhormat Menteri, boleh pohon sedikit?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Justeru, dalam menghargai perkhidmatan anggota bomba, kementerian komited dan bercadang untuk menambah baik kebajikan pegawai-pegawai bomba kita termasuklah mengkaji semula gaji dan elaun mereka. Ini bagi meningkatkan motivasi mereka dalam melaksanakan tugas. Ya, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, sila Yang Berhormat Taiping.

Tuan Nga Kor Ming [Taiping]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan kata-kata Yang Berhormat Menteri tadi di mana sumbangan Jabatan Bomba dan Penyelamat memang berani dan menyentuh hati.

Walau bagaimanapun, saya di sini ingin menyarankan kepada Yang Berhormat Menteri, boleh tak kerana saya terima aduan daripada jabatan bomba, struktur organisasi bomba yang sedia ada, ramai yang berkhidmat bertahun-tahun tetapi dia tidak ada peluang untuk naik pangkat seperti yang digovern oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Polis. Gaji mereka pun *stuck there*. Maka adakah apa-apa rancangan pelan induk oleh kementerian untuk memastikan dua perkara. Pertama, kebajikan dan kenaikan pangkat pegawai-pegawai dan ahli-ahli Jabatan Bomba dan Penyelamat dijaga dan yang kedua, alat-alat perkhidmatan, dibekalkan mencukupi sesuai dengan kehendak semasa. Adakah Yang Berhormat Menteri mempunyai sebarang rancangan dan tindakan untuk menjaga kebajikan ahli-ahli bomba ini? Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Taiping. Saya telah sebut tadi bahawa kita sedang membuat kajian untuk penambahbaikan struktur kebajikan dan juga elaun-elaun yang diperlukan oleh anggota-anggota bomba ini. Kita dapati untuk anggota bomba, polis, tentera, mereka mempunyai elaun-elaun tertentu dan saya ingin tekankan di sini, saya bersetuju dengan Yang Berhormat Taiping.

Tuan Yang di-Pertua, kalau seorang anggota bomba itu memang berdepan dengan kerja yang begitu mencabar setiap hari, trauma. Bayangkan kalau mereka turun respons kepada suatu kemalangan contohnya, mereka berdepan dengan mangsa yang tersepit. Kadang-kadang mereka menghembuskan nafas yang terakhir di pangkuan anggota bomba dan ini satu kerja yang memberikan kesan negatif dan trauma kepada anggota-anggota bomba kita.

Kita harus memikirkan bagaimana untuk memperbaiki kebajikan yang diberikan kepada anggota bomba dan saya telah arahkan Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk menyiapkan kertas kerja yang merangkumi semua aspek termasuk apa yang disebut oleh Yang Berhormat Taiping seperti gaji, kebajikan dan sebagainya itu untuk diselaraskan.

Mengenai alat-alat kelengkapan, kita masih lagi berpendapat bahawa kelengkapan alat-alat bomba dan penyelamat ini bersesuaian pada masanya.

■1640

Saya kira, kita tidak boleh memberikan semuanya kepada sebuah balai bomba. Oleh sebab kadang-kadang, contohnya tumpahan asid tidak berlaku setiap hari. So, kita kena *share resources* dengan balai-balai bomba yang berkaitan. Akan tetapi pada pandangan kami, kelengkapan itu mencukupi untuk tugas yang sedia ada. Akan tetapi kita akan terus meningkatkan lagi prestasi mereka dalam perolehan-perolehan yang akan datang. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua. Ahli Yang Berhormat Tebrau, mencadangkan Garis Panduan Perancangan *Gated Community* dan *Guarded Neighborhood*, dengan izin, dikaji semula. Untuk makluman, kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengeluarkan Garis Panduan Perancangan *Gated Community* dan *Guarded Neighborhood* ataupun Komuniti Berpagar dan Kejiranan Berpengawal pada tahun 2010 bagi memastikan setiap perancangan dan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan pihak berkuasa tempatan adalah kondusif, menarik, mapan dan selesa. Garis panduan ini juga diterima pakai dan dikuatkuasakan oleh PBT di Semenanjung Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, buat masa ini kementerian berpandangan peruntukan undang-undang sedia ada dan juga garis panduan perancangan ini adalah mencukupi dan syarat-syarat yang perlu dipenuhi masih lagi relevan daripada segi skop dan juga kandungan berkaitan proses dan prosedur pembangunan serta penubuhan Skim Komuniti Berpagar dan Skim Kejiranan Berpengawal...

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: [*Bangun*]

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Ini termasuklah aspek-aspek berkaitan dengan kawalan dan penguatkuasaan oleh PBT dan agensi-agensi berkaitan. Walau bagaimanapun kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa akan menilai semula garis panduan ini dari semasa ke semasa mengikut keperluan dan sekiranya perlu, kementerian akan menambah baik garis panduan ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ada Ahli Yang Berhormat bangun. Yang Berhormat Tebrau. Ya, sila.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya memang setuju bahawa garis panduan itu cukup baik. Hanya satu masalah kerana sekarang banyak PBT mereka berkehendakkan lebih kurang 80% sehingga 90% orang penduduk setuju. Kalau ada seorang yang tidak setuju pun, kacau pun, mereka tidak akan luluskan. Jadi, saya minta di bahagian itu dikaji semula supaya kalau ada, misalnya 70%, 80%, kita benarkan mereka.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Saya memahami pandangan Yang Berhormat Tebrau. Untuk makluman Yang Berhormat Tebrau, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa di peringkat

jabatan, kita hanya mewajibkan 51% yang bersetuju di kalangan penduduk di kawasan taman tersebut untuk mewujudkan *guarded community* ataupun *gated community* ini. Akan tetapi PBT masing-masing mempunyai pandangan berbeza. Ada di Selangor contohnya, ada yang mereka mewajibkan 85% mesti setuju sebelum diletakkan pengadang ataupun *boom gate* tersebut. Di Kuala Lumpur 85%.

Jadi, ini terpulang kepada PBT Yang Berhormat sebab kalau 51% yang bersetuju contohnya, yang selainnya tidak akan membayar. Jadi, ada banyak aspek yang lain perlu difikirkan oleh PBT dan untuk peringkat kementerian, kita hanya mewajibkan 51% ataupun mencadangkan 51%. Selainnya adalah bidang kuasa PBT yang masing-masing. Jadi, Yang Berhormat terpaksa berhubung ataupun berbincang dengan kerajaan negeri ataupun PBT tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Tebrau juga ada membangkitkan mengenai masalah projek rumah pangsa terbengkalai di Taman Mount Austin yang dimajukan oleh pemaju Kong Soon. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, projek Taman Mount Austin, Johor Bahru pembangunan rumah pangsa yang terdiri daripada 911 unit rumah dengan 778 orang pembeli.

Projek ini telah diisytiharkan terbengkalai pada 16 Mac 2012 dan kini masih dalam senarai projek perumahan terbengkalai yang dipantau rapi kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara bersama kerajaan negeri. Usaha pemulihan projek sedang dijalankan oleh pemaju di mana projek ini akan disiapkan secara berfasa. Pemaju Projek Taman Mount Austin, Johor Bahru iaitu Syarikat Kong Soon Enterprise Sendirian Berhad telah pun disenaraihitamkan oleh kementerian. Apabila disenaraihitamkan, pemaju dan ahli lembaga pengarah yang terbabit tidak boleh memohon lesen pemajuan perumahan dan permit iklan jualan yang baru. Pemaju juga tidak akan dapat untuk memperbaharui permit iklan dan jualan yang sedia ada.

Tuan Khoo Soo Seang [Tebrau]: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah Kong Soon ini, oleh sebab pembeli ini sudah tunggu lebih 10 tahun. Ada yang *signed* perjanjian pada tahun 2003. Jadi, saya difahamkan baru-baru ini mereka ada mula kerja tetapi sangat lambat. Ada tiga buah blok yang mereka beritahu kepada Kerajaan Negeri Johor bahawa tidak ada pembeli dan tidak akan dibina. Akan tetapi oleh sebab pembeli sudah ada satu *Facebook* dan apabila saya memaklumkan mereka di *Facebook*, mereka kata ini bohong. Memang setiap blok memang ada pembeli. Jadi, saya ingat ini kita kena ambil perhatian. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Tebrau, menurut apa yang saya dapat di sini, mereka telah memberikan komitmen untuk membina seluruh tujuh buah blok tersebut *by the end of 2016*, dengan izin, pada penghujung tahun 2016. Setiap pergerakan ini ataupun usaha kita untuk memulihkan projek ini mendapat persetujuan daripada Kerajaan Negeri Johor.

Walau bagaimanapun, terima kasih saya ucapkan terhadap keprihatinan Yang Berhormat. Pejabat saya dan jabatan saya sentiasa terbuka untuk Yang Berhormat berbincang

dengan kita kerana ini isu yang agak spesifik. Saya tidak ada masalah untuk memberikan status terkini pergerakan pemulihan rumah-rumah terbengkalai ini kepada Yang Berhormat bila-bila masa. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sentiasa mengambil berat mengenai keperluan perumahan sebagai satu keperluan asas yang perlu dinikmati oleh semua lapisan rakyat. Dalam menyediakan perumahan yang mencukupi, kerajaan bukan sekadar menekankan jumlah unit rumah yang perlu disediakan tetapi juga menekankan kepada kualiti perumahan yang disediakan. Semasa perbincangan, lima orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan mengenai cadangan dan isu penyediaan perumahan mampu milik kepada rakyat.

Saya amat tertarik dengan cadangan dan komitmen Yang Berhormat Titiwangsa dan juga Yang Berhormat Setiawangsa dan Yang Berhormat Kota Melaka mengenai cadangan pembangunan semula kawasan-kawasan perumahan lama dengan pembinaan rumah-rumah mampu milik yang baru bagi memberi lebih keselesaan kepada rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian tiada halangan dan bersedia untuk mengkaji dan memperhalusi cadangan yang baik ini. Sekiranya perlu, kementerian akan membawa cadangan ini untuk dibincangkan semasa Mesyuarat Majlis Perumahan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Sememangnya untuk mendapatkan tanah yang sesuai di kawasan-kawasan bandar seperti Kuala Lumpur ini amat sukar. Kita juga tidak mahu sekadar melepaskan batuk di tangga dalam menyediakan perumahan mampu milik kepada rakyat. Kerajaan Barisan Nasional bukan sekadar hanya membina rumah tetapi kita mahu membina kehidupan yang sejahtera kepada rakyat.

Seterusnya, Ahli Yang Berhormat Labuan ada menyentuh mengenai kekurangan rumah program...

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Menteri...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, dua yang bangun. Yang Berhormat Titiwangsa.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Hari ini saya cukup gembira dengar Yang Berhormat Menteri menyahut saranan saya sewaktu dalam perbincangan tempoh hari iaitu melihat bagaimana dua kementerian boleh bekerjasama iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga kementerian KPKT. Bagaimana kita melihat kerajaan boleh menjalankan tanggungjawab sosialnya untuk membangunkan perumahan awam yang telah lama.

Saya dalam perbincangan semalam, saya juga telah menyarankan bahawa mana-mana rumah perumahan awam yang terletak dalam Bandaraya Kuala Lumpur milik DBKL ini kalau boleh kita gazatkan. Apabila kita minta KPKT untuk membangunkan rumah-rumah ini di tapak

tersebut, maka nilai tanah sudah tidak sepatutnya *dibring into consideration* untuk membangunkan balik kawasan itu.

Maka, kalau dengan itu saya nampak walaupun tanah-tanah dalam bandar raya ini mahal tetapi kalau lokasi itu memang telah dikhaskan untuk perumahan awam, saya percaya bahawa ia agak *viable* kita buat rumah-rumah ini dengan meningkatkan kapasiti ataupun jumlah unit yang ada. Jadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, ingin saya tanya bagaimana dengan kerajaan tempatan atau PBT semasa mereka meluluskan pelan pembangunan perumahan? Saya difahamkan bahawa terdapat kelebihan rumah kedai atau *shoplots* tetapi kekurangan dengan kediaman. Mengapa sesuatu projek selalu kita nampak pembinaan *shoplots* terlebih, ...*over than demand*. Ini mengakibatkan terdapat rumah kedai kosong di banyak tempat tetapi kekurangan rumah kediaman. Itu garisan panduan yang saya ingin tanya.

■1650

Kedua, kita sedia maklum bahawa kerana mungkin pemaju hendak elak kawalan akta perumahan, mereka sentiasa lebih suka untuk membina *shop office* iaitu bukan rumah kedai, iaitu tingkat satu, dua atau tiga mungkin untuk *apartment* atau kediaman, tetapi tingkat bawah untuk kedai. Mereka lebih *prefer* dengan *shop office* yang semua dikatakan *shop office*, tetapi kita nampak semua kosong. Tingkat satu sampai tingkat empat selalu kosong, ada sudah jadi rumah burung walet dan juga secara haram untuk pekerja asing yang gunakan itu sebagai hostel. Oleh sebab itu minta pandangan tadi Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Titiwangsa. Saya juga sudah lama dalam Parlimen ini, tetapi saya tengok dalam perbahasan beliau *consistent* bersama dengan rakan-rakan yang lain untuk menjuarai kepentingan rakyat di kawasan bandar untuk perumahan mampu milik. Tahniah kepada Yang Berhormat Titiwangsa, *insya-Allah* Titiwangsa tetap akan berada dalam Barisan Nasional.

Sebagai sambungan kepada Yang Berhormat, saya bersetuju malah saya telah memulakan perbincangan dalam kementerian saya untuk mewujudkan satu perbadanan yang baru dalam KPKT untuk menangani isu pemajuan semula kawasan-kawasan yang mana disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Dalam KPKT sekarang ini, kita tidak mempunyai satu unit atau agensi yang dipertanggungjawabkan untuk *renewal*, *urban regeneration* ini, dengan izin. Perbadanan ini nanti akan kita tubuhkan, kita telah berbincang dengan agensi-agensinya yang lain, dengan Kementerian Kewangan dan sebagainya, positif. *Insya-Allah* dalam tahun ini kalau tidak ada aral melintang, kita akan tubuhkan satu perbadanan khusus untuk memberikan perhatian

yang fokus kepada penjenamaan semula ataupun *regeneration of* kawasan yang seperti mana Yang Berhormat Titiwangsa sebutkan tadi.

Yang Berhormat Kota Melaka, saya kira ini adalah *demanding supply*, dengan izin. Kalau dia berminat untuk membuat rumah kedai ataupun rumah pejabat ataupun ruang-ruang pejabat dan mempunyai masalah untuk menjualnya, *it is demand and supply*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Sudah tentu kita mahukan mereka membina lebih banyak rumah, tetapi kalau pemaju perumahan itu ingin membina bangunan komersial ataupun bangunan-bangunan kedai, kita tidak mempunyai kuasa untuk menahan ataupun meminta mereka menukarnya kepada perumahan, kerana itu hak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan. Ahli Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri, boleh saya tambah sedikit? Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kita terdapat banyak unit *shop office* iaitu tingkat atas yang semua kosong, adakah PBT boleh mempertimbangkan jika permohonan daripada tuan bangunan itu hendak *convert* iaitu tingkat yang atas ini *shop office* kepada *apartment* supaya kita dapat mengatasi kekurangan rumah kediaman di bandar raya? Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Satu cadangan yang baik Yang Berhormat. Akan tetapi sepertimana Yang Berhormat tahu, PBT tidak berada di bawah *jurisdiction* kementerian saya. Akan tetapi dalam mesyuarat kami nanti, kita akan panjangkan cadangan Yang Berhormat untuk mereka menukar ataupun membenarkan pertukaran status tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Sekijang dan Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan semasa membahaskan Usul Menjunjung Kasih Titah Diraja, ada membangkitkan mengenai pengurusan sisa pepejal di negara ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pelbagai usaha berterusan akan dilaksanakan kerajaan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih, indah dan sejahtera menjelang tahun 2020 dan mencapai hasrat untuk disenaraikan sebagai 10 buah negara terbersih di dunia.

Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera 2015-2020 telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 24 Februari 2015 yang lalu. Pelan Transformasi Minda Ke Arah Negara Bersih, Indah dan Sejahtera ini disediakan untuk membentuk sebuah masyarakat yang membudayakan kebersihan dan menghargai alam sekitar sebagai anugerah dan amanah daripada Pencipta.

Untuk merealisasikan pelan tersebut, memerlukan komitmen dan kerjasama daripada semua pihak supaya merasakan tanggungjawab bersama dalam menjaga kebersihan dan mengekalkan alam sekitar yang lestari. KPKT melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam ataupun SW Corp. telah dan akan terus mengadakan kolaborasi dengan agensi kerajaan, swasta serta badan bukan kerajaan dalam menyediakan tong kitar semula bagi

memudahkan orang awam membudayakan aktiviti kitar semula di kawasan perumahan PPR, kawasan tempat awam seperti menyediakan tong kitar semula pakaian terpakai di PPR sekitar Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, kawasan perumahan dan perbandaran Putrajaya, Majlis Perbandaran Bentong, Majlis Perbandaran Muar. Keduaanya, menempatkan tong kitar semula di kawasan R&R di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan. Ketiga, menyediakan tong kitar semula di lapangan terbang dan yang keempat, menyediakan tong kitar semula di tempat-tempat dan taman awam.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi melaksanakan program jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk kitar semula, pengurangan sampah dan guna semula ataupun 3R di kawasan perumahan, pendekatan strategik yang merupakan elemen penting untuk memastikan pelaksanaan program tersebut dapat dilaksanakan dengan berkesan dan memastikan keberhasilan yang telah ditetapkan dapat direalisasikan. Kementerian akan menggunakan pendekatan C4E iaitu *communicate, educate, engage, empower* dan *enforce* dengan izin dan WHM iaitu *Winning the Hearts and Minds*, bagi mengubah persepsi dan mendidik rakyat bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersih dan selesa untuk didiami...

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Kota Raja bangun.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya, di dalam pelan jangka panjang untuk kita melaksanakan 3R ini, adakah kerajaan bercadang untuk mengharamkan penggunaan plastik dan juga *styrofoam* yang menjadi satu bebanan kepada jisim sampah pepejal kita. Saya rasa kita tidak akan berjaya sekiranya kita tidak boleh mengurangkan penggunaan bahan plastik dan *styrofoam* terutamanya yang menyebabkan banyak pencemaran alam sekitar.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Yang Berhormat Kota Raja, saya amat bersetuju *styrofoam*, plastik ini adalah bahan-bahan yang sukar ataupun amat susah untuk dilupuskan. Penggunaannya pun agak menyeluruh sekarang ini. Akan tetapi, kita terkekang dengan cabaran ekonomi. Itu sahaja, ekonomi. Saya rasa kalau rakyat sanggup untuk berbelanja lebih untuk membeli cara lain, membawa barang, membawa beg sendiri untuk membeli barang dan sebagainya, itu mungkin satu pendekatan yang baik.

Akan tetapi langkah yang pertama yang akan kita buat untuk September 2015 ini Yang Berhormat, ialah untuk memastikan *separation at source mandatory*, wajib untuk mengasingkan sisa pepejal yang dijana dari rumah-rumah. Jadi maknanya kalau ada plastik dan sebagainya itu, *mandatory*, wajib untuk isi rumah mengasingkan itu supaya dapat dilupuskan dengan cara yang lebih baik. Itu bulan September 2015 ini, *insya-Allah*.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Akan tetapi Menteri, Pulau Pinang sudah berjaya mengharamkan penggunaan plastik di kedai-kedai, di hypermarket dan super market dan juga semua penjaja berlesen tidak lagi menggunakan styrofoam yang tidak *degradable*, mereka menggunakan bekas makanan *degradable*. Dalam kita menyiapkan minda rakyat kita, kita patut ada *dateline*. Sekarang kita mengasingkan sampah di peringkat rumah, tetapi kita perlu ada satu *target*, satu *dateline*, satu masa di mana kita *free* daripada plastik dan styrofoam ini.

Apabila Yang Berhormat Menteri menyebut tentang daripada segi kerana ekonomi dan sebagainya, industri plastik ini bukanlah industri *high technology*. Pekerja-pekerja yang bekerja di kilang-kilang plastik ini pun bukanlah pekerja mahir, malah sekarang ini dipenuhi orang-orang Bangladesh dan juga Vietnam. Jadi, apakah kita kerana hendak menjaga periuk nasi mereka ini, maka kita mendedahkan negara kita kepada bahan-bahan yang tidak mendatangkan faedah ini? Saya fikir kita patut ada, *we should have a dateline* Menteri. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, satu idea dan pandangan yang baik. Saya secara peribadi menyokong penuh apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya ucapkan juga tahniah kepada negeri-negeri yang telah dapat meningkatkan usaha untuk mengurangkan penggunaan bahan *non-degradable plastic* dan juga *styrofoam* ini. Akan tetapi, secara dasarnya belum lagi kami membuat satu persetujuan.

■1700

Akan tetapi, saya bersetuju ini harus dilihat secara menyeluruh dan *insya-Allah* kalau itu idea yang kita boleh kongsi bersama, kita akan buat satu kajian menyeluruh daripada segi ekonomi, mungkin daripada segi *employment* nya itu. Saya setuju. Akan tetapi, ada faktor yang lain lagi iaitu pengguna terpaksa mungkin menggunakan kaedah lain yang mungkin lebih mahal.

Akan tetapi, walau bagaimanapun, *I am with you* Yang Berhormat. Saya bersetuju saya akan bawa ini dalam perhatian kementerian dan lihat jika ada kementerian-kementerian lain yang bersangkutan paut dengan isu ini supaya kita akan ada satu *date line* yang munasabah untuk kita *face out* industri-industri bukan sahaja yang merosakkan alam sekitar tetapi pada saya ialah industri yang *for me is a dirty industry*. Terima kasih Yang Berhormat.

Untuk itu perjumpaan secara bersemuka melalui program formal seperti forum, bengkel, majlis dialog, ceramah, pameran mengenai amalan penjagaan kebersihan persekitaran serta amalan 3R di setiap komuniti PPR dan seumpamanya. Di samping perjumpaan tidak formal melalui program turun padang merupakan pendekatan komunikasi secara langsung dalam menyampaikan maklumat dan pendidikan kepada komuniti tersebut.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, tidak dinafikan bahawa program 3R ini masih belum mencapai tahap yang selesa semenjak tahun 2001 sehingga tahun 2013, pihak kerajaan telah membelanjakan RM80 juta bagi aktiviti kesedaran dan pendidikan kitar semula seperti penubuhan pusat kitar semula, perolehan tong kitar semula, promosi di media dan program-program pendidikan. Buat masa ini, peningkatan kadar kitar semula telah naik dari 5% pada

tahun 2005 kepada 10.5% pada tahun 2012 dan 2.4 juta kilogram barangan kitar semula yang bernilai RM718,000 telah berjaya dikutip sepanjang tahun 2010 hingga tahun 2014.

Walau bagaimanapun, statistik ini hanya berdasarkan kepada maklumat yang dikemukakan oleh pengusaha-pengusaha kutipan barangan kitar semula sahaja. Terdapat juga pengusaha yang tidak mengemukakan maklumat mengenai hasil kutipan mereka. Bagi memberi impak yang lebih besar kepada pencapaian program 3R, pihak kerajaan akan mewajibkan pengasingan sisa di punca menjelang 1 September 2015 bermula di negeri-negeri yang menerima Akta 672. Selain itu, konsep '*Pay as you throw*' dengan izin, juga diperkenalkan pada masa hadapan bagi meningkatkan kesedaran dan juga menggalakkan lebih banyak penyertaan masyarakat terhadap program kitar semula.

Melalui inisiatif pengasingan sisa di punca yang akan dikuatkuasakan ini dan kempen kesedaran amalan 3R yang berterusan dijangkakan kadar kitar semula negara akan meningkat kepada 22% pada tahun 2020. Berkenaan cadangan Yang Berhormat Sekijang supaya penswastaaan pengurusan sisa pepejal dipanjangkan ke negeri-negeri lain di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sememangnya terbuka kepada mana-mana kerajaan negeri yang lain untuk menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam atau Akta 672.

Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara bersama-sama Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam telah pun mengadakan beberapa siri *roadshow* berkenaan pelaksanaan Akta 672 dan penswastaaan perkhidmatan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di negeri-negeri yang belum menerima pakai Akta 672 ini. Antaranya negeri Kelantan, Selangor, Pulau Pinang dan yang terbaru di negeri Perak pada 4 Mac 2015 yang lalu.

Walau bagaimanapun, penerimaan Akta 672 tersebut tertakluk kepada kesediaan kerajaan negeri dan PBT yang berkenaan untuk menandatangani perjanjian penyerahan perkhidmatan bersama Kerajaan Persekutuan. Melalui kaedah penswastaaan sedia ada, perkhidmatan syarikat konsesi yang dilantik...

Timbalan Yang di Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Ya, Yang Berhormat Sekijang bangun.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Silakan.

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut tentang penguatkuasaan peraturan pengasingan sisa pepejal yang akan dimulakan pada 1 September 2015. Kita tahu setiap isi rumah yang terlibat akan berbelanja mungkin untuk membeli tong sampah untuk mengasingkan sisa pepejal tersebut dan mungkin akan berlaku juga perkara-perkara mungkin mereka tidak dapat nak mengasingkan sampah-sampah yang telah dikeluarkan sebelum ini.

Jadi adakah pihak kementerian bercadang selain dengan peruntukan sebanyak RM80 juta yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi yang saya kira kalaulah betul

pengasingan ini dapat kita buat akan dapat menjimatkan duit kerajaan sehingga RM1.4 bilion untuk mengasingkan sampah-sampah ini nanti. Dengan jumlah RM80 juta yang diperuntukkan itu, mampukah kerajaan untuk membantu mereka ini dalam mengasingkan sampah-sampah seperti yang dihasratkan oleh kerajaan?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, RM80 juta yang saya sebutkan tadi ialah kempen untuk 3R. Kempen 3R. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat ingin mengetahui mandatori ataupun wajib pengasingan sisa pepejal di rumah yang bermula 1 September ini, ia tidak memerlukan pembelian tong-tong sampah yang baru. Kita mula dengan negeri-negeri yang menerima pakai Akta 672 yang mempunyai tong-tong sampah sekarang ini dan kita gunakan kaedah *2 plus 1* di mana negeri yang ada masa untuk kita ambil sampah dapur, ada masanya sampah yang kita ambil ialah sampah-sampah kering ataupun sampah-sampah yang boleh dikitar semula dan juga sampah-sampah seperti plastik, botol dan sebagainya. Jadi ia tidak memerlukan perbelanjaan baru. Cuma kita memastikan mandatori. Tidak lagi ada campuran supaya kita dapat melupuskan sampah itu, mengurusnya dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ada banyak cara lain. Saya setuju dengan Yang Berhormat Sekijang. Tuan Yang di-Pertua, RM1.4 bilion satu kos yang agak tinggi untuk mengurus sampah di negara kita ini dan ia akan bertambah jika ada negeri-negeri lain yang akan menerima pakai Akta 672 ini. Kalau Selangor, Perak, Kelantan, Pulau Pinang ingin mengambil bahagian.

Kita kena mencari jalan dalam masa yang akan datang ini, bagaimana untuk mengurangkan komitmen perbelanjaan kerajaan dalam mengurus sisa pepejal ini. Salah satu yang saya sebut awal tadi ialah *'Pay as you throw'*. Maksudnya kalau isi rumah itu menjana sampah yang agak besar, mereka terpaksa membayar lebih daripada isi rumah yang tidak menjana sebanyak itu. Ada banyak kaedah. Satunya, mungkin kita boleh gunakan daripada segi berat sampah itu dan kita *charge* isi rumah itu mengikut berat sampah.

Keduanya ialah mungkin kita menggunakan pembelian plastik yang *special*, yang khusus untuk menyimpan sampah, untuk mengutip sampah ini dan kalau mereka menjana ekonomi yang lebih besar maka mereka terpaksa beli lebih banyak beg-beg plastik tersebut. Beg plastik itu, duit yang dibeli beg plastik itu, duit itu akan diberikan kepada Kerajaan Persekutuan melalui jabatan yang berkenaan supaya dapat digunakan untuk mengurus sampah tersebut.

Akan tetapi akhirnya nanti Tuan Yang di-Pertua, pada saya ialah kita akan sampai ke persimpangan di mana kos untuk melupuskan dan mengurus sisa pepejal ini, *is no longer sustainable* dengan izin. Oleh sebab itu kita kena bersedia untuk mengurangkan, saya setuju dengan Yang Berhormat Kota Raja tadi. Kita kena belajar mengurangkan penjanaan sisa pepejal mulai dari sekarang. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Anuar bin Abd. Manap [Sekijang]: Yang Berhormat Menteri maksudnya nanti selepas ini akan ada denda ataupun bayaran yang perlu dikenakan kepada isi rumah yang gagal mengasingkan sampah-sampah ini?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Ya. Kita akan denda mereka, kompaun RM1,000 itu yang dicadangkan buat masa ini. Terima kasih.

Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Celah sedikit. Saya nak mencelah di sini. Tadi Menteri bercakap mengenai mengurangkan penggunaan sampah. Satu perkara lagi yang patut kita bawa ataupun menyiapkan minda rakyat kita pembaziran makanan iaitu sisa dapur, kita panggil ya. Jadi, inilah sisa-sisa yang menyebabkan sampah bila bercampur cepat busuk dan kemudian digonggong anjing dan sebagainya. Tiba masanya saya ingat negara kita menuju untuk menjadi negara maju bahawa kita mengadakan satu peraturan iaitu makanan yang tidak habis dimakan tetapi diambil dalam pinggan yang tak habis dimakan juga patut didenda kepada orang kita. Ini proses persiapan lah bukan sekarang. Akan tetapi saya fikir kita sudah sampai masanya untuk membuat perkara begini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Saya setuju Yang Berhormat. *I am all for you. I think* kita rasakan orang Malaysia ini memang kalau kenduri-kendara Tuan Yang di-Pertua, kita kenduri dan menyediakan makanan jauh lebih sebab *pride* itu, adat kita ini. Kita takut orang datang ke rumah kita, ke majlis kita tidak cukup makan. Jadi, kalau kita jangkakan 500 yang datang, kita buat makanan untuk 1,000 orang. Kadang-kadang jadi- saya bersetuju *I am all with you on this one*, dengan izin. Kita akan teruskan usaha untuk mengurangkan *portion*. Kita telah berkolaborasi dengan restoran-restoran untuk meletakkan peringatan di atas meja supaya tidak mengambil ataupun order makanan yang berlebihan daripada apa yang perlu dimakan.

■1710

Tuan Yang di-Pertua, melalui kaedah penswastaan sedia ada perkhidmatan syarikat konsesi yang dilantik Kerajaan Persekutuan sentiasa dipantau oleh SW Corp melalui Petunjuk Prestasi Utama (KPI) seperti mana dalam kontrak konsesi. Kawasan operasi atau zon perkhidmatan syarikat boleh dibatalkan oleh kerajaan sekiranya syarikat konsesi tidak mematuhi KPI berdasarkan bilangan kriteria penalti yang ditetapkan. Bilangan penalti yang dikenakan kepada syarikat konsesi secara tidak langsung dapat menggambarkan tahap kebersihan di kawasan PBT berkenaan. Mengenai cadangan Ahli Yang Berhormat untuk memberi anugerah khas sebagai penghargaan kepada negeri yang mempunyai KPI yang tertinggi atau terbersih perkara ini akan kementerian pertimbang dalam program-program yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menyedari bahawa sumber tenaga yang boleh diperbaharui atau *renewable energy* boleh diperolehi dari sisa pepejal. Amalan menjadikan sisa pepejal sebagai sumber tenaga dan haba telah diamalkan di negara maju seperti Jepun, Denmark, Holland dan German iaitu 60%, 55%, 40% dan 36% masing-masing diolah melalui

kaedah *waste to energy*, dengan izin, untuk menjana tenaga elektrik dan haba. Malaysia juga berhasrat untuk melaksanakan pendekatan ini di mana 18% daripada sisa yang dihasilkan....

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri...

Datuk Abd. Rahman Dahlan: ...Akan dirawat pada masa yang akan datang seperti yang ditetapkan oleh makmal pengurusan sisa pepejal tahun 2012. Ia akan dilaksanakan bagi bandar-bandar yang mempunyai janaan sisa melebihi 1,000 tan sehari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Yang Berhormat Putatan.

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Menteri. Orang yang muda, *handsome* dan saya rasa banyak idea baru tentang sisa pepejal ini. Kita sudah dengar banyak kali dari dahulu dengar bagaimana kita mentransformasikan pelan-pelan bangunan rumah yang mana *eco-friendly*, dengan izin, dan juga penjenamaan kuasa daripada sumber matahari. Apakah rancangan pihak kementerian terhadap perkara yang sama? Walaupun ada bangunan-bangunan yang memerlukan *solar energy* misalnya. Adakah perancangan pihak kementerian untuk mendesak ataupun menyeru, ataupun menggalakkan pihak pemaju ini supaya rumah-rumah kita ini boleh menjanakan kuasa tanpa menggunakan sisa pepejal misalnya? Boleh juga, tanpa menggunakan sumber daripada air, elektrik, diesel, *oil* misalnya. Jadi adakah rancangan yang *affirmative* daripada pihak kementerian? Saya belum mendengar lagi rancangan kementerian untuk mendesak pemaju-pemaju ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Pertamanya trend untuk membeli rumah dan *demand* ataupun permintaan terhadap rumah yang mempunyai sistem penjanaan tenaga sendiri seperti *solar system* dan juga *rain water harvesting* dan sebagainya itu sudah meningkat. Akan tetapi yang ingin saya tekankan di sini ialah jika- kita tidak wajibkan buat masa ini disebabkan faktor kos. Saya bagi contoh untuk sistem pengumpulan air hujan, *rain water harvesting* ini, dengan izin, boleh menambah kos sampai RM5,000-RM6,000 kepada satu unit rumah. Dia ada kaitan dengan *demand and supply*. Kemampuan pembeli rumah untuk membayar lebih terhadap sistem tersebut. Jadi kadang-kadang apa yang kita buat ialah untuk kita minta pemaju perumahan untuk menimbangkan supaya rumah itu dibekalkan dengan solar sistem dan sebagainya.

Akan tetapi pada masa yang sama kita tidak boleh mendesak mereka kerana ada yang mungkin tidak mahu berbelanja sampai RM5,000-RM6,000 untuk sistem *rain water harvesting* dan mungkin puluhan ribu lagi untuk *solar system*. Sekarang ini cabaran yang paling mendesak sekarang ialah harga rumah yang terlalu tinggi di negara kita. Jadi ini satu tekanan lagi kepada harga rumah. Sebab itu kita tidak terlalu mendesak pemaju-pemaju perumahan. Terpujanglah

kepada pembeli masing-masing kalau ingin *install*, dengan izin, *rain water harvesting* ataupun *solar system panel* di atas bumbung mereka secara bersendirian.

Akan tetapi kita memang menggalakkan lebih-lebih lagi kawasan bumbung yang melebihi 100 meter persegi. Pada masa yang sama saya akan fikirkan juga untuk PPR. Ini penduduk orang-orang yang tidak berkemampuan supaya PPR itu sekurang-kurangnya *common area* elektriknya itu dapat dijana melalui *solar panel* ataupun sistem *renewable energy* supaya mereka tidak perlu bayar bil yang begitu tinggi melalui yuran bulanan mereka. Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Menteri, penjelasan. Oleh sebab kementerian ini melaksanakan rumah-rumah di luar bandar. Adakah ini satu daripada pendekatan yang akan diusahakan oleh pihak kementerian sebab kalau kita *connect* kepada *mainline*, mungkin kawasan tersebut tidak mempunyai servis sedemikian. Akan tetapi adakah supaya merangkumi peruntukan kepada PPR terutama di luar bandar atau di pekan-pekan kecil untuk menjimatkan pemakaian penggunaan jana kuasa di luar bandar. Membantu juga penduduk-penduduk di luar bandar supaya undi kepada Kerajaan Barisan Nasional bertambah dibandingkan banyak cakap daripada pihak pembangkang terutama dari negeri Kelantan sangat mundur sekali saya lihat. Minta pendapat daripada Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Saya maklumkan kepada Yang Berhormat Putatan tadi bahawa memang kita telah fikirkan untuk menyediakan *solar panel* untuk PPR bagi digunakan untuk *common areas*, *lift*, *corridor* dan sebagainya di kawasan PPR tersebut supaya bil elektrik mereka tidak begitu tinggi untuk dibayar oleh mereka.

Kementerian ini menyokong penuh dengan cadangan Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan supaya *waste energy* ditekankan dalam dasar tenaga. Penggunaan sisa pepejal untuk menjana tenaga akan menjadikan sisa pepejal sumber alternatif kepada negara. Saya ada lebih kurang 10 *paragraph* lagi Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua sedang melihat saya.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Hulu Langat, Yang Berhormat Tanjong Piai, dan Yang Berhormat Kota Melaka telah mengutarakan isu berkaitan kelulusan perancangan pembangunan oleh pihak berkuasa tempatan. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kementerian sentiasa mengambil perhatian setiap perancangan pembangunan yang dilaksanakan di kawasan PBT. Dalam konteks perancangan bandar suatu perancangan pembangunan telah diterjemahkan secara menyeluruh dalam penyediaan rancangan tempatan yang diwartakan oleh pihak berkuasa negeri.

Setiap pembangunan perumahan atau lain-lain komponen pembangunan juga perlu mendapatkan kelulusan kebenaran merancang daripada PBT yang berkenaan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, Akta 172 dan kementerian melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) turut menyediakan garis panduan berkaitan

untuk rujukan PBT sebagai alat kawalan perancangan. Sesuatu pemajuan sebelum diluluskan oleh PBT perlu melalui mesyuarat Jawatankuasa OAC.

Pemaju juga perlu mengambil kira keperluan serta perundangan yang dikawal selia oleh agensi-agensi peneraju seperti Indah Water Konsortium, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Kerja raya, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, Pihak Berkuasa Air Negeri, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, dan Pentadbir Tanah Negeri dalam merancang kemajuan sesuatu kawasan.

Sebagai contoh pihak JPS akan memastikan semua keperluan pengairan dan saliran telah dipatuhi oleh pemohon atas cadangan yang dikemukakan. Ini dilaksanakan bagi mengelak sebarang kesan negatif kepada kemajuan serta persekitaran projek. Sekiranya berlaku sebarang kesan negatif kepada persekitaran dan terbukti disebabkan oleh pelanggaran kepada undang-undang, maka agensi terbabit dan PBT boleh mengambil tindakan kepada empunya projek yang berkaitan.

Berkenaan isu pemaju menyalahgunakan kawasan yang diwartakan bagi pembinaan masjid, sekolah dan sebagainya untuk tujuan lain seperti Ahli Yang Berhormat Hulu Langat katakan, pihak berkuasa negeri boleh membuat pemberitahuan dalam warta bagi merizabkan mana-mana tanah kerajaan untuk apa-apa maksud awam dan ia tertakluk di bawah seksyen 62, Kanun Tanah Negara 1966 iaitu Akta 56. Perkara ini adalah di luar bidang kuasa kementerian kami.

Kementerian mencadangkan supaya semua kerajaan negeri perlulah memainkan peranan dan memastikan PBT-PBT yang berada di bawah seliaan mereka untuk mematuhi peruntukan perundangan dan juga rancangan tebatan yang telah dibuat. Tanah yang telah diwartakan sebagai kegunaan awam seperti masjid, sekolah dan kawasan lapang, tidak boleh dibangunkan untuk tujuan lain.

■1720

Tanah yang telah disyaratkan sebagai kegunaan awam juga hendaklah diserahkan dan diwartakan segera bagi setiap permohonan berkenaan kebenaran merancang yang diberi oleh pihak berkuasa tempatan. Pihak berkuasa negeri perlu menjalankan pemantauan bagi menyegerakan proses pewartaan status tanah melalui pejabat tanah dan galian (PTG) bagi mengelakkan tanah ditukar kepada kegunaan lain.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai juga membangkitkan mengenai ketiadaan talian telefon di kawasan perumahan baru yang mengecewakan penduduk.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang kawasan lapang - memang di Melaka terdapat beberapa

aduan dan terbukti bahawa kawasan lapang yang dirancang telah ditukar milik dan dijual kepada individu untuk kediaman. Adakah ini tadi yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri ini melanggar syarat atau undang-undang? Jika boleh, bagaimanakah cara kita dapat mengadu ataupun membangkitkan perkara ini?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Ini Yang Berhormat *team* PBT. Yang Berhormat terpaksa mengajukan pandangan ini kepada pihak berkuasa tempatan. Jangan ajukan kepada kementerian saya kerana yang akhirnya menentukan status tanah itu ataupun mewartakan tanah itu ialah pihak berkuasa tempatan. Akan tetapi saya bersetuju, jika kita mempunyai kebimbangan, kita harus cepat-cepat memberitahu kepada pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan.

Seterusnya Ahli Yang Berhormat Tanjong Piai juga membangkitkan mengenai ketiadaan talian telefon di kawasan perumahan baru yang mengecewakan penduduk. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan Ke-64 yang bersidang pada 23 Mei 2011 telah bersetuju terhadap cadangan mandatori, memandatorikan keperluan infrastruktur telekomunikasi di bawah Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

Sehingga kini, hanya tujuh buah negeri iaitu Perak, Selangor, Melaka, Johor, Kelantan, Perlis dan Terengganu telah mewartakan cadangan tersebut. Bagi negeri-negeri yang telah mewartakan keperluan telekomunikasi ini, pemaju-pemaju dan pemunya projek diwajibkan untuk menyediakan infrastruktur kemudahan jalur lebar seperti sesalur kabel ataupun *ducting*, dengan izin, dan lurang ataupun *manhole* semasa membina bangunan dan kediaman. Para perunding projek pula akan memastikan kerja-kerja infrastruktur telekomunikasi mematuhi undang-undang, peraturan dan garis panduan yang ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Sementara para kontraktor yang melaksanakan kerja-kerja pemasangan infrastruktur telekomunikasi akan mematuhi undang-undang peraturan dan garis panduan yang ditetapkan.

Sehubungan dengan itu, selaras dengan subseksyen 70(27)(b) Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, PBT boleh mengambil tindakan undang-undang apabila mendapati bangunan disiapkan tanpa penyediaan infrastruktur telekomunikasi. Apabila sabit kesalahan, pemaju boleh didenda tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali boleh dikenakan. Sehubungan dengan itu, orang ramai boleh membuat aduan sekiranya mendapati mana-mana perumahan baru tidak mempunyai kemudahan talian komunikasi. Aduan juga boleh dipanjangkan ke PBT yang berkenaan.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, mengenai isu *accessibility* orang kurang upaya (OKU) yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Masjid Tanah. Untuk makluman, bagi memudahkan golongan OKU melalui langkah perundangan atau garis panduan, kementerian telah memasukkan keperluan penyediaan kemudahan akses untuk OKU telah digariskan dalam seksyen 34A Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS 1984) atau juga dikenali sebagai

UBBL yang mewajibkan semua bangunan awam menyediakan akses bagi membolehkan OKU memasuki dan keluar dari bangunan serta menyediakan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan OKU.

Keperluan UKBS ini adalah selaras dengan piawaian yang dikeluarkan oleh Jabatan Standard Malaysia melalui SIRIM. Kementerian juga melalui Jabatan Kerajaan Tempatan melaksanakan dasar menjalankan audit akses seperti berikut:

- (i) meningkatkan kemahiran PBT untuk menjalankan audit;
- (ii) menyediakan peruntukan untuk meningkatkan akses OKU;
- (iii) penyediaan senarai semak terbaru audit akses OKU; dan,
- (iv) kursus reka bentuk sejagat dan *accessibility* orang kurang upaya (OKU).

Bagi memudahkan pelaksanaan keperluan penyediaan kemudahan akses untuk orang kurang upaya oleh PBT, kementerian juga telah mengeluarkan dua garis panduan yang boleh diguna pakai oleh PBT iaitu:

- (i) garis panduan perancangan reka bentuk sejagat ataupun *universal design* oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD); dan,
- (ii) *Guidelines on Buildings Requirements for Disabled Persons* oleh Jabatan Kerajaan Tempatan.

Garis panduan ini telah dikemukakan kepada semua pihak berkuasa negeri dan PBT untuk dilaksanakan. Usaha-usaha berterusan ini dilaksanakan bagi memastikan semua rakyat termasuk golongan OKU boleh menikmati pembangunan negara secara saksama. Justeru, saya ingin menyeru supaya semua pihak berkuasa perancangan tempatan dan pemaju untuk mengambil kira keperluan golongan OKU semasa melaksanakan pemajuan untuk meningkatkan dan memperbaiki tahap *accessibility* OKU, khususnya kepada bangunan, kemudahan awam, dan persekitaran agar golongan OKU tidak dipinggirkan dan dapat menikmati faedah pembangunan secara adil dan *inclusive*.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup, saya cuma ingin respons sedikit kepada Yang Berhormat Kalabakan yang telah menyebut dalam ucapan beliau bagaimana Menteri KPKT ini hanya menumpukan perhatian ke Kota Belud. Itu tidaklah berapa betul. Saya mempunyai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau betul pun saya tidak setuju, Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Ya, terima kasih atas sokongan padu Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin maklumkan, sebenarnya Kota Belud ini agak terpencil dan jauh seperti juga Beluran. Jadi, baru dapat Menteri Persekutuan buat pertama kali. Jadi, kita bagilah keutamaan ke Kota Belud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dalam konteks itu, Beluran tidak pernah ada Menteri Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: *Insyah-Allah* selepas ini Yang Berhormat mungkin [*Ketawa*]. Akan tetapi daripada segi perumahan contohnya, Kota Belud baru mendapat 1,000 unit tetapi Tawau ataupun kawasan pihak berkuasa tempatan Tawau yang juga merangkumi Kalabakan mempunyai sampai 5,000.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Datuk Abd. Rahman Dahlan: 5,000 unit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan hendak protes juga itu [*Ketawa*]

Datuk Abd. Rahman Dahlan: 5,000 unit PPR untuk kawasan Tawau dan saya boleh beri statistik yang jauh lebih banyak yang menunjukkan bahawa Tawau ataupun pihak berkuasa tempatan (PBT) Tawau mempunyai peruntukan yang besar, jauh lebih besar dari Beluran dan Kota Belud.

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Paling banyak Kinabatangan, paling banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh? Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, sebetulnya saya bukan juga menyokong Menteri ini. Memanglah adat begitu, Kota Belud ini pun ketinggalan. Kinabatangan pun sebetulnya *insyiah-Allah*, tahun ini akan diberi 600 unit daripada kementerian. Jadi, ini adalah atas dasar permintaan rakyat. Pada saya itu yang terbaiklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Disokong Kota Belud itu.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Tuan Yang di-Pertua, saya ini penyokong tegar Yang Berhormat Kinabatangan. Saya *follow* dia punya *Instagram*. Jadi, banyak dia buat dengan isteri tersayang dia dalam *Instagram*, macam-macam... [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang itu saya pun nampak Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Saya ingin maklumkan kepada Yang Berhormat Kinabatangan, saya tidak tahulah kementerian yang lain tetapi untuk Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, hampir 25% daripada bajet kementerian ini adalah untuk negeri yang tercinta, negeri Sabah di Bawah Bayu. Bagi memaklumkan kepada Ahli-ahli Parlimen dari Sabah dan Sarawak, peratusan yang paling tinggi kita beri kepada negeri Sabah dan Sarawak selaras dengan sokongan yang begitu padu penduduk di Sabah dan Sarawak untuk Kerajaan Barisan Nasional.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja. Akhir kata, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian untuk membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Segala cadangan dan pandangan

yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan diberi perhatian dan dijadikan input bagi penambahbaikan berterusan pelaksanaan dasar dan program Kementerian saya. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

5.29 ptg.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah [Datuk Alexander Nanta Linggi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, selamat petang. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah sudi untuk membangkitkan isu-isu berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah semasa perbahasan Titah Diraja sepanjang dua minggu lepas. Jadi, izinkan saya untuk menjawab isu-isu yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat.

Persoalan daripada Yang Berhormat Tenom membangkitkan berkenaan kepercayaan Yang Berhormat kepada pihak kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, tidak mengabaikan soal ini kerana kepentingan infrastruktur seperti inisiatif pembangunan jalan raya, bekalan air dan juga elektrik serta pembinaan rumah boleh dipercepatkan bagi memastikan hasil kekayaan pemodenan negara dapat dikongsi semua kumpulan masyarakat.

■1730

Kementerian berterima kasih atas sokongan dan kepercayaan yang diberikan kepada kementerian ini. Menjadi harapan kementerian juga supaya penyediaan infrastruktur asas di kawasan luar bandar seperti kemudahan jalan raya, elektrik, air dan keperluan *amenity* sosial yang lain dapat diperluaskan secepat mungkin agar kemudahan-kemudahan yang disediakan kelak dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat di luar bandar dan taraf hidup kehidupan mereka dapat dipertingkatkan sama seperti penduduk yang tinggal di kawasan bandar.

Walau bagaimanapun, penyediaan infrastruktur asas secara menyeluruh di kawasan luar bandar di seluruh negara akan melibatkan peruntukan yang besar yang mana ia adalah tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan kerajaan. Oleh yang demikian, pembangunan infrastruktur asas ini perlu dilaksanakan secara berperingkat dan berterusan bagi memastikan semua penduduk di kawasan luar bandar dapat menikmatinya.

Yang Berhormat Gerik pula mencadangkan supaya kerajaan memberi fokus kepada pembangunan di kawasan luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas yang akan datang. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sedia maklum akan keperluan infrastruktur masyarakat luar bandar terutamanya keperluan jaringan jalan raya yang selesa, bekalan air yang sempurna, bekalan elektrik yang stabil serta pelbagai keperluan yang lain. Untuk makluman Yang Berhormat juga, peruntukan yang diterima bagi pembangunan projek

jalan luar bandar negeri Perak untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah sebanyak RM314,834,635 manakala perbelanjaan sehingga kini adalah sebanyak RM283,884,634.

Yang Berhormat Hulu Rajang menyuarakan bahawa jalan sebelah kanan mudik Sungai Batang Boleh menghubungkan Rumah Juntan ke Sungai Sut, di Sungai Sut ke Rumah Bengau, Nanga Sut sepanjang 13 kilometer dan Nanga Mujong ke Nanga Gaat sepanjang 37 kilometer bukan terletak di bawah jalan skor seperti yang dijawab oleh kementerian pada sesi lepas. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan kepada maklumat yang diberikan oleh pihak JKR Sarawak, jalan yang menghubungkan Rumah Juntan ke Sungai Sut, di Sungai Sut ke Rumah Bengau, Nanga Sut sepanjang 13 kilometer tersebut telah dimasukkan ke dalam cadangan Rancangan Malaysia Kesebelas Kementerian Kerja Raya untuk pertimbangan dan kelulusan.

Yang Berhormat Hulu Rajang dipohon agar mengemukakan semula permohonan bagi pelaksanaan projek pembinaan jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat. Pihak kementerian akan mengemukakannya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Walau bagaimanapun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada kelulusan UPE atau Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Jerantut memaklumkan bahawa jalan-jalan kampung yang kecil, cuma boleh dilalui oleh sebuah kenderaan sahaja dan juga lebih menyedihkan tidak mempunyai kaki lima jalan. Untuk makluman Yang Berhormat, kelebaran maksimum bagi projek Jalan Penghubung Desa (JPD) atau dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung (PJK) 14 kaki atau 4.2 meter dengan kelebaran minimum bahu jalan 1.5 kaki atau 0.45 meter. Sekiranya kelebaran JPD sedia ada terlalu kecil dan masih belum mencapai kelebaran maksimum seperti yang dinyatakan, permohonan untuk melebarkan jalan tersebut boleh dikemukakan untuk tindakan kementerian ini.

Yang Berhormat Jerantut turut bertanyakan mengenai projek Rancangan Malaysia Kesepuluh yang sakit dan tergendala atau gagal disiapkan oleh pemborong contohnya projek naik taraf Jalan Jerantut-Benta, Jalan Jerantut-Maran yang telah dimulakan pada tahun 1997 hingga tahun 2007 tidak dapat disiapkan sehingga ke hari ini. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa mengambil tindakan tegas kepada kontraktor yang lewat atau gagal menyiapkan projek dalam tempoh masa yang ditetapkan. Sememangnya akan dikenakan atas kontraktor seperti tindakan mengenakan denda LAD (*Liquidated Ascertained Damage*) atau kontrak ditamatkan. Untuk makluman Yang Berhormat, contoh projek yang dinyatakan bukan projek jalan luar bandar KKLW.

Yang Berhormat Limbang pula ada menyentuh tentang projek jalan raya ataupun jalan raya luar bandar seperti Jalan Telahak-Jalan Meritam-Jalan Bong Abai di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, projek Jalan Meritam-Telahak-Bong Abai, Sarawak fasa dua yang telah di tender semula pada September 2014 dalam proses pelantikan kontraktor penyiap.

Dijangkakan bahawa penyerahan tapak kepada kontraktor akan dilakukan selewat-lewatnya pada bulan Mei tahun 2015 ini.

Manakala bagi projek Jalan Meritam-Telahak-Bong Abai fasa tiga telah pun dimulakan pada bulan Oktober tahun 2014 dan sedang dalam peringkat pembinaan. Sehingga kini peratusan pencapaian 28.8% berbanding jadual 66%. Kelewatan projek adalah disebabkan oleh terdapat perselisihan antara pihak kontraktor yang dilantik dengan sub kontraktor. Isu ini sedang diatasi bersama oleh pihak kementerian dan JKR Sarawak dan dijangka akan selesai pada April tahun 2015 ini.

Yang Berhormat Tanah Merah mencadangkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengatur strategi yang lebih mampan bagi memastikan kemudahan awam di kawasan-kawasan luar bandar terus dipertingkatkan dari semasa ke semasa terutama jalan-jalan kampung dan lampu-lampu jalan. Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, kementerian sentiasa komited untuk melaksanakan projek Jalan Penghubung Desa atau dahulunya dikenali sebagai Projek Jalan Kampung terutamanya di kawasan luar bandar secara berperingkat mengikut keutamaan. Keutamaan bagi skop JPD membina baru dan menaik taraf jalan berbanding kerja-kerja baik pulih atau selenggara. Ini kerana bagi jalan-jalan yang telah diselenggara dan didaftarkan dalam senarai *Malaysia Road Record Information System* (MARRIS). Penyelenggaraan adalah di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR) negeri berkenaan.

Kementerian hanya memberi fokus kerja-kerja penyelenggaraan atau membaik pulih jalan-jalan yang masih belum didaftarkan di bawah senarai tersebut sahaja. Kementerian juga sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan lampu jalan kampung yang mencukupi kepada semua kampung tradisi di seluruh negara. Pada tahun 2015, pemasangan LJK di seluruh negara akan diteruskan melibatkan pemasangan lampu jalan tidak melebihi 30 unit untuk setiap kampung. Berdasarkan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2015, kementerian mengunjurkan sejumlah 53,000 unit LJK akan dipasang bermula pada April tahun ini, tahun 2015 dan akan siap sepenuhnya pada bulan Disember tahun 2015 juga.

Yang Berhormat Lawas memohon kementerian agar menyiapkan pembinaan jalan Mengkalap ke Sinampuan serta simpang jalan menuju ke kampung-kampung di sepanjang jalan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, projek menaiktarafkan jalan Mengkalap-Sinampuan fasa satu dan fasa dua telah mula dilaksanakan pada Februari tahun 2011 dan telah siap sepenuhnya pada Oktober 2013. Projek ini melibatkan kerja-kerja pembinaan jalan sepanjang 16.9 kilometer dengan piawaian JKR R3. Manakala projek menaik taraf jalan Mengkalap-Sinampuan fasa tiga yang menghubungkan jalan utama ke sembilan buah kampung di sepanjang jajaran tersebut, ia masih dalam peringkat reka bentuk. Dijangkakan projek ini akan di tender selewat-lewatnya pada penghujung bulan Jun tahun 2015 ini.

■1740

Yang Berhormat Lawas juga mohon agar kementerian meneruskan pembinaan jalan pantai dari Kuala Lawas, menuju ke Kampung Punang dan Sundar, Awat Awat yang telah tergendala pelaksanaannya. Untuk makluman Yang Berhormat, projek membina jalan pantai dari Kuala Lawas menuju ke Kampung Punang, Sundar, Awat Awat seperti yang dinyatakan, tiada dalam senarai projek untuk dilaksanakan oleh kementerian ini. Oleh yang demikian, adalah dicadangkan supaya projek tersebut dijadikan keutamaan negeri atau Kerajaan Negeri Sarawak dalam senarai projek yang ingin dipohon. Pihak kementerian akan mengemukakannya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan walau bagaimanapun pelaksanaan juga tertakluk kepada kelulusan UPE, JPM.

Seterusnya, Yang Berhormat Sabak Bernam memohon pencerahan daripada kementerian ini mengenai berkenaan lebuhraya Banting ke Taiping melalui Daerah Sabak Bernam. Untuk maklumat Yang Berhormat Sabak Bernam, projek yang dinyatakan adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kerja Raya dan bukannya projek di bawah seliaan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini. Yang Berhormat Kanowit pula membangkitkan tentang kawasan penempatan di hulu-hulu sungai besar di Kanowit di daerah Kanowit. Belum dapat jalan atau *spur road* ke kawasan penempatan Raskom di Langat Jagau, Hulu Lumah.

Untuk maklumat Yang Berhormat, di bawah projek menaik taraf bekas jalan-jalan balak negeri Sarawak fasa 3, bahagian Sibulau iaitu merangkumi Daerah Kanowit. Sebanyak 18 buah kampung di Langat Jagau, Lumah telah disenaraikan. Kos keseluruhan projek ini di kawasan Sibulau adalah berjumlah RM8.6 juta yang melibatkan kerja menaik taraf bekas jalan balak sepanjang 6.5 kilometer. Manakala bagi jalan atau *spur road* di kawasan penempatan, dipohon agar Yang Berhormat dapat mengemukakan permohonan kepada kementerian ini untuk diambil tindakan. Pihak kementerian akan mengemukakannya kepada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga walau bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk juga kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

Yang Berhormat Kuala Krai pula berharap kita mengambil sedikit keseriusan dalam membantu Kementerian Luar Bandar supaya tidak payah tunggu wakil rakyat menyenaraikan jalan-jalan yang rosak. Jadi, jambatan-jambatan kecil dan sebagainya akibat banjir yang berlaku Disember tahun lalu. Untuk maklumat Yang Berhormat, kementerian ini turut melahirkan rasa simpati dengan bencana banjir yang telah melanda beberapa buah negeri pada penghujung tahun 2014 sehingga menjejaskan infrastruktur luar bandar di negeri-negeri terbabit.

Pihak kementerian telah mengemukakan permohonan untuk mendapatkan peruntukan khas bagi tujuan membina baru atau membaik pulih infrastruktur-infrastruktur asas di kawasan luar bandar daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Permohonan tersebut adalah berdasarkan senarai-senarai yang diterima dari pejabat daerah di negeri-negeri berkenaan.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran Bin Abd Hamid [Lumut]:
[Bangun]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Pihak UPE, JKM telah bersetuju...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lumut bangun Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: ...Telah bersetuju meluluskan permohonan tersebut dan akan dilaksanakan secara berperingkat iaitu pada tahun 2015 dan tahun 2016. Bagi tahun 2015, sejumlah RM45 juta peruntukan telah diluluskan melibatkan RM24.84 juta bagi program jalan luar bandar dan RM12.5 juta bagi program Jalan Penghubung Desa (JPD) dan RM7.6 juta bagi program ameniti sosial. Ya.

Tuan Laksamana Pertama (B) Haji Mohamd Imran Bin Abd Hamid [Lumut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat maklumatlah daripada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan kementerian melalui FELCRA ada memberi peruntukan berjuta-juta ringgit untuk membantu mangsa banjir di negeri-negeri yang mengalami banjir untuk membuat rumah-rumah mereka. Saya ingin dapat maklumat ataupun kalau boleh Yang Berhormat Menteri bagi sedikit maklumat prestasi perbelanjaan peruntukan tersebut dan jika ada masalah, sila maklumkan kepada Dewan ini. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat, Oleh sebab tidak ada maklumat pada saya buat masa kini, jadi boleh kah saya panjangkan jawapan itu secara bertulis kepada Yang Berhormat? Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kota Samarahan ada membangkitkan berkaitan dengan permohonan jalan-jalan kampung, khususnya di Kota Samarahan. Untuk makluman Yang Berhormat, bagi pelaksanaan projek jalan penghubung desa atau dahulunya dikenali sebagai PJK, sejumlah RM15 juta peruntukan telah disalurkan kepada negeri Sarawak pada tahun 2014. Manakala, sejumlah RM32.5 juta peruntukan telah disediakan untuk pelaksanaan projek JPD pada tahun 2015 ini di kawasan luar bandar di negeri Sarawak, termasuklah di kawasan Yang Berhormat iaitu kawasan Kota Samarahan.

Pertambahan jumlah peruntukan ini jelas menunjukkan kementerian KKLW sentiasa komited untuk melaksanakan projek-projek pembangunan di kawasan luar bandar pada setiap tahun secara berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan juga berdasarkan kepada kelulusan, terutamanya di negeri-negeri terbabit. Yang Berhormat Lawas juga akan mohon kementerian ini agar membekal dan memasang 10 unit lampu jalan tambahan kepada yang sedia di setiap kampung seperti yang telah dijanjikan. Untuk makluman Yang Berhormat, khusus bagi tahun 2015, kementerian merancang untuk memasang kira-kira 6,300 unit LJK di seluruh negeri Sarawak yang dianggarkan bernilai RM5 juta.

Kerja-kerja pemasangan LJK ini akan dilaksanakan oleh Sarawak Energy Berhad (SEB) dan dijadualkan bermula pada April tahun 2015 dan akan siap sepenuhnya sebelum April tahun 2016. Pengagihan kuantiti pemasangan LJK ini akan dimuktamadkan oleh Kementerian

Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak berdasarkan kepada senarai keutamaan kerajaan negeri itu. Yang Berhormat Jerantut juga ada membangkitkan isu di kawasan Parlimen Jerantut sendiri yang sangat memerlukan sebuah loji bekalan air yang baru. Memandangkan loji yang sedia ada hanya mampu bertahan sehingga pada tahun 2015, ya tahun ini sahajalah. Sedangkan kemampuan untuk membuat loji baru masih lagi belum menampakkan jalannya.

Untuk makluman Yang Berhormat, selain daripada menyediakan akses kemudahan bekalan air bersih dan terawat kepada rumah-rumah yang masih belum mendapat kemudahan ini, skop program bekalan air luar bandar yang dilaksanakan oleh kementerian juga melibatkan pembinaan baru, menaik taraf loji rawatan air di sesuatu kawasan sekiranya terdapat keperluan yang mendesak untuk tujuan tersebut. Tertakluk juga kepada peruntukan yang diluluskan. Berdasarkan senarai cadangan projek air luar bandar di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 yang diterima oleh kementerian daripada Bahagian Perancangan Ekonomi Negeri Pahang, kementerian tiada menerima sebarang permohonan untuk membina baru atau baik pulih mana-mana loji di kawasan Parlimen Jerantut bagi tempoh pelaksanaan sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11.

Walau bagaimanapun, berhubung dengan kawasan yang masih belum mendapat bekalan air bersih dan terawat seperti Kampung Baru, kementerian ada menerima permohonan berkaitan dan sedia mempertimbangkannya dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11, tertakluk kepada peruntukan yang diluluskan dalam skop program BALB yang dilaksanakan oleh kementerian ini. Yang Berhormat Lawas turut memohon kementerian menyambung bekalan air paip bersih dari Kampung Beriawan Tengah ke Kampung Pak Ibau, meliputi 10 buah kampung dan dua buah sekolah di sepanjang Batang Sungai Terusan dan menyambung bekalan air pair dari Kampung Menkalab ke Kampung Murut Suang, membabitkan lima buah kampung dan sebuah sekolah iaitu SK Long Kacu.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pelaksanaan projek bekalan air luar bandar dari Kampung Beriawan Tengah ke Kampung Pak Ibau dan dari Kampung Mengkalab ke Kampung Murut Suang akan diselaraskan dengan senarai projek BALB yang lain bagi pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-11. Walau bagaimanapun pelaksanaan ini juga tertakluk kepada senarai keutamaan pihak berkuasa negeri dan juga peruntukan yang diluluskan oleh kerajaan.

■1750

Yang Berhormat Lawas juga memohon kementerian ini agar membekalkan elektrik ke rumah-rumah yang belum mendapat bekalan termasuk rumah PPRT di kawasan Trusan, Sundar, Punang, Merapok dan lain-lain kawasan. Difahami masalah yang dihadapi ialah tiada kontraktor yang bertanggungjawab untuk melaksanakan bekalan elektrik di kawasan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat Lawas, berhubung dengan permohonan penyambungan bekalan elektrik di kawasan Trusan, Sundar, Punang dan Merapok yang dipohon oleh Yang Berhormat, kementerian mendapati ia melibatkan penyambungan bekalan elektrik ke rumah-

rumah tertinggal di dalam kampung yang telah mendapat bekalan elektrik. Kementerian akan menyenaraikan semua rumah-rumah tertinggal yang terlibat untuk penyambungan bekalan elektrik pada tahun ini, tahun 2015.

Yang Berhormat Kota Samarahan juga ada menyentuh tentang status permohonan RES iaitu *Roll Education Scheme* bagi Kota Samarahan. Banyak yang belum dipertimbangkan untuk mendapatkan perkhidmatan bekalan elektrik luar bandar (RES), ini amat tinggi di Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian sentiasa komited untuk memberi kemudahan infrastruktur asas termasuk bekalan elektrik kepada semua penduduk di kawasan luar bandar seluruh negara. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mencapai liputan bekalan elektrik 95% di kawasan luar bandar Sarawak dan Sabah melalui pelaksanaan projek-projek NKRA yang telah dirancang.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, penyambungan bekalan elektrik di kawasan pedalaman dibuat secara berperingkat-peringkat dan mengikut keupayaan talian milik SEB iaitu Sarawak Energy Berhad di Sarawak dan kalau di Sabah, SESB (Sabah Electricity Sdn. Bhd). Sekiranya talian elektrik sedia ada terlalu panjang, maka pelaksanaan projek BELB tidak dapat diteruskan kerana akan berlaku masalah susutan beban bekalan elektrik ataupun bekalan.

Sehubungan itu, kaedah perbekalan elektrik secara alternatif menggunakan sistem mikro hidro dan sistem solar hibrid akan dipertimbangkan untuk pelaksanaan. Khusus bagi kawasan Parlimen Kota Samarahan, kementerian pada tahun 2014 telah menyiapkan pelaksanaan 10 buah projek bernilai RM17.85 juta dan memberi manfaat kepada 705 buah rumah untuk program bantuan rumah luar bandar. Kementerian mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih di atas maklum balas oleh Yang Berhormat Tanah Merah yang mencadangkan pembinaan rumah kos rendah dan tumpuan harus diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar. Ini kerana pada masa ini, masih terdapat ramai rakyat yang terpaksa hidup dalam rumah yang buruk dan usang di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Tanah Merah, dalam konteks Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR), Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah tidak melaksanakan projek-projek kos rendah. Bantuan yang diberi di bawah skim ini adalah kepada golongan miskin dan miskin tegar bagi membina baru dan membaik pulih rumah. Pelaksanaan bantuan ini dibiayai dalam bentuk geran kepada golongan miskin dan miskin tegar serta semua penerima bantuan tidak perlu membayar balik pembiayaan berkenaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh sehingga tahun 2014, kementerian ini telah melaksanakan 56,463 projek PBR dengan pecahan 15,248 unit projek bina baru dan 41,215 projek baik pulih. Manakala bagi pelaksanaan PBR tahun 2015, sejumlah RM200 juta telah diperuntukkan dengan unjuran pelaksanaan 2,595 unit rumah dibina dan 6,863 unit di baik pulih.

Isu berkaitan Orang Asli. Pihak kementerian merakamkan ucapan terima kasih atas keprihatinan Yang Berhormat Gopeng terhadap masyarakat Orang Asli khususnya di bawah Parlimen Gopeng. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli telah melaksanakan lima buah projek bina baru rumah di bawah Program Bantuan Rumah di kawasan kampung Orang Asli Hulu Jelintoh dan telah siap sepenuhnya pada bulan Februari yang lalu.

Dalam hal ini, pihak kementerian sentiasa memberi keutamaan terhadap keperluan rumah PBR ini terutama kepada golongan miskin dan miskin tegar, warga emas dan golongan yang amat memerlukannya seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat. Namun begitu, pelaksanaan projek tersebut adalah secara berperingkat dan mengikut keutamaan. Sememangnya kementerian ini komited untuk memastikan semua golongan yang layak menerima rumah PBR ini diberi perhatian dan mendapat manfaat yang sewajarnya.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun.

Datuk Mohd Idris bin Jusri [Batu Pahat]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri, dalam soalan kepada Parlimen soal lisan, saya ada kemukakan tentang kedudukan orang asal di Johor dan oleh sebab jawapan itu tidak dapat dijawab secara lisan dan diberikan jawapan bertulis, disebutkan ada 30% kadar kemiskinan di kalangan orang asal di Johor. Kemudian ada disebutkan beberapa program yang dilaksanakan untuk orang asal ini termasuk pembangunan usahawan yang disebut tadi soal perumahan. Akan tetapi saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri tentang kawasan orang asal di kawasan Parlimen saya di kawasan Batu Pahat khususnya di Dewan Undangan Rengit.

Persekitaran perkampungan itu sendiri, orang asal di Rengit itu sudah menunjukkan kemiskinannya. Paritnya tidak terpelihara, penuh dengan sampah sarap, rumah-rumah kedai yang dibina tidak dibina dengan baik, terbiar. Pengangguran di kalangan pemuda-pemuda, anak muda orang asal itu tinggi dan dengan pelbagai penyakit sosial. Boleh tak Yang Berhormat Menteri memberikan jaminan supaya ada satu perhatian khusus kepada kawasan Rengit ini?

Di samping itu, ketua orang asal, ketua kampung itu berjumpa kepada saya, ada satu perjanjian atau ada satu janji nak memberikan atau mengurniakan mereka tanah. Kalau tak silap saya, dalam ingatan saya dalam lima ribu ekar untuk kawasan itu, tetapi tanah itu dia tak tahu ke mana sekarang ini. Saya boleh nanti bawakan segala perjanjian itu untuk berjumpa Yang Berhormat Menteri untuk melihat hal itu. Terima kasih.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Terima kasih Yang Berhormat. Perhatian kementerian memang telah tertarik kepada apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Batu Pahat berkenaan dengan yang telah diberitahu atau dimaklum balas kepada kementerian berkenaan dengan masyarakat yang tersebut tadi. Jaminan, beginilah, saya akan turun pergi ke kampung

tersebut untuk melihat dan apa tindakan nantilah selepas lawatan itu dengan bersama pegawai JAKOA, kita akan tengok apa yang perlu dibuat untuk mereka ke sana itu.

Datuk Mohd Idris bin Jusi [Batu Pahat]: Yang Berhormat maklum, saya boleh iring sama, *insya-Allah*.

Tuan Alexander Nanta Linggi: Boleh, boleh. Terima kasih Yang Berhormat. Untuk berkenaan dengan tanah seluas berapa ribu ekar itu, kita tak ada maklumat. Kalau Yang Berhormat ada maklumat, sila kemukakan kepada kementerian dan kita melihat apa kementerian boleh buat. Okey? Terima kasih.

Saya teruskan ucapan penggulungan ini Tuan Yang di-Pertua dengan isu berkaitan dengan MARA. Tuan Yang di-Pertua, turut diutarakan isu berkaitan Institut Pengajian Majlis Amanah Rakyat iaitu MARA oleh Yang Berhormat Jerantut dan Sabak Bernam. Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Jerantut, pada ketika ini terdapat lima buah MRSM di negeri Pahang iaitu MRSM Bentong, MRSM Kuantan, MRSM Tun Ghazali Shafie di Kuala Lipis, MRSM Tun Abdul Razak di Pekan dan MRSM Muadzam Shah.

MARA akan membuat kajian terperinci dan mempertimbangkan tentang penubuhan MRSM untuk setiap Parlimen mengikut kesesuaian, keperluan dan peruntukan kewangan sedia ada pada masa hadapan. Selain daripada berperanan untuk meningkatkan pencapaian akademik pelajar, MARA turut menitikberatkan peningkatan sahsiah dan jati diri pelajar.

■1800

Program kemahiran insaniah dilaksanakan dalam kokurikulum sistem pendidikan MRSM bertujuan untuk membina *soft skill* yang diperlukan seperti komunikasi interpersonal, keusahawanan, semangat patriotisme, pengucapan awam dan menjana pemikiran kritis dan kreatif.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sabak Bernam turut membangkitkan isu berkaitan pembinaan Maktab Rendah Sains Mara Sungai Besar di Daerah Sabak Bernam di DUN Sungai Panjang yang terbengkalai lebih lima tahun. Untuk makluman Yang Berhormat, prestasi kerja MRSM Sungai Besar di Sabak Bernam sehingga 8 Mac 2015 98.66%. Jadi, MRSM Sungai Besar dijangka beroperasi pada Jun 2015 ini.

Sekarang beralih kepada isu industri getah. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Baling. Yang Berhormat Baling telah memohon agar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan kementerian yang terlibat mengambil perhatian yang serius atas isu pekebun kecil dan penoreh getah yang menyegerakan bantuan bulanan yang telah diberikan kepada pekebun kecil dan penoreh getah yang terlibat. Bagi menjawab pertanyaan Yang Berhormat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah mengambil perhatian yang serius ke atas isu-isu yang melanda pekebun kecil dan penoreh getah.

Pihak kementerian melalui RISDA telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan beberapa projek dan program bagi pekebun kecil untuk terus menyumbang kepada

pembangunan industri getah negara. Dalam usaha RISDA membantu pekebun kecil yang tinggal di kampung dan kawasan pedalaman yang bergantung hidup dengan kebun getah, RISDA juga menggalakkan pekebun kecil getah menjual getah secara berkelompok dengan menggunakan sistem tender terutama di projek-projek tanaman semula berkelompok bagi meningkatkan perolehan harga getah di peringkat ladang.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: *[Bangun]*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Untuk meningkatkan produktiviti getah pula RISDA melalui Skim Insentif Pengeluaran Getah (SIPG) bagi pemilik kebun getah berkeluasan 2.5 hektar dan ke bawah dengan memberikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling bangun Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Bantuan input pertanian seperti baja dan penggalak *latex*. Bantuan ini telah bermula pada tahun 2013 di mana pada tahun 2015 sejumlah RM16.8 juta akan diagihkan kepada 33,123 orang pekebun kecil yang layak. Bagi meningkatkan sumber pendapatan mereka, program aktiviti ekonomi tambahan dan pembangunan usahawan telah dilaksanakan. Program-program merangkumi aktiviti keusahawanan seperti industri desa, tanaman dan ternakan. Keutamaan adalah bagi bidang yang berasaskan kemahiran dan juga perkhidmatan.

Program ini dilihat berupaya untuk menjana pendapatan tambahan dengan kadar purata RM400 seorang bagi setiap projek. Bermula dari tahun 2013 hingga tahun 2015 seramai 6,134 orang pekebun kecil telah menerima bantuan ini dengan sejumlah peruntukan dibelanjakan sebanyak RM27.7 juta. Pemberian bantuan khas kejatuhan harga getah sebanyak RM5 kepada pekebun kecil yang mula diberikan pada tahun 2013 ekoran isu kejatuhan harga getah yang mendadak. Sehingga tahun 2014, sejumlah RM257.3 juta telah diberi kepada pekebun kecil yang melibatkan seramai 514,672 orang. Manakala seramai 48,872 orang penoreh getah juga telah menerima bantuan yang seperti pekebun kecil getah dengan jumlah peruntukan yang diberikan sebanyak RM24 juta.

Selain itu, pihak RISDA juga memberikan bantuan sara hidup pekebun kecil kepada pekebun kecil yang layak berdasarkan kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Bantuan ini diberikan kepada pekebun kecil yang terjejas pendapatan mereka di mana penerima ini mereka yang bergantung hidup sepenuhnya kepada kebun kecil yang menyertai program tanaman semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Baling bangun Yang Berhormat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Kadar bantuan adalah sebanyak RM500 sebulan selama 48 bulan. Setakat tahun 2015, sejumlah RM11.5 juta telah diperuntukkan untuk program yang melibatkan seramai 1,950 orang pekebun kecil. Ya.

Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya kagum dengan jawapan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang begitu mendalam dari sudut kajian dan harapan saya selaku Ahli Parlimen Baling agar apa yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat dapat benar-benar dilaksanakan.

Cuma saya hendak tambah sedikit yang mana keadaan sebenarnya yang sedang berlaku di peringkat akar umbi di mana kementerian Yang Berhormat iaitu RISDA yang bertanggungjawab khususnya di kawasan di luar bandar dan sebagainya. Cuma saya ingin tanya soalan dengan Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa RISDA membantu tetapi dua kaedah di bawah iaitu pekebun kecil dan penoreh. Jadi, mereka di sana di kawasan luar bandar khususnya tempat saya, mereka bantu pekebun kecil. Akan tetapi di mana penoreh terlepas pandang. Ini kerana penoreh-penoreh ini lebih miskin daripada pekebun kecil itu tadi.

Jadi, saya telah berbahas dalam Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong baru-baru ini, saya telah nyatakan bahawa sesungguhnya kalau kita hendak menyelesaikan masalah dalam konteks penoreh dan pekebun kecil haruslah ada gabungan di antara tiga kementerian iaitu Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Boleh pakai *National Blue Ocean Strategy* (NBOS) itu tadi, di mana kalau boleh duduk ketiga-tiga kementerian semeja, banyak perkara dapat kita atasi dalam konteks Yang Berhormat sebut tadi iaitu menjana pendapatan tambahan kepada mereka selain daripada harga getah ini turun.

Ini musim tengkujuh tidak boleh potong, hujan, musim kemarau Tuan Yang di-Pertua, toreh-toreh susu pun tidak hendak keluar *because it is too hot*, dengan izin. Jadi, itulah saya fikir perlu ada gabungan di antara ketiga-tiga kementerian. Terima kasih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Terima kasih atas maklum balas daripada Yang Berhormat yang begitu penting kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah agar kita seperti mana yang disarankan oleh Yang Berhormat. Ketiga-tiga kementerian perlu melihat kepada keperluan atau kepentingan penoreh getah.

Satu tadi, maklum balas daripada Yang Berhormat adalah seolah-olah penoreh tidak dapat bantuan dan dalam jawapan kita kata penoreh mendapat bantuan juga. Sekiranya ini perlu, kita akan semak dan saya bagi jaminan kepada Yang Berhormat Baling agar RISDA melihat bagaimana dengan pelaksanaan program ini sampai atau tidak kepada peringkat... *[Disampuk]* Jangan mereka ini terlepas pandang. Terima kasih Yang Berhormat Baling yang begitu prihatin kepada masyarakat luar bandar khususnya penoreh getah.

Sekarang saya beralih kepada isu KEMAS. Yang Berhormat Pasir Gudang ada menyampaikan tentang keluhan dan perasaan sedih para pekerja-pekerja PPMS daripada KEMAS. Taman Bimbingan Kanak-kanak atau KEMAS di mana mereka ini masih lagi dibayar dengan gaji RM400 sebulan. Sebenarnya ini bukan gaji Tuan Yang di-Pertua, ini elaun. Untuk

makluman Yang Berhormat, Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) merupakan individu yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) secara sukarela bagi tujuan membantu melancarkan urusan pentadbiran di premis-premis taman bimbingan kanak-kanak iaitu Tabika.

Keutamaan pelantikan ialah di kalangan suri rumah tangga yang tinggal berhampiran dengan premis Tabika KEMAS itu dan bidang tugas PPMS ialah membantu menyediakan keperluan makan, minum serta memastikan aspek kebersihan dan keselamatan kanak-kanak Tabika terjamin. Ini ialah bagi membolehkan guru Tabika lebih fokus kepada skop pembelajaran dan pengajaran terutamanya daripada satu jam sebelum sesi persekolahan bermula dan satu jam sebelum sesi persekolahan tamat.

■1810

Bayaran sagu hati atau upah yang diterima oleh PPMS sebelum 31 Mac 2011 adalah sekitar RM50 sahaja hingga RM300 sebulan. Kadar bayaran ini adalah tidak seragam kerana bayaran kepada PPMS ketika itu bergantung kepada kadar kutipan yuran tabika dan tertakluk kepada persetujuan jawatankuasa aktiviti Tabika masing-masing. Pada 31 Mac 2011, pihak kerajaan telah meluluskan bayaran sagu hati kepada PPMS sebanyak RM400 sebulan kesemuanya dan tidak lagi berbeza-beza.

Pihak KEMAS ingin menekankan bahawa bayaran yang diperoleh bukanlah dikategorikan sebagai skim gaji kakitangan awam. Sebaliknya, ia adalah bayaran sagu hati di atas perkhidmatan yang diberikan secara sukarela. Namun demikian, pihak KEMAS akan mengkaji semula tempoh masa bekerja serta skop kerja yang dilaksanakan oleh PPMS supaya setimpal dengan jumlah elaun yang diterima.

Tuan Yang di-Pertua, turut dibangkitkan adalah penduduk merayu agar Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menggantikan Projek Medan Infodesa bertempat di Pusat Kebudayaan Lun Bawang di Jalan Biawan-Trusan dengan sebuah mini *Rural Transformation Centre* (RTC) di tapak yang sedia ada yang diluluskan oleh kerajaan negeri untuk dibangunkan sebagai salah satu *centre* ataupun pusat pembangunan desa di Daerah Lawas yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Lawas.

Kita mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Lawas atas keprihatinan dan mencadangkan pembinaan mini RTC di Lawas. Untuk makluman Yang Berhormat, KKLW sentiasa mengkaji dari semasa ke semasa kesesuaian lokasi semua mini RTC berdasarkan kerelevanan aktiviti yang ditawarkan kepada penduduk setempat.

Merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Lawas, dimaklumkan kementerian ini tidak disediakan peruntukan bagi pembinaan mini RTC yang baru di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan akan memberikan tumpuan untuk memperkasakan mini RTC yang sedia ada. Walau bagaimanapun, kementerian ini akan memohon peruntukan bagi pembinaan mini RTC baru di bawah *rolling plan* pertama tahun 2016 ke tahun 2017 Rancangan Malaysia Ke-11.

Untuk makluman Yang Berhormat Lawas, di Sarawak pada masa ini telah terdapat sebanyak tujuh buah mini RTC iaitu:

- (i) Mini RTC Buntal, Kuching;
- (ii) Mini RTC Selanyau, Miri;
- (iii) Mini RTC Stass Bau;
- (iv) Mini RTC Telian Tengah, Sibul;
- (v) Mini RTC Pangkat Stumbin, Sri Aman;
- (vi) Mini RTC Jarub Cangkung, Sri Aman; dan
- (vii) Mini RTC Selangau, Sibul.

Sarawak juga telah dibina sebuah RTC iaitu di Bekenu dan satu lagi RTC dicadangkan dibina di Daerah Betong.

Tuan Yang di-Pertua, turut disentuh oleh Yang Berhormat Lawas adalah berkenaan projek ekonomi di kawasan pedalaman supaya dapat merancakkan aliran ekonomi di kawasan pedalaman dan membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan. Secara tidak langsung, ia akan menarik semula anak muda untuk tinggal di kampung dan bersama-sama memajukan dan mewujudkan kawasan industri di kawasan pedalaman.

Sesungguhnya, kerajaan menyedari akan hakikat penghijrahan golongan muda ke bandar ekoran peluang pekerjaan yang terbatas di kawasan luar bandar. Di bawah *Government Transformation Programme 2.0 2013-2015*, KKLW telah melaksanakan Program Desa Lestari dan Program *Rural Business Challenge* (RBC). Desa Lestari merupakan pelaksanaan projek-projek ekonomi di kampung yang terpilih secara berk komuniti melalui platform koperasi, *cooperative driven*. Manakala RBC adalah penganjuran pertandingan penyediaan rancangan perniagaan di kalangan usahawan belia Malaysia. Kedua-dua program ini diberikan kemudahan geran kerajaan bagi melaksanakan projek perniagaan dan inisiatif ekonomi yang meliputi sektor pembuatan, pelancongan, perkhidmatan dan pertanian supaya dapat meningkatkan pendapatan dan mencipta peluang pekerjaan.

Bagi Program Desa Lestari, Kampung Desa Lestari dipilih melalui tiga peringkat penilaian oleh jawatankuasa khas di peringkat kementerian berdasarkan senarai pendek daripada kerajaan negeri dan pernah memenangi Anugerah Desa Cemerlang. Manakala bagi pertandingan RBC, rancangan perniagaan yang diterima akan dinilai secara komprehensif melalui lima peringkat penilaian oleh panel-panel dari Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah serta agensi-agensi kerajaan berkaitan termasuk institusi perbankan untuk memilih usahawan yang benar-benar layak memenangi geran perniagaan RBC ini.

Limpahan manfaat daripada program ini dijangka akan dapat mewujudkan usahawan baru dalam rangkaian perniagaan pemenang RBC, menjadikan kawasan luar bandar menarik untuk didiami dan seterusnya dapat menyumbang kepada agenda kerajaan ke arah negara berpendapatan tinggi.

Selain itu, KKLW juga menyediakan kemudahan pembiayaan perniagaan dikenali sebagai Skim Pinjaman Ekonomi Desa (SPED) yang menawarkan skim pembiayaan tanpa cagaran dengan kadar bayaran balik yang rendah kepada usahawan di luar bandar untuk tujuan pembelian mesin, peralatan, modal kerja dan pengubahsuaian atau naik taraf premis.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan yang telah dirancang. Kemudahan-kemudahan asas yang diperlukan oleh rakyat akan disediakan dari semasa ke semasa dan pembangunan ekonomi dan minda insan akan turut dilaksanakan bagi membolehkan rakyat bersedia dalam kehidupan mereka. Kementerian ini sentiasa peka dengan keperluan rakyat terutama sekali yang duduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menjunjung Titah Yang di-Pertuan Agong dan bagi pihak Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah yang menggulung. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya menjemput Kementerian Kewangan.

6.18 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang dalam perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh perkara-perkara di bawah Kementerian Kewangan. Izinkan saya untuk menjelaskan beberapa perkara yang dibangkitkan.

Pertama dibangkitkan isu mengenai dengan 1MDB, Tuan Yang di-Pertua. Ada tiga isu utama yang dibangkitkan. Satu, berkenaan dengan isu *fraud*, dengan izin, ataupun penyelewengan; kedua, isu *viability* 1MDB; dan yang ketiga, isu hutang, kemampuan untuk membayar.

Antara isu berkenaan dengan penyelewengan adalah berkenaan dengan USD700 juta yang dikatakan diletakkan dalam Good Star yang dimiliki oleh Jho Low. Pertama Tuan Yang di-Pertua, isu ini mendapat perhatian juga oleh PetroSaudi. Mereka telah membuat laporan polis di *Fraud Division London*. Kemudian pihak kerajaan juga telah minta kepada Ketua Audit Negara untuk melakukan audit ke atas kewangan 1MDB. Ketiga, pihak polis juga sedang membuat siasatan dan kemudian pihak PAC akan membincangkannya. Malah, salah seorang daripada Ahli Parlimen mencadangkan supaya PAC memanggil pihak 1MDB, bermakna ini masuk dalam kerangka tersebut. Jadi yang ini biarlah kita tunggu kepada keputusan nanti.

Kedua mengenai isu *viability*. Saya ingin maklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua, selepas saya membuat jawapan tempoh hari, pihak kerajaan telah menubuhkan apa yang kita katakan, dengan izin, *task force* yang melibatkan saya sendiri sebagai salah seorang

anggotanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Senator Dato' Wahid, KSN dan juga KSP.

■1820

Kita melihat kepada keseluruhan *viability* dengan hutang yang ditanggung oleh 1MDB. Di samping itu, kita telah minta CIMB sebagai *third party* buat *evaluation* daripada segi nilai pasal hari itu saya kata kita hendak buat IPO. Biar nilai yang dengan izin, *dievaluated, evaluate by* 1MDB itu dengan *third party*, CIMB, kita hendak tengok macam mana nilai supaya kita dapat pastikan bahawa keseluruhan daripada nilai bila buat IPO nanti dapat nilai yang saksama.

Kemudian saya sentuh hari itu tentang bagaimana memperkasakan harta tanah yang ada. Sebahagiannya kita jual *but joint venture* bagi *construction rights* dan sebagainya dan ini kita percaya akan dapat menyelesaikan masalah 1MDB. Kita tahu bahawa masalah 1MDB sebenarnya berkait dengan soal *short-term cashflow* kerana ia berhutang. Prinsipal tidak bermasalah Tuan Yang di-Pertua kerana jangka masa untuk bayar itu panjang tetapi *interest* hendak dibayar. Jadi kita yakin, bila buat IPO ini nanti *interest* akan kurang. Bila ada tanah yang dijual ataupun buat *joint venture*, wang yang diterima itu boleh membayar bukan sahaja *interest* malah sebahagian daripada hutang yang dipanggil prinsipal.

Perkara yang kedua mengenai dengan GST. GST ini cukup menarik, membangkitkan lima perkara. Pertama, mengapa GST dilaksanakan. Kita tahu Tuan Yang di-Pertua, dunia menghadapi atau melalui proses evolusi. Jadi dalam proses evolusi tersebut, perubahan-perubahan berlaku.

Dalam konteks cukai di negara kita, kita tahu bahawa kita ada beberapa jenis cukai. Antaranya kita ada cukai pendapatan, kita ada cukai korporat dan kita juga ada cukai kepenggunaan, selain daripada cukai-cukai lain. Kita tahu bahawa cukai pendapatan ini, kita sudah pinda. Kalau dahulu tinggi, sekarang ini sudah turun kepada lebih kurang 27% atau 26%.

Cukai syarikat juga telah kurang. Akan tetapi cukai kepenggunaan ini Tuan Yang di-Pertua, tidak pernah dipinda langsung. Maknanya cukai ini terus berada pada kadar yang sama yang mana cukai kepenggunaan ini ada *sales and service tax* yang terdiri daripada satu, cukai jualan 5% dan 10%, cukai perkhidmatan 6%. Kemudian ada tempat-tempat yang mana cukai jualan pun kena, cukai perkhidmatan pun kena. Maknanya 5%, 6% ada yang 11%. 5% hingga 10%, 5% campur 6% jadi 16%. Jadi, daripada lima cukai tersebut, kita jadikan satu iaitu 6%. Ini sebab yang kita laksanakan GST tersebut. Jadi bila kita laksanakan, ada beberapa perkara. Apakah ia baik atau tidak untuk negara ini?

Jadi kita lihat Tuan Yang di-Pertua. Pertama, daripada segi harga. Kita gaduh harga naik tinggi, tidak dikawal. Jadi kita laksanakan GST. Setiap minggu, setiap bulan syarikat kena buat *submission* dia punya data jualan dia, perbelanjaan dia. Dalam konteks ini, kerajaan akan tahu berapa banyak perbelanjaan syarikat, berapa banyak margin. Kita boleh *monitor*. Itu sebab kadangkala kita lihat di negara-negara yang mana GST dilaksanakan dengan cara efisien,

kenaikan harga di negara tersebut tidak tinggi. Ada berlaku kenaikan harga pun pada peringkat awal kemudian dia menurun. Salah satu kerana dia sudah *transparent* kos yang ditanggung oleh syarikat.

Kedua Tuan Yang di-Pertua, kita lihat kepada ekosistem negara. Bermakna kalau kita hendak pergi ke hadapan, kita kena perkukuhkan ekosistem. Apakah itu ekosistem? Satu, kita ada rakyat dan pekerja di situ. Kedua, kita ada syarikat. Ketiga, kita ada kerajaan dan keempat, kita ada *environment*. Jadi daripada segi rakyat, apa yang mereka peroleh? Kita beri bantuan kata RM300 tambahan daripada BR1M. Kemudian dia dapat cukai pendapatan dia dikurangkan 1%. Malah selama tiga tahun kebelakangan ini, kita telah kurangkan cukai dalam bentuk, satu, kita kurangkan *rate* dengan izin, kadar. Kedua, *threshold* itu kita naikkan lebih kurang 2,000 dan tahun ini kita kurangkan 1%. Bermakna bahawa individu isi keluarga berpendapatan bawah RM4,000, dia dapat dalam bentuk BR1M dengan tambahan. Individu yang lebih daripada itu, dia dapat *savings*, penjimatan daripada pembayaran cukai. Itu ekosistem berkaitan rakyat.

Daripada segi perniagaan, dia dapat kurang 1% daripada segi cukai dan bagi syarikat yang terlibat daripada segi eksport, ia langsung tidak dikenakan GST. *There is zero rate*. Bermakna bahawa daya saing dia akan meningkat. Berteraskan kepada ini, kita yakin bahawa kita akan dapat pendapatan yang lebih dan pendapatan yang lebih ini, kita turunkan pula. Kita buat pembangunan negara. Maksudnya kita *create* dengan izin, kita bentuk ekosistem yang baik. Maksudnya ekosistem inilah yang akan mendapat faedah daripada pelaksanaan GST.

Ketiganya kita buat *fiscal consolidation*. Kita tidak boleh bohong diri kita bahawa kita berteraskan kepada fiskal kita, ini sampai bila kita ada pasal dunia berubah. Kalau kita lihat banyak negara, mereka bercakap tentang *fiscal space*. Dalam Mesyuarat *ASEAN Finance Ministers' Meeting* dengan izin, baru-baru ini, *World Bank* bercakap tentang *fiscal space*. Maksudnya, fiskal kita mesti ada ruang yang lebih luas. Ruang itu bermaksud apa? Pertambahan daripada segi pendapatan dan juga kekurangan daripada segi perbelanjaan. Ini yang ketiga.

Keempatnya, dalam suasana ekonomi dunia yang berlaku kejatuhan pada tahun 2008, sampai sekarang belum lagi pulih. Badan-badan antarabangsa, *The International Financial Institutions* dengan izin, badan-badan *rating agency* dengan izin, mereka akan melihat kepada semua negara di dunia. Jadi dalam konteks ini, bila bercakap tentang *fiscal space* tadi, banyak negara sudah tidak ada *fiscal space*. Kita ada *fiscal space* kerana bila kita mengadakan GST, bermakna pertambahan daripada segi kewangan. Dengan sebab itulah badan-badan antarabangsa termasuk *World Bank*, *rating agency*, mereka mempunyai keyakinan kepada ekonomi negara kita. Apa erti keyakinan? Keyakinan bermakna apabila syarikat kita meminjam luar negara, dia dapat kadar yang lebih rendah daripada negara yang tidak mempunyai keyakinan. Jadi, perkara-perkara ini yang terjadi. Kemudian persiapan. Persiapan ini penting, kita tahu. Saya percaya walaupun kuat mana persiapan, *tipping problem*, dengan izin mesti ada

kerana pertama, *submission*. Hanya kita punya *submission* yang saya rasa bangga Tuan Yang di-Pertua.

Dalam konteks negara kita sekarang ini, berdasarkan data semalam, 358,000 syarikat telah mendaftar. Daripada 358,000, 70,000 secara *voluntary*. *Voluntary* ini bermaksud mereka yang *thresholdnya* bawah 500, dia daftar kerana dia hendak dapat *benefit*, untung daripada *tax credit* ataupun ia merupakan *supplier*, dengan izin kepada syarikat besar. Jadi dia kena buat itu supaya dapat *tax credit* untuk membantu syarikat besar tersebut. Daripada jumlah itu, yang akan buat *submission*, dengan izin secara manual hanya 300, yang lain secara *online*. Bermakna bahawa kalau lihat dalam konteks itu, budaya korporat negara kita begitu tinggi Tuan Yang di-Pertua. Jadi dalam konteks itu, syarikat kita sudah bersedia untuk membuat *submission*. Yang penting syarikat ini *submission* dan penting daripada pihak kerajaan, dia dapat memproses dengan segera.

Kita telah membuat satu analisa, dia punya *workflow*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua ini tidak tengok saya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya tengah menulis ini, mengambil fakta penting.

■1830

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Okey Tuan Yang di-Pertua. Jadi *workflow* awal, makna daripada segi pendaftaran kita buat program *Hand-Holding*. Kemudian esok dia buat *submission* kemudian kastam akan buat *evaluation* dengan izin dan kemudian akan bayar *tax credit* itu termasuklah sampai ke peringkat *call centre* kita hendak buat satu kajian mendalam. Saya setuju daripada segi *call centre* kita sekarang ada *problem*. Itu sebabnya kita kata tingkatkan. Kalau kakitangan sekarang berapa orang, kita kena tingkatkan sekurang-kurangnya 8 hingga 10 kali bilangannya. Jadi persiapan-persiapan ini telah kita lakukan. Kemudian daripada segi perspektif Islam kita tahu badan fatwa kita telah kata ini harus.

Okey, kemudian ada satu isu dibangkitkan oleh rakan kita *London Metal Exchange*. Jadi kita berbincang dengan *London Metal Exchange* kita sedang buat keputusan untuk dapat maklumat yang lebih. Apa yang berlaku di sini *a metal, copper* lah katakan yang berada di Pelabuhan Klang, Laban, Johor disimpan di situ, itu kena GST. Jadi *London Metal Exchange* kata kalau yang simpan itu rakyat Malaysia dia dapat *tax credit* tetapi kalau negara lain tidak dapat *tax credit*. Jadi apa yang kita buat? Jadi dengan itu kita sedang berunding. Kalau kita dapati bahawa ia tidak menguntungkan kita, kalau kita letakkan juga kita boleh buat keputusan supaya *copper* dan sebagainya tetap disimpan di sini kerana pelanggannya adalah di luar negara dan saiz produk ini adalah berbilion ringgit.

Kemudian kita pindah kepada konteks hutang negara...

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Seorang bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Kulai.

Puan Teo Nie Ching [Kulai]: Ya terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan sahaja Menteri Kewangan. Saya ada terima aduan dari farmasi-farmasi. Saya hanya hendak tanya, ada beberapa jenis ubat yang dikeluarkan oleh kilang yang berbeza dan ada yang diletakkan di bawah *zero-rated* tetapi ada yang kena 6% GST. Saya hendak beri satu contoh sahaja. *Prednisolone* 5mg punya. Kalau *prednisolone* yang di bawah *brand* DHA PharmaNiaga, Y.S.P. memang di bawah kategori *zero-rated*. Akan tetapi untuk *prednisolone* 5mg juga yang dikeluarkan oleh Pahang Pharmacy yang diletakkan di bawah perlu kutip 6% GST.

Jadi saya hendak tanya apabila kita kata persiapan, adakah memang Kementerian Kewangan sudah siap sedia untuk melaksanakan GST ini kerana *feedback* yang kita terima daripada rakyat jelata, peniaga-peniaga memang ada banyak perkara yang sama yang banyak menimbulkan kekeliruan. Jadi minta penjelasan daripada Menteri Kewangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Boleh Menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya teliti dengan penuh khusyuk tadi khususnya berkaitan dengan perkara ketiga ekosistem, dalam bab ekosistem kerana GST. Saya cuba memahami bahawa sebenarnya kerajaan sedang cuba memperbaiki atau mewujudkan satu ekosistem yang harmoni antara kerajaan, peniaga dan juga pengguna. *I think* itu mungkin maksud Yang Berhormat Menteri.

Cuma saya hendak minta satu penjelasan kenapa dalam konteks GST sekarang ini kerajaan sedang berusaha bersungguh-sungguh untuk melakukan promosi dalam televisyen dan sebagainya tidak akan berlaku kenaikan harga barang dan sebagainya. Pelbagai pendekatan digunakan. Cuba kalau kita teliti beberapa kenyataan misalnya Setiausaha Kementerian malah dalam jawapan yang saya tanyakan kepada Menteri Kewangan tidak ada penolakan bahawa akan berlaku inflasi dan kalau mengikut laporan suku keempat 2014 juga menunjukkan akan ada berlaku inflasi 2.8% ditambah dengan GST, tentu akan berlaku peningkatan inflasi.

Cuma yang saya bimbangkan begini, tidak ada penjelasan yang terperinci daripada kerajaan, apakah barang-barang yang diyakini boleh diturunkan dengan pelaksanaan 6% ini sebab yang kita tahu sekarang ini kalau kita pergi ke kedai mamak misalnya makan kalau dahulu RM3 makan kenyang, sekarang RM3 sudah jadi separuh. Jadi saya yakin kalau itu berlaku, tidak akan wujud satu ekosistem yang harmoni di antara pengguna dan juga penjual. Antara kompelin ataupun kritikan yang saya terima daripada peniaga-peniaga, mereka kata mereka buka kedai ini dua tahun atau setahun sebelum ini tidak ada GST, modal tinggi tetapi selepas ini mereka

kenakan GST ataupun yang mana tidak daftar, yang tidak *volunteer* untuk daftar tadi, tidak dapat *threshold* yang telah ditetapkan, maka mereka tetap dikenakan harga yang biasa kerana mereka beli barangan *raw material* misalnya dikenakan GST.

Jadi perkara-perkara ini mereka tanya apakah kerajaan ada *rebate* misalnya supaya mereka tidak rugi *at the end of the day*. Ini kerana kalau mereka meniaga rugi, sudah pastilah harga barang itu mereka akan naikan. Saya ingat itu pertimbangan rakyat di luar yang kita protes *all out* ini kerana kita yakin daripada segi apa yang berlaku di bawah ini selain daripada penjelasan yang baik daripada Menteri bahawa ekosistem yang harmoni dan sebagainya, di luar ini tidak harmoni. Jadi masing-masing akan ada masalah.

Misalnya BR1M Yang Berhormat Menteri sebut fasal BR1M tadi, ada menjelaskan tentang BR1M. Baik, BR1M katakan kalau ikut jawapan Menteri Kewangan akan bagi BR1M sebanyak bagi pendapatan RM3,000 dapat BR1M RM950. Baik, katalah daripada RM3,000 itu Yang Berhormat Menteri, RM1,000 untuk bayar sewa beli kereta atau rumah. Jadi belanja RM2,000. RM2,000 itu kalau ada *tax* 6% maka akan ada *deduction* lebih kurang, ini orang kata pengiraan kasar RM120 sebulan. Kalau kita kalikan setahun mencecah sampai RM1,400 penolakan daripada perbelanjaan asal yang dia kena beli. Jadi kalau hendak tampung dengan BR1M RM950, ada hutang lagi RM500. Itu kita ambil secara kasar. Jadi ini masalah saya fikir perlu diselesaikan kerana walaupun dengan BR1M pun tidak mampu hendak menampung kelompokan ini. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat menyentuh tentang soal farmasi. Apa yang berlaku, pihak Kementerian Kesihatan ia ada *essential drug items*. Kita luluskan lebih kurang 3,000 *items*. Baru-baru ini dibawa lagi 1,200. *So we have approved* dengan izin, *4,200 drugs*. Kemudian Kementerian Kesihatan datang lagi ada *essential* punya *drug* yang tidak dimasukkan dalam senarai itu, mereka kata *they will come back to them*. Jadi *we will study that and then* apabila dapat senarai, *you can share with the pharmacy* untuk mereka lihat secara itu.

Kemudian bercakap tentang soal inflasi. Ia sebenarnya daripada segi – saya bagi dahulu statistik. Tadi saya kata kita ada 5%, 10%, 6%, 11%, 15%. Sekarang kita kata 6%, nanti saya ambil. Kita ambil dalam konteks *basket of goods* kita ada 754 produk yang *zero-rated*, 36%. Kemudian *exempt supply*. Kadang-kadang ada kesilapan Tuan Yang di-Pertua apabila kata dikecualikan, ada orang yang kaitkan dikecualikan dengan *zero-rated*. Dikecualikan bermaksud cukai ini dua bahagian. Satu *input tax*, satu lagi *output tax*. Jadi dalam konteks *input tax* ini, dia kena dan ada dalam *input tax* ini pula yang memang yang kena sekarang ini kena *sales tax*. *Output tax – zero*, yang ini.

Kemudian kita ambil yang 5% yang GST 0% juga, 2.9% makna 3%. Yang 6% daripada 5% naik 6%, 8%. 6% telah dikecualikan 013. 6% dahulu 6% sekarang restoran-restoran 9%. Selepas itu yang kena dahulu 10%, 6%, 36%. Maknanya dahulu kita kena cukai, sekarang ini

daripada 10% kepada 6% maknanya turun 4% melibatkan 36% daripada produk. Yang *zero-rated* 35% campur dengan 2% tadi, 38%, yang 5% hingga 6% naik hanya lebih kurang 8%.

■1840

Maknanya, ada campuran. Saya sebagai pembeli umpamanya, sini saya beli 0%, sini saya beli 10% tolak 6%, saya jimat 4% dan di sini 5% campur 6%. Jadi, *it is a mixed*, mungkin di sini lebih sedikit. Akan tetapi daripada segi kajian kita secara keseluruhannya, ia akan dapat peningkatan daripada segi inflasi dalam 1%. Itu kita akui. Maknanya, kalau orang berpendapatan rendah, dia beli *essential item*, ini semua *zero-rated* sebahagian besarnya. Maknanya, kalau perbelanjaannya di situ, dia akan tidak kena. Itu sebab kita beri RM300 untuk bantu. Soal cara perbelanjaan, itu individu. Itu sebab kita beri mengikut berskala, tidak beri sekali. Ini kerana kalau kita beri sekali RM950, habis terus. Itu perbelanjaan individu itu sendiri Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Seremban.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya ialah bagaimanakah pihak Kementerian Kewangan memberikan prioriti daripada segi barang-barang ataupun perkhidmatan yang dikecualikan GST. Saya hendak beri satu contoh daripada segi insurans. Tadi semasa Kementerian Kesihatan pun saya ada bangkitkan perkara ini. Insurans, sebagai pemegang insurans hayat, saya telah terima notis daripada syarikat insurans, dia kata memang insurans hayat itu dikecualikan GST. Akan tetapi pada masa yang sama, ada beberapa sub insurans iaitu yang berkaitan dengan insurans kesihatan yang tidak dikecualikan dari GST, yang ada kena GST.

Persoalan saya ialah mengapakah kerajaan tidak memberikan prioriti, umpamanya untuk *medical insurans, medical card*. Itu menjadi kebiasaan kepada kebanyakan rakyat Malaysia sekarang ini yang memerlukan insurans kesihatan ini untuk menjamin kalau mereka ada apa-apa, kalau tidak dapat pergi ke hospital kerajaan, boleh ke hospital swasta. Jadi, persoalan saya ialah mengapakah tidak ada keutamaan diberikan daripada segi insurans itu? *Medical card* tidak dikecualikan daripada segi GST.

Ini kerana kalau kos untuk membeli insurans kesihatan ini tinggi, menjadikan rakyat tidak mampu untuk membeli insurans *medical* ini. Maka, mereka akan bergantung balik kepada perkhidmatan kesihatan kerajaan yang juga akan memberikan tekanan kepada perbelanjaan kerajaan untuk menambah peruntukan dan perbelanjaan untuk Kementerian Kesihatan. Jadi, saya hendak tanya, adakah pihak kementerian akan mengkaji ataupun memberikan pertimbangan untuk mengecualikan *medical insurance* ini daripada GST dan juga perkara lain, bagaimana prioriti itu diberikan untuk pengecualian. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyatakan tadi bahawa kita buat persediaan. Salah satu persediaan kita, saya anggap kita

bernasib baik. Bila cakap tentang *fiscal space* tadi, saya pergi mesyuarat antarabangsa, 169 negara telah melaksanakan GST. Jadi, mereka tidak lagi mempunyai *fiscal space*, kita mempunyai *fiscal space* sebab kita memperkenalkan GST. Jadi, dalam kita melaksanakan GST ini, maknanya kita telah kaji apakah produk-produk yang dikenakan GST di negara lain, kita tidak boleh terkecuali di situ. Jadi, apa yang berlaku, kita dapati bahawa sebenarnya negara-negara lain, dia beri *zero rated item* itu sedikit betul. Negara yang banyak beri *zero-rated* sebenarnya hanya UK, itu pun sedikit sahaja. Saya ada maklumat sini, UK ada tujuh sahaja, *exempt supplies* lapan.

Jadi, apabila saya pergi mesyuarat antarabangsa, termasuklah Menteri Kewangan dari Singapura, dia kata macam mana Malaysia terlalu banyak beri *zero-rated exempt supplies*. *What is this?* Saya kata, *our leader* pentingkan kepada jaga kepentingan rakyat. *So, that is the situation...* [Disampuk] *No*, kita jangan nilai, *be serious*. Jadi, apabila Yang Berhormat kata *life insurance, that is basic*. Yang Berhormat kata *health* itu, saya tidak berani cakap. *I will discuss with* Kementerian Kewangan.

Tuan Loke Siew Fook [Seremban]: Yang Berhormat Menteri, khususnya untuk *medical card* sebab itu sekarang keperluan asas bagi kebanyakan...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah: Okey.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Yang Berhormat Menteri, boleh sedikit sebelum pergi jauh? Bukit Katil.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah: Okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre Bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Satu soalan sahaja Yang Berhormat Menteri. Tadi saya terlupa tentang 1MDB. Ini kerana saya teliti beberapa laporan media dan juga penjelasan Menteri bahawa 1MDB berhadapan dengan masalah *cash flow* dan sebagainya. Cuma ada maklumat yang kita baca dan lepas itu kita ingin sahkan daripada kerajaan. Bahawa untuk bayar RM2 bilion *loan* ini, 1MDB telah meminta daripada *billionaire* Ananda Krishnan. Saya cuma hendak minta penjelasan kerajaan, apakah itu benar-benar berlaku ataupun hanya sekadar khabar angin? Ini kerana kita pun hendak pengesahan berdasarkan laporan pelbagai akhbar daripada yang berkait dengan ekonomi, semuanya melaporkan ke arah itu. Jadi, mungkin kerajaan boleh sahkan. Terima kasih.

Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai.

Dr. Haji Noor Azmi Bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit GST. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Saya ingin bertanya tentang GST ini. Ada yang dikenakan, ada barang yang *zero-rated*, ada barang tidak dikenakan GST. Kita tahu semua, lebih daripada 160

negara telah mengamalkan GST. Pernahkah terjadi *economic disaster*, dengan izin, ataupun huru-hara, kelam kabut ekonomi. Ada di antaranya, saya kira 28 negara yang pendapatannya kurang daripada Malaysia. Adakah pernah terjadi begini?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya menyentuh mengenai dengan apa yang dibangkitkan Yang Berhormat, tidak betul Yang Berhormat. Ananda Krishnan tidak ada bagi pinjaman. Itu cerita yang tidak betul.

Kedua, Yang Berhormat menyatakan tentang GST tadi. Saya beri maklumat kepada Yang Berhormat. Mengenai dengan negara yang melaksanakan GST, kita ambil negara kita pendapatan per kapita lebih USD10,000. Negara-negara antara yang buat GST di Afrika, saya ambil di sini, negara yang paling rendah GDP per kapita *is* Malawi, dengan izin, USD270. Cukai pendapatan individunya 30%, GSTnya 16.5%. Kemudian saya ambil negara kaya pula, sebab kita jangan letak negara yang susah, kita ambil negara yang senang, Eropah. Kita ambil di sini negara Germany. Negara Germany ini dalam EU adalah negara yang masih kuat ekonominya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kapal terbang baru jatuh semalam.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Bin Mohamad Hanadzlah: Ya, kita doa. Germany punya pendapatan per kapita – Tuan Yang di-Pertua pun ada *joke* juga. [Ketawa] USD47,270, cukai pendapatan 45%, dia punya GST atau VAT 19%. Kalau Perancis lagi dahsyat. Perancis ialah negara yang mula buat GST, pada tahun 1951 kalau tidak silap. Dia punya pendapatan per kapita USD43,000, cukai pendapatan individu 75%, GST atau VAT 20%. So, ini dia situasi sebenarnya yang berlaku.

Jadi, kita pergi Tuan Yang di-Pertua, kepada hutang negara. Hutang negara ini ada dua komposisi...

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang]: [Bangun]

Datuk Seri Haji Noh Bin Omar [Tanjong Karang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sepang dan Yang Berhormat Tanjong Karang, mana satu Yang Berhormat? Yang Berhormat Sepang.

Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri. Saya minta maaf tadi sebab bawah 1MDB saya pergi sembahyang tadi. Saya ada bangkitkan Menteri, tentang ada satu didedahkan dalam artikel *New York Times* bahawa Jho Low ini, dalam satu dokumen di mahkamah di British. Dia kata bahawa beliau telah mengemukakan *letter of support* daripada 1MDB bagi tujuan untuk *unsuccessful bid for the hotel group that includes Claridge's*. Jadi, persoalan yang saya bangkitkan dalam ucapan saya itu, adakah dakwaan ini satu dakwaan yang benar?

■1850

Kalau tak benar, apakah tindakan pihak 1MDB ini untuk membersihkan nama pihak 1MDB ini terima kasih?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Tanjong Karang.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Terima kasih. Saya yakin GST ini tidak menyusahkan rakyat. Akan tetapi, saya nak tanya persiapan pihak kerajaan andai kata ada berlaku sabotaj, berlaku sabotaj pihak-pihak tertentu, barang-barang naik dan ianya berlaku *on the ground* tidak seperti yang dijelaskan kepada rakyat. Apakah langkah-langkah persediaan kerajaan untuk menghadapi sebarang kemungkinan sabotaj yang mungkin juga datang daripada pembangkang yang tak habis-habis sabotaj, tetapi daripada peniaga-peniaga seandainya berlaku tidak seperti yang kita harapkan. Yang pertama.

Kedua, saya nak tanya mengenai *service charge* di hotel. Kita tahu sekarang ini kalau kita pergi hotel kena 10% *service charge*. *Service charge* ini dia tak bayar kepada kerajaan. Dulu dipanggil tip, tetapi nampaknya ini dah ada *fixed* 10%. Jadi adakah lepas ada GST ini, *service charge* di hotel ini masih lagi berkuat kuasa ataupun tidak ada? Hanya terpulang pada kita macam dulu nak bagi tip. Jadi kalau masih ada *service charge*, rakyat tengok, masih ada dua lagi cukai yang dikenakan oleh kerajaan walaupun kita tahu *service charge* itu kerajaan tidak perolehnya. Jadi apakah pendirian kerajaan mengenai *service charge* yang terutamanya di hotel-hotel ini?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan soalan pertama tadi dalam *New York Times* ya, mengenai dengan surat. Itu yang saya katakan tadi, kita minta Ketua Audit Negara buat kajian apa buat audit, pihak polis pun sedang dan lepas itu pergi kepada PAC. Apa yang berlaku sebenarnya, surat bukan pada Jho Low, tak ada kena mengena dengan Jho Low. Surat dia pergi kepada satu entiti. Yang ini saya minta maaf, saya tak ingat sama ada **ABRA** ataupun **EBBIT** ya. Ini nak buat *joint venture*, nak dirikan hotel di TRX, tujuannya. Jadi dia nak buat hotel di London, jadi bagi surat pada dia.

Kalau syarikat awak *successful*, berjaya dirikan hotel itu, baru kita buat di situ. Maknanya itu *pre-condition* untuk dia. Akan tetapi ini telah - Itu sebab hari itu, saya pegang balik kepada kita punya *standing order* ini. Benda yang dalam akhbar sebenarnya tidak menjadi asas untuk perbincangan. Jadi, itu sebab saya kata biarlah pihak kerajaan dah begitu terbuka, buat siasatan, biar siasatan itu dilaksanakan.

Mengenai dengan Yang Berhormat Tanjong Karang tadi, soal penipuan ya. Saya menyatakan tadi kita ada sumber-sumber kita. Satu Kementerian Perdagangan, Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNKK) telah menyediakan pelbagai struktur daripada segi *shoppers guide*, daripada segi kita punya *anti profiteering tax*, maknanya kita tambah berat dia punya pegawai, kemudian bekerjasama dengan NGO untuk memantau daripada satu Parlimen ke satu Parlimen untuk mengenal pasti atau membuat laporan jika berlaku kenaikan harga.

Kedua, saya nyatakan tadi bahawa peniaga-peniaga akan buat *submission* dengan izin. Dalam *submission* tersebut, dia bagi *detail*. Di situ kita boleh tahu sama ada berlaku ketidakbetulan, maknanya dia tiba-tiba dia naikkan margin dan semua ataupun tidak. Makna kita ada sumber dan tindakan terpaksa kita ambil ke atas peniaga-peniaga tersebut.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Menteri, sekejap saja.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kemudian dari segi... Nanti saya habiskan. Dari segi *service charge* tadi, ini telah dilaksanakan kalau tak silap saya daripada tahun 1970. Makna itu memang milik dari hotel bukan melibatkan kerajaan. Akan tetapi, kita sedang berunding dengan mereka macam mana kita hendak buat penyesuaian *service charge* itu. Dipersilakan.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Yang Berhormat Menteri, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Menteri, walaupun saya mengakui bahawa kerajaan telah pun mengarahkan *Auditor General* untuk nak siasat perkara ini, tetapi yang saya *concern* ialah apa yang didedahkan dalam *New York Times* itu adalah dokumen bertarikh dalam tahun 2012 lagi. Jadi persoalannya, sebab itu saya bacakan "*He (Jho Low) also said that the financing would be fully underwritten by Malaysian Government investment fund according to the documents.*"

So bermakna sudah tentulah 1MDB ada pengetahuan benda ini. Kalau tak betul, kenapakah tak pernah lagi saya lihat satu kenyataan rasmi daripada 1MDB *despite* ada *Auditor General* kah apa, itu satu isu lain. Sebab apabila ada *allegation* ke atas 1MDB yang dibaca oleh seluruh dunia ini, kenapakah 1MDB tidak mengambil satu tindakan untuk mengeluarkan kenyataan? Paling kurang dia mesti boleh cakap pada Jho Low, "*How can you said the financing would be fully underwritten by 1MDB?*"

Jadi saya nak tanya kenapakah 1MDB ini tidak mengeluarkan apa-apa kenyataan? Adakah apa didedahkan ini memang satu yang betul sampai tak boleh nak menafikan? Isu penyiasatan kita hormatlah, tetapi tidak bermakna 1MDB tidak boleh langsung nak mengeluarkan kenyataan, penafian kah ataupun membetulkan kalau tak betulkah? Itu persoalan saya. Kenapakah tidak ada apa-apa tindakan daripada 1MDB? Itu saya minta Menteri tolong jawab.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ingat macam ini...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri soalan yang...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kejap, kejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sebentar.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: *Related.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ikut giliran.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya ingat macam ini Tuan Yang di-Pertua. Perkara ini dibangkitkan oleh Yang Berhormat ya. Saya ingat biar lepas ini saya beritahu 1MDB biar dia ambil tindakan ya? Okey, sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Menteri. Tadi Menteri kata bukan Ananda Krishnan yang bagi *loan* RM2 bilion kepada 1MDB untuk menyelesaikan masalah pinjaman 1MDB. Jadi siapa, pihak mana yang beri RM2 bilion *loan* itu? Ini kerana melibatkan RM2 bilion yang cukup, amat besar dan oleh sebab ini melibatkan kewangan negara, kalau tak ada orang bagi *loan*, maka 1MDB akan menghadapi masalah *repayment*.

Walaupun sekarang ada RM2 bilion *loan*, itu pun kita satu hari kita kena tanggung juga. Jadi kita minta kalau Menteri terus terang siapa yang memberi *loan* kepada 1MDB? Itu soalan pertama. Kedua adalah dalam dokumen Sarawak Report, dia ada kata sebanyak USD700 juta telah *supposedly repaid* to PetroSaudi saya *quote* dengan izin. "*Repaid to PetroSaudi as part of joint venture agreement was in fact directed into Swiss Bank account of a company called Good Star which is controlled by Jho Low*". Jadi USD700 juta telah lebih kurang RM2 bilion telah masuk ke dalam Good Star. Jadi kita nak minta penjelasan kenapa duit itu boleh masuk ke dalam Swiss Bank *account, controlled by Jho Low?*

Soalan yang ketiga adalah sekarang kita ikut *report* bahawa ada RM4 bilion telah masuk ke Singapura, okey? Hari ini berita kata Singapore Central Bank akan bekerjasama dengan *authority* Malaysia untuk menyasiat RM4 bilion yang dimasukkan di Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, banyak perkara yang terperinci.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Akan tetapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sebentar. Yang Berhormat...

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: ...Sesi yang lepas Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sebentar ya. Banyak perkara terperinci yang mengenai 1MDB dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sedang dalam siasatan. So dia tidak akan sentuh banyak perkara sekarang ini.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Okey. Tetapi saya habiskan soalan. Jadi RM4 bilion itu, dulu dalam sesi Parlimen yang lepas, Menteri kata duit akan dikembalikan ke tanah air, Malaysia. Kenapa dia sekarang *park* di Singapura? Kenapa tidak terus masuk ke Malaysia? Ini kerana Malaysia memerlukan RM4 bilion itu *even in our banking system*. Minta penjelasan Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya nak tanya Tuan Yang di-Pertua, benda ini masuk dalam, nak saya jawab tidak ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya benarkan untuk tidak menjawab perkara-perkara yang mungkin terlibat dalam siasatan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Okey yang RM2,000 itu, saya kan sebenarnya perkara ini telah kita bincang tempoh hari. Saya kata 1MDB berhadapan dengan *short term cash flow problem*. Bila *short term cash flow problem* bermakna dia perlu membayar *interest* dengan izin dan sebahagian daripada *principal*. Itu dia. Jadi pada masa ini *cash flow* ini tidak cukup. Yang RM2 bilion itu adalah *refinancing*. Bukan – kadang-kadang bila syarikat Tuan Yang di-Pertua, kita kajilah syarikat besar kah, kecil kah, dia ada *refinancing*. Kadang kata *roll over*, kadang-kadang bank itu juga bagi *roll over*.

■1900

Benda ini memang dalam sektor korporat sesuatu yang biasa kerana kemampuan bayar dia bagi, *roll over* beberapa tahun. Jadi ini konteks *roll over*. Akan tetapi bezanya di sini bukan bank yang bagi *roll over* tetapi luar dari bank itu. Jadi, yang bagi ini adalah diurus oleh Tanjong kerana 1MDB beli *Powertek* dari Tanjong. Jadi, Tanjong kalau uruskan daripada pelabur-pelabur swasta sebanyak RM2 bilion dibayar dalam tempoh 50 bulan dengan bayar *interest* dalam tempoh enam bulan. Akan tetapi *the principle* dalam tempoh 15 bulan tidak ada *exchange risk*. Makna kalau naik turun *exchange*, pemberi pinjam itu akan tanggung. Itu ceritanya.

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]: Menteri, kemudian Tanjong itu Ananda Krishnan kerana di *control* oleh Ananda krishnan kan?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tidak. Yang Berhormat tidak faham.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Saya kata di *arrange*, diurus. *Loan given by private investors, not from* Tanjong dengan izin. *It is two different matters*.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kemudian berkenaan dengan RM700 juta. Ini kita telah bincang tadi Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula tadi saya bercakap tentang 1MDB. Yang RM700 juta ini pun saya telah bincang. Tengok balik pada *Hansard* itu ya.

Kemudian yang ketiga, kita tahu 1MDB satu syarikat yang banyak pinjaman. Sama ada dia buat pelaburan, dia buat hartanah, dia buat tenaga, itu berdasarkan kepada pinjaman. Jadi pinjaman sebahagian besarnya pinjaman luar negara. Jadi apabila dia bawa balik *second tranche*, yang ini untuk dibayar pinjaman luar negara dalam USD. Terpulang kepada 1MDB mana dia hendak letak. Jadi dia letak di situ kerana dia ada *understanding* dengan bank tersebut supaya bayar nanti kepada yang USD di luar negara. Dia tidak ada apa *fraud* hendak berlaku di situ, tambah pula kita sudah ada *committee* kita, pihak Ketua Audit Negara pun siasat. Tidakkannya duit yang ada di situ hendak dilakukan penyelewengan Tuan Yang di-Pertua. Hutang negara Tuan Yang di-Pertua, hutang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Ya, Yang Berhormat Kalabakan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tanjong Karang bertanya pasal GST. Kalau kita kendalikan pada bulan hadapan tentu sekali Yang Berhormat Tanjong Karang kata ada penyelewengan daripada peniaga-peniaga. Jadi Menteri jawab bahawa KPDNKK dan lain-lain akan memantau. Saya khawatir Tuan Yang di-Pertua kerana sekarang ini pun kita nampak barang-barang yang bersubsidi ini yang dihantar ke luar negara ke Indonesia tidak ada pemantauan. Jadi ini satu bebanan lagi. Kita mintalah kalau boleh, apa cara yang berkesan supaya peniaga-peniaga yang menaikkan harga apabila GST ini dikuatkuasakan, mereka ini diambil tindakan. Kalau tidak macam sekarang juga. Orang mengambil kesempatan dari barang-barang subsidi. Jadi minta kalau boleh satu konkrit supaya rakyat boleh puas hati. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh tambah sedikit? Yang Berhormat Menteri, penjelasan itu kurang jelas. Berhubung dengan *service charge*. Apabila kita makan di hotel, di restoran, sekarang ini di samping *government tax*, dia ada *service charge*. Jadi selepas pelaksanaan GST, apakah *service charge* di hotel ini masih dimasukkan sebagai *tax* sebab kita dimaklumkan belum ada penjelasan. Kalau di US, dia dikira *tips*, jadi suka-suka kitalah hendak bagi atau tidak bagi. Kalau servis dia tidak baik, kita *order* barang satu jam baru sampai, tidak adalah *tips* dia. Jadi, macam mana cara kerajaan menangani isu ini supaya jangan ada orang memanipulasikan isu bahawa GST kita dua kali ganda, satu 6% satu 10%. Ini yang perlu dijelaskan Yang Berhormat Menteri, terima kasih.

Dato' Ir. Nawawi bin Ahmad [Langkawi]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung sedikit tentang USD, lanjutan daripada apa yang dicakap oleh Yang Berhormat Kinabatangan tadi. Saya di Langkawi ini memang kita ada banyak hotel dan harapan saya dapat permintaan daripada anak-anak buah, bahawa *tax* 10% ini jangan lari, kalau tidak dia orang tidak dapat duit kalau *tax* itu pergi kepada pekerja, bukan pergi pada kerajaan.

Kedua ialah apabila saya lihat Langkawi, Labuan dan juga Tioman, kami tidak ada GST. Akan tetapi pada masa yang sama, saya difahamkan bahawa Telekom dan Astro akan mengenakan juga *charge* GST untuk servisnya di Pulau Langkawi. Harapan saya kalau boleh kerajaan dapat perelaskan ini dan kalau boleh bagi *free*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, saya beri Yang Berhormat Titiwangsa dahulu.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya rasa dalam Dewan ini apabila kita berbincang soal 1MDB, kita kena menggunakan *legitimate document*. Kalau *document* kita berdasarkan kepada *The Edge Report* atau *Sarawak Report*, saya ingat *this is something that no one be able to verify*. Jadi, saya rasa *at this moment* kerajaan menggunakan *audited account of Deloitte*. Jadi kalau hari ini kerajaan juga telah membuat keputusan untuk buat *detail investigation* melalui AG dan juga PAC. Jadi saya rasa lebih baik kita biarkan AG dan PAC ini buat *report*. Kalau tidak kita akan *jeopardize* kita punya ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya, itu yang saya benarkan permohonan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Menteri. Saya mengalu-alukan kehadiran balik, selamat kembali Yang Berhormat Kuala Krai baru keluar...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Dari mana Yang Berhormat ?

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Baru keluar dari lokap, sebab isu GST dua malam tidur lokap. *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Takkan tidak ada sebab?

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Yang saya pelik Yang Berhormat Pokok Sena tidak kena tangkap, Yang Berhormat Kuala Krai kena tangkap. Yang Berhormat Shah Alam tidak kena tangkap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Kita balik pada GST Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mestilah ada sebab.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Itulah sebabnya.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Mestilah ada sebab hendak...

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Saya ada di Parlimen, kita hantar dia wakil saya untuk duduk dalam lokap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* ...Orang kena tangkap dia kata tahniah, banduan pun hendak tahniah. Apa ini Yang Berhormat Pokok Sena?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok sena, sudah selesai penjelasan? *[Dewan riuh]*

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Belum lagi, saya hendak tanya macam mana dia bisung.

Datuk Seri Haji Noh bin Omar [Tanjong Karang]: Siapa kena tangkap hero. Siapa jadi banduan hero. Inilah perangai pembangkang. Hendak jadi hero masuk lokap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak payah respons, penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Okey, bertenang. Macam mana Ahli Parlimen Tanjong Karang meroyan pula.

Beberapa Ahli: Makan ubat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan. Pertama, berkaitan dengan bahan-bahan percetakan sebab saya difahamkan bahawa hampir 80% oleh persatuan penerbit buku-buku mengatakan bahawa buku-buku ini dikenakan GST termasuk buku-buku agama. Jadi, saya fikir bahawa adalah tidak wajar untuk buku-buku agama ini dikenakan GST kerana kita seharusnya lebih banyak menggalakkan kepada mereka menerbitkan buku dan juga pembelian buku untuk anak-anak. Kita membeli buku agama. Jadi, saya minta disemak kembali.

Kedua, saya hendak tanya betul kah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Bintulu bahawa tuala pelekat wanita pun kena GST?

Seorang Ahli: Itu Yang Berhormat Lananglah cakap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya tunggu Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Parit Sulong tidak bangun. *[Ketawa]*

Seorang Ahli: Sudah tidak pakai.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah tidak pakai? *[Ketawa]* Ini serius. Saya fikir ini soal kegunaan golongan wanita, seharusnya diberikan pertimbangan. Suatu benda yang tidak wajarlah daripada anak-anak kita sendiri yang pakai sampailah kepada yang sudah berumur pun pakai. Saya fikir satu perkara yang tidak wajar. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Pertama Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan tadi dan Yang Berhormat Kalabakan. Saya sentuh tadi kita ada *Anti-profiteering Act*, maknanya kita akan ambil tindakan tegas. Ini kita telah tekankan kepada kementerian KPDNKK, malah kita minta KPDNKK supaya adakan mahkamah khas dan dia ada *networking* dia lantik kawasan-kawasan Parlimen, anggota masyarakat untuk memberi laporan.

■1910

Kedua, mengenai dengan 10 *percent charge*, ini bukan termasuk bawah kerajaan. Ini termasuk bawah pihak bank, pihak restoran yang telah dilaksanakan dari tahun 1970 kalau tidak silap saya. Malah, kita minta kepada KPDNKK juga untuk berunding dengan mereka macam mana kedudukan itu nanti.

Kemudian mengenai dengan Yang Berhormat Langkawi mengenai dengan ..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Astro.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: GST tiada *top up* itu. Yang *top up* itu sekarang ini memang ada *sales tax* lah. Esok pun dia sama. Dia tidak ada perubahan.

Kemudian, berkenaan dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Titiwangsa itu betul. Kalau kita ikut di kuorum Parlimen, badan tertinggi, kita gunakan *legitimate* punya – itu sebab saya tanya Tuan Yang di-Pertua tadi, “*Kalau ikut sini bolehkah?*”

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua kata boleh jawab, sebab itu saya jawab. Maknanya kalau kita sudah ada *legitimate*, kita gunakan *P&L balance sheet*. Malah saya lihat dalam akhbar, biasanya bila buat laporan tentang syarikat, ia akan menyentuh soal keuntungan dalam konteks, dengan izin, *P&L* dan *balance sheet*. Akan tetapi yang ini sentuh pada isu-isu yang kita tidak tahu sebenarnya dari segi di mana kita hendak letak kebenaran tersebut.

Kemudian Yang Berhormat Pokok Sena menyentuh tentang buku. Ia *zero-rated* semuanya. Kita putuskan memang tidak bayar, *zero-rated*. *[Disampuk]* *Zero-rated* maknanya kosonglah itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Kemudian tentang tuala tadi itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sudah buat pengumuman?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sudah dibuat keputusan minggu sudah.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Sudah okey dah. Dah sudah, okeylah Yang Berhormat.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Saya minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Sudahlah itu.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Sekejap, sekejap. Saya baru telefon antara ahli persatuan penerbit buku baru-baru ini. Baru beberapa hari yang lalu...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Nanti saya cakap.

Dato' Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: ...Mereka mengadakan pertemuan dengan Timbalan Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri Kewangan mengatakan bahawa dia akan pertimbangkan dan kenyataan rasmi akan dikeluarkan nanti. Jadi, maknanya belum ada apa-apa kenyataan. Jadi, saya pun terkejut bila Yang Berhormat kata sudah pun ada satu keputusan dan buat kenyataan. Itu yang saya minta penjelasan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Baik.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hello, hello. Yang Berhormat ...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, nanti, nanti. Biar saya cakap...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya rasa Yang Berhormat Pokok Sena tidak baca Utusan Malaysia. Itu sebab dia tidak tahu. *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Okey. Kemudian berkenaan dengan tuala tadi. Dia sekarang ini kena 10% *sales and service tax*. Bawah GST nanti kena 6%. Maknanya kurang 4%.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya mengenai dengan hutang negara.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: Sedikit, sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan Serai bangun.

Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]: GST, sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Umumnya pelaksanaan GST ini kita akan lihat ada barang yang naik dan ada barang yang turun. Jadi, kesan ke atas pengguna sebenarnya bergantung pada raga kepenggunaan. Maknanya komposisi perbelanjaan dia yang sebenarnya.

Sekiranya kita kelaskan masyarakat ini kepada kumpulan yang berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah, apakah kesan mutlak sebenarnya yang bakal dihadapi oleh setiap kumpulan ini secara pembelian penggunaan dia?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Yang Berhormat Menteri, boleh?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya sedikit sahaja kepada Yang Berhormat Menteri. Dalam kita melaksanakan GST tidak lama lagi pada 1 April ini, adakah pihak Yang Berhormat Menteri bercadang untuk mengeluarkan sama ada *pamphlet* atau pun buku-buku rujukan kepada masyarakat apakah barang-barang yang dikenakan GST dan apakah barang-barang yang tidak dikenakan GST supaya penjelasan seperti ini lebih jelas?

Mungkin buku ini boleh dibawa ke *supermarket-supermarket*, *dicheck* apa barang yang hari ini masyarakat kata termasuk barang-barang yang tidak kena GST pun dia kata GST, GST, GST.

Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin [Sepang]: Nanti buku itu pun kena GST juga.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita telah buat secara simulasi kesan daripada pelaksanaan GST. Sebenarnya saya nyatakan tadi, kalau pendapatan individu itu bawah, dia punya perbelanjaan lebih kepada barang-barang *basic*, barang-barang *essential*, dengan izin, *essential* item. Jadi, pengenaan GST itu *zero-rated*. Kalau yang kaya, mungkin dia pergi sekolah swasta umpamanya, dia akan kena lebih. Jadi, secara puratanya saya kata CPI itu lebih kurang 1%, lebih kurang, tetapi bagi yang berpendapatan rendah itu dia lebih rendah lagi atau kurang daripada itu. Saya ingat yang penting sekali *shoppers list* itu nanti kita edarkan kerana di situ sudah ada senarai barang-barang itu.

Mengenai hutang negara Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Titiwangsa bangun.

Datuk Johari bin Abdul Ghani [Titiwangsa]: Ada sedikit. Saya hendak tanya soalan ini. Saya nampak GST ini apabila diimplement, yang takut ini saya ingat bukan pasal *customer*, yang takut ini lebih kepada peniaga-peniaga.

Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kalau sekiranya bila kita *implement* GST ini, syarikat-syarikat yang dahulu katakan dia punya *turnover RM50 million* tetapi sepatutnya produk yang dia kena bayar *sales tax* itu adalah 10%, tetapi sebahagian daripada mereka ini dia tidak *full declare* dia punya *tax*, selepas itu bila ada GST ini dia tidak boleh lari daripada hendak *declare*. Jadi, apa yang saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, sekiranya kita berdepan dengan keadaan di mana syarikat apabila GST kita nampak dia bayar *full* tetapi kita tengok *turnover* dia berdasarkan kepada *history turnover* dia, dia tidak bayar *full*, adakah MoF akan dikenakan *backdated tax* yang *sales tax* yang dia tidak bayar?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, malah dalam pendaftaran syarikat untuk GST, kita dapati sebenarnya ada 30,000 syarikat yang daftar GST yang tidak daftar dengan LHDN. Sekarang pihak LHDN sedang ambil tindakan untuk kutip cukai ke atas pendaftaran dan kutip cukai oleh syarikat-syarikat tersebut. Dalam erti kata lain, kerajaan tidak akan membiarkan syarikat-syarikat yang tidak mengikut peraturan lepas begitu.

Kemudian saya juga nyatakan tadi bahawa 358,000 syarikat telah mendaftar. Maknanya daripada segi syarikat yang mendaftar itu begitu menggalakkan. Saya mengatakan menggalakkan kerana di bawah *sales service tax* hanya 63,000 syarikat mendaftar. Maknanya kalau 358,000, lebih kurang lima kali lebih besar daripada di bawah *sales tax*. Bermakna bahawa peniaga-peniaga mengambil bahagian dan melihat pelaksanaan ini sebagai satu yang positif. Hanya saya katakan semasa kita mula laksanakan, *the tipping problem* dengan izin. Mungkin isi borang silap kah apa, pada bulan yang pertama itu. Selepas itu saya percaya ia akan menjadi elok.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan hutang tadi, ada perkara yang dibangkitkan tentang kerisauan bahawa hutang kita nanti akan pecah kepada siling. Saya ingin jelaskan di sini, di bawah Akta Pinjaman Tempatan, hutang kita mesti tidak lebih daripada 55% daripada KDNK. Kemudian di bawah Akta Hutang Luar Negara, tidak lebih daripada RM30 bilion. Akan tetapi daripada segi kerajaan, kerana kita hendak pastikan pengurusan kewangan yang berhemah, kita *combine* sekali. Bermakna hutang dalam negara, hutang luar negara ini disatukan mesti tidak lebih daripada 55%. Maknanya, dia punya standard lebih tinggi daripada yang ditetapkan dalam akta. Jadi, dalam konteks itu, pada peringkat ini hutang negara kita adalah 54.3% lebih kurang lah. Saya tidak kata mesti, lebih kurang ya, 54.4% pada tahun 2014. Maknanya kita masih di situ.

Kemudian, ada individu yang merasa risau menyatakan bahawa hutang kita begitu tinggi. Saya ingin nyatakan di sini, kita harus membuat perbandingan hutang kita dengan negara-negara

lain. Hutang kita RM582 bilion dan kita *convert*, dengan izin, hutang *in US Dollar* dengan izin, kepada ringgit.

■1920

Macam Singapura - RM1 trilion, Indonesia - RM753 bilion, *Philippines* - US RM66 trilion, UK - RM8 trilion, Jepun - RM36 trilion supaya kita dapat lihat dalam konteks mana hutang kita tersebut. Daripada segi pertumbuhan...

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri, boleh sikit?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Saya tertarik bila...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, selalulah hendak mencelah, tunggu sehingga ayat itu noktah berhenti, baru kita masuk.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Menteri sudah beri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya.

Dato' Dr. Mohd. Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus]: Baik, Menteri membuat perbandingan di antara negara yang lebih banyak hutang berbanding Malaysia. Konsep kita ialah [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Tengok yang kurang, bukan tengok yang lebih*", itu satu.

Kedua, yang kita pertikaikan sekarang hutang negara ialah kalau Menteri sebut isu berhemah tadi, tahun 2009, hutang negara RM362 bilion tetapi akhir 2014 ikut rekod yang saya ada, RM677 bilion. Jadi peningkatan 100%. Jadi di mana persoalan berhemah yang dikatakan oleh Menteri tadi?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, bila kita buat perbandingan, kita banding negara yang berada pada taraf yang sama ataupun yang bergerak ke hadapan. Jadi, kita adalah negara yang dipanggil sebagai *high middle income economy*. Kita hendak pindah kepada *high income*. Itu sebab saya gunakan negara-negara termasuklah China, tunjukkan, Indonesia pasal dalam kategori yang sama dan yang lebih daripada itu pula, macam mana pula negara yang maju boleh pinjam banyak kerana dia negara maju. Jadi kita ambil dalam kategori yang sama, itu yang kita gunakan.

Kemudian berkenaan dengan hutang tahun 2007, 2014 ya, kita ambil daripada segi nisbah, kita bukan ambil daripada segi *volumenya*. Daripada segi nisbah kita ingat pada tahun 2008/2009, berlaku satu kegawatan ekonomi di dunia. Akibat daripada itu, hampir semua negara di dunia yang ada pakej khas *stimulate package*, rangsangan termasuk di Amerika dan beberapa buah negara. Dengan sebab itu, kita punya defisit itu naik hampir lebih kurang 7%, *approximately* lebih kurang 7%. Jadi daripada situlah hendak dikurangkan yang sekarang kita telah capai 3.5% dan *insya-Allah* pada tahun 2020, hasrat kita hendak berimbang itu *insya-Allah* kita capai. Kita lihat dalam konteks itu. Kemudian hutang luar negara, yang ini definisi baru yang membuatkan jumlah itu bertambah besar.

Hutang isi rumah Tuan Yang di-Pertua, jumlahnya memang besar, jumlah hutang antara yang tertinggi. Akan tetapi dalam konteks itu, saya berharap kita lihat dalam konteks kaitannya dengan risiko pinjaman tersebut. Saya lihat di sini, hutang kita 87.9% daripada GDP. Kemudian di atas kita, kita ada negara-negara lain sampai 90% pun ada. UK – 183.7%, Australia – 96.1%, Kanada – 91.4% dan kita tahu Singapura rendah 75%. Akan tetapi apa yang penting ada dua, satu daripada segi aset, aset yang menanggung hutang tersebut. Daripada segi aset yang menanggung hutang tersebut, aset kewangan termasuk KWSP, polisi insurans, ekuiti, dana amanah, deposit dan sebagainya, ia ialah 214. Maknanya ia lebih tinggi daripada hutang tersebut, tiga kali atau empat kali lebih tinggi daripada jumlah hutang tersebut. Kalau kita ambil daripada segi wang tunai, 150.4%.

Kemudian yang kedua, kita bimbang adalah daripada segi risiko pembayarannya. Daripada segi pembayarannya, NPL ialah 1.2%. Jadi, apa yang kita buat? Walaupun daripada segi aset kolateral kepada pinjaman tersebut begitu tinggi, NPL kita rendah tetapi pihak Bank Negara telah ambil tindakan dengan terutama yang kita panggil institusi kewangan yang bukan di bawah BAFIA yang bagi pinjaman tersebut. Jadi kita hadkan supaya tidak begitu mudah individu ambil pinjaman peribadi untuk beberapa halnya itu sehingga bila pembayaran sampai berpuluh tahun, ini mengakibatkan kepada individu begitu berminat tinggi untuk mengambil pinjaman tersebut.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, kita pergi kepada *illicit flow*. Saya hendak jelaskan sedikit di sini Tuan Yang di-Pertua. *Illicit flow* ini ada dua komponen yang dibuat oleh badan antarabangsa tersebut. Satu, eksport kita punya perdagangan, satu, dia kata tunai yang hilang, dia ambil *errors & omissions (EO)*. Daripada segi perdagangan, ia bukan satu *illicit flow* kerana kita mesti ambil tahu bahawa daripada segi negara kita, eksport produk kita bukan semua terus pergi ke negara pengimport terakhir.

Ada yang pergi melalui Singapura, melalui Hong Kong dan melalui negara ketiga yang mana di buku negara pengimport terakhir, jumlahnya datang daripada *country origin* Malaysia. Akan tetapi daripada segi kita, kita letak eksport kita ke Singapura, umpamanya. Jadi perbezaan ini dikatakan *licit flow* yang bukan sebenarnya *illicit flow*. Kemudian kita ambil *error* ini, ia ialah teori. Kita tidak tahu macam mana hendak mengenal pasti di manakah berlakunya *illicit flow* itu kerana ia ialah satu teori. 'A' tolak 'B', ini jumlahnya. Kalau kita ambil yang itu pun, jumlahnya bukanlah begitu tinggi sangat.

Kemudian kita lihat daripada segi ekonomi kita, Tuan Yang di-Pertua. Ekonomi kita, kita lihat kepada konteks prestasi bursa. Prestasi bursa bergantung pada situasi.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: [Bangun]

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Apa yang berlaku sekarang ini, satu, harga minyak turun. Jadi indeks kepada syarikat-syarikat petroleum kita dalam bursa, ia menurun. Itu menjejaskan indeks bursa kita. Kedua, kita ada isu *currency* dan ketiga, ekonomi

Amerika sekarang ini semakin kukuh. Kadang-kadang keluar kenyataan bahawa pengangguran di Amerika telah berkurangan. Ini mengakibatkan kepada pelabur dia bawa, dia buat *net selling* di sini dan kemudian pergi ke negara tersebut kerana *interest rate* akan tinggi. Jadi ini mempengaruhi bursa kita tetapi bukanlah indeks kita turun begitu tinggi. Sekarang ini masih 1.7 lebih. Begitu juga dengan ringgit kita. Ringgit kita dalam konteks apa yang berlaku sekarang ini, US dolar dengan hampir semua kecuali euro, nilainya lebih tinggi US dolar daripada *currency* yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Ya Yang Berhormat Bukit Katil bangun.

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd. Akin [Bukit Katil]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya tadi saya hendak menyentuh ataupun inginkan penjelasan dalam bab hutang kerana baru-baru ini Gabenor Bank Negara ada mengeluarkan kenyataan bahawa *short-term external debt* kita telah pun mencecah RM359 bilion dan beliau memaklumkan separuh daripada itu adalah dibiayai oleh *foreign currency*. Kita sedia maklum bahawa kita punya kadar tukaran wang banding Amerika telah pun merosot sebanyak 12%. Saya ingin tanya dengan keadaan-keadaan ini berdasarkan kita punya *result*, antarabangsa pun lebih kurang RM385 bilion Januari tahun ini. Jadi, adakah ini boleh menyebabkan keadaan negara kita berada dalam keadaan kritikal dan apakah tindakan kerajaan untuk memastikan keadaan ini selamat dan boleh menaikkan *confidence* terutama dalam kalangan pelabur-pelabur? Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni bin Mohamad Hanadzlah: Ia ada dua bila kita bercakap tentang hutang, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Yang Berhormat maksudkan hutang negara, kerajaan ya, hutang kerajaan dalam mata wang luar hanya RM16.8 bilion. Maknanya jumlah itu kecil. Kalau Yang Berhormat lihat dalam konteks hutang negara, hutang negara ini bukannya hutang kerajaan. Syarikat-syarikat kita yang berniaga di luar negara dan sebagainya, ia tidak kena-mengena dengan kerajaan. Saya percaya mereka dapat berhutang atas kemampuan mereka untuk membayar. Terima kasih.

Kemudian kita pergi kepada isu mengenai dengan BR1M, Tuan Yang di-Pertua. BR1M ini yang dibangkitkan tentang tarikh tutup. Tarikh tutup rayuan BR1M adalah pada 31 Mac ini. Maknanya sesiapa yang tidak dapat BR1M itu pada 31 Mac, dia masih boleh merayu sehingga 31 Mac. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Jabatan Perdana Menteri akan dibahas esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Khamis 26 Mac 2015.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.31 malam]